Jumlah Kes Harta Pindaan Harta Hak Milik Kerajaan Persekutuan	1 Harta (1 Kementerian) Kementerian Keselamatan Dalam Negeri - Polis Diraja Malaysia (Ibu Pejabat Polis Daerah Petaling Jaya)	1,492,200.00	104,067.36
Jumlah Kes Pindaan Harta Agensi Badan Berkanun	3 Harta (3 Agensi Badan Berkanun/Negeri) Kerajaan Negeri Selangor - Rumah Kelab Petaling Jaya Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan (Felda) - Kolej Yayasan Felda, Petaling Jaya Maktab Koperasi Malaysia (MKM), Petaling Jaya	1,424,880.00	125,389.44

Ringkasan Jumlah Permohonan Pengecualian/Pengurangan Untuk Tahun 2015 (Januari – Disember 2015)

Nama Pemohon	Nilai Tahunan Semasa Sebelum Pengurangan N.T 50%	Nilai Tahunan Selepas Pengurangan N.T 50%
The Assemblies Of God Of Malaysia	301,200.00	150,600.00
Sedia Bersahabat (The Befrienders) Kuala Lumpur	28,680.00	14,340.00
Pertubuhan Buddhist Tzu-Chi Merits Society Malaysia	30,000.00	Permohonan KIV

Ringkasan Jumlah Permohonan Pengurangan Cukai OKU Yang Telah Diluluskan Bagi Tahun 2015 (Januari – Disember 2015)

Bil.	Bulan	Jumlah Permohonan Yang Diluluskan	Jumlah Nilai Tahunan Semasa (RM)	Jumlah Cukai Taksiran Semasa (RM)	Jumlah Pengurangan 50% Daripada Nilai Tahunan Semasa (RM)	Jumlah Pengurangan 50% Daripada Cukai Taksiran Semasa (RM)
1.	Januari	13	58,680.00	4,788.96	29,340.00	2,394.48
2.	Februari	6	43,030.00	3,786.64	21,515.00	1,893.32
3.	Mac	3	12,290.00	852.84	6,145.00	426.42
4.	April	3	9,600.00	662.4	4,800.00	331.20
5.	Mei	0	0.00	0.00	0.00	0.00
6.	Jun	2	20,040.00	1,363.74	10,020.00	681.87
7.	Julai	2	12,180.00	855.18	6,090.00	427.59
8.	Ogos	4	21,240.00	1,516.56	10,620.00	758.28

Bil.	Bulan	Jumlah Permohonan Yang Diluluskan	Jumlah Nilai Tahunan Semasa (RM)	Jumlah Cukai Taksiran Semasa (RM)	Jumlah Pengurangan 50% Daripada Nilai Tahunan Semasa (RM)	Jumlah Pengurangan 50% Daripada Cukai Taksiran Semasa (RM)
9.	September	3	14,760.00	991.20	7,380.00	495.60
10.	Oktober	1	3,300.00	290.40	1,650.00	145.20
11.	November	0	0.00	0.00	0.00	0.00
12.	Disember	0	0.00	0.00	0.00	0.00
		37	195,120.00	15,107.92	97,560.00	7,533.96

Bahagian Penswastaan, Pembangunan Ekonomi, Pelaburan, Industri & Hal Ehwal Tanah

Penswastaan

1. Memproses permohonan Penswastaan Hartanah.
2. Melaksanakan kajian *feasibility*, analisa pelaburan untuk harta tanah.
3. *Investment analysis* dan penilaian harta sesuatu pelaburan harta dan penswastaan projek-projek harta tanah Majlis bagi menentukan kesesuaian projek dari aspek keuntungan. Setiap cadangan untuk projek pembangunan tanah Majlis oleh pihak swasta akan dikaji viabilitinya, *cost-benefit analysis*, menilai cadangan pelaburan harta mengira *Net Present Value* dan *Internal Rate of Return* (IRR). Kajian kemungkinan ini adalah kajian ekonomi dan kewangan ke atas keupayaan cadangan projek pembangunan bertujuan untuk menunjukkan pulangan atau keuntungan daripada sesuatu projek dengan mengaitkan pendapatan bersih kepada jumlah kos.
4. Menentu Pulangan Penswastaan Hartanah.
5. Urusan hak milik Majlis.
6. Memastikan semua projek penswastaan harta tanah Majlis berjalan lancar dan tiada tanah daripada terbiar.
7. Mengkoordinasikan projek-projek penswastaan harta tanah.
8. Melaksanakan kajian ke atas pembangunan semula harta tanah Majlis jika perlu.
9. Memastikan projek penswastaan mengikut jadual.V



Projek Penswastaan Pembangunan Perumahan Di Atas Tanah Milik Majlis Bandaraya Petaling Jaya



Projek Penswastaan Pembangunan Perumahan Di Atas Tanah Milik Majlis Bandaraya Petaling Jaya

Hal Ehwal Tanah

1. Menguruskan permohonan dan pembelian hartanah yang berpotensi di kawasan Majlis Bandaraya Petaling Jaya.
2. Mengendalikan semua urusan hal-ehwal tanah Majlis terutama dari segi permohonan tanah untuk meningkatkan *landbank* Majlis serta menentukan surat hak milik teratur di samping menguruskan permohonan tukar syarat lanjutan pajakan, milikan tanah dan lesen menduduki sementara dari Pejabat Tanah.
3. Memastikan cukai tanah bagi harta Majlis dibayar sebelum 31 Mei setiap tahun.
4. Urusan insurans harta Majlis. (Polisi insurans kebakaran, *Plate Glass*).
5. Menguruskan permohonan dan pembelian harta tanah yang berpotensi di kawasan Majlis Bandaraya Petaling Jaya.
6. Mengendalikan semua urusan hal-ehwal tanah Majlis terutama dari segi permohonan tanah untuk meningkatkan *landbank* Majlis serta menentukan surat hak milik teratur di samping menguruskan permohonan tukar syarat lanjutan pajakan, milikan tanah dan lesen menduduki sementara dari Pejabat Tanah.

Borang Permohonan Sementara

BORANG INI PERCUMA
DAERAH PETALING

Pentadbir Tanah
Petaling

Tuan,

PERMOHONAN LESEN MENDUDUKI SEMENTARA

Tujuan : **LESEN MENDUDUKI SEMENTARA DI ATAS SEBAHAGIAN TANAH KERAJAAN (REZAB RINTISAN ELEKTRIK) BAGI TUJUAN STESEN TEKSII DAN TEMPAT LETAK KERETA DI JALAN PJS8/9, PJS8, PETALING JAYA**

Mukim : **PETALING**

Adalah saya dengan hormatnya merujuk kepada perkara di atas dengan ini memohon untuk mendapatkan Lesen Menduduki Sementara seperti di bawah:-

Tujuan : **LESEN MENDUDUKI SEMENTARA DI ATAS SEBAHAGIAN TANAH KERAJAAN (REZAB RINTISAN ELEKTRIK) BAGI TUJUAN STESEN TEKSII DAN TEMPAT LETAK KERETA DI JALAN PJS8/9, PJS8, PETALING JAYA**

Luas Kawasan dipohon : **1.87** Ekar / hektar / meter persegi

Tempat : **JALAN PJS8/9, PJS8, PETALING JAYA** Mukim: **PETALING**

2. Kawasan yang dipohon adalah seperti yang bertanda merah di dalam pelan berkembar.

3. Bersama-sama ini disertakan borang maklumat peribadi *saya / syarikat yang telah diisi.

4. Sekiranya permohonan ini diluluskan saya akan mematuhi apa jua syarat yang dikenakan.

5. Saya faham bahawa lesen ini bukanlah hakmilik oleh itu saya tidak berhak menuntut apapun gantirugi atau pampasan jika lesen ini dibatalkan oleh Pentadbir Tanah atau Pihak Berkuasa Negeri.

Sekian, terima kasih.

Yang boleh,
[Signature]

Nama : **DATO HAJI MOHAMAD ROSLAN BIN SAKIMAN DPMS, PJM, AMS**
Tarikh : **.....**

* potong yang berkenaan

AHLI-AHLI LEMBAGA PENGARAH SYARIKAT:
(Sila gunakan lampiran jika tidak mencukupi)

i)	a) Nama	: DATO' HAJI MOHAMAD ROSLAN BIN SAKIMAN
	b) No. K/P. / Warna	: 550923-10-6354
	c) Tempat Lahir / Umur	: SELANGOR / 56 TAHUN
	d) Alamat Syarikat	: MAJLIS BANDARAYA PETALING JAYA
	e) Jawatan dalam Syarikat	: DATUK BANDAR MAJLIS BANDARAYA PETALING JAYA
	f) Jumlah Syer dalam Syarikat ini	:
	g) Pekerjaan sekarang	: DATUK BANDAR MAJLIS BANDARAYA PETALING JAYA
	h) Alamat tempat tinggal	: NO.7 JALAN 19/24B, SEKSYEN 19, 40000 SHAH ALAM, SELANGOR;
	i) No. Tel/Tel Bimbit/No. Fax	: 03-79563544 / 03-79581494
	j) Pendapatan Bulanan	: RM 15,851.79
	k) Maklumat lain	: 1) 2)
ii)	a) Nama	:
	b) No. K/P. / Warna	:
	c) Tempat Lahir / Umur	:
	d) Alamat Syarikat	:
	e) Jawatan dalam Syarikat	:
	f) Jumlah Syer dalam Syarikat ini	:
	g) Pekerjaan sekarang	:
	h) Alamat tempat tinggal	:

BUTIR-BUTIR PERMOHONAN TANAH OLEH SYARIKAT
 (hendaklah diisi dengan lengkap)

1. Nama Syarikat : **MAJLIS BANDARAYA PETALING JAYA**
2. No. Pendaftaran Syarikat :
3. Tarikh Pendaftaran Syarikat :
4. Alamat Syarikat : **JALAN YONG SHOOK LIN, 46675 PETALING JAYA**
5. No. Tel / Tel Bimbitt: No. Fax / E-mail : **03-79563544 / 03-79581494**
6. Modal syarikat yang dibenarkan :
7. Modal syarikat yang telah dibayar :
8. Peratusan Modal Bumiputra :
9. Jumlah Modal Bumiputra yang telah dibayar:
10. Tanah yang dimiliki oleh syarikat :

Bil	Daerah	Tempat / Letak	Luas	Kegunaan	Belian/Pembelian dari Kerajaan dan tarikh

(N.L.C. 22A - Pm. 2/85)				
Karun Tanah Negara Borang 14 A (Seksyen 215, 217, 218)				
PINDAHMILIK TANAH, BAHAGIAN ATAU PAJAKAN				
<p style="text-align: center;"><i>(Setem hendaklah dilekatkan—atau pembayaran cukai dipetaksui—dalam ruang ini)</i></p> <hr/> <p style="text-align: center;">UNTUK KEGUNAAN PEJABAT PENDAPATAN</p> <table border="1" style="width: 100%; border-collapse: collapse;"> <tr> <td style="width: 30%;">Ingatan pendaftaran dibuat dalam Dokumen/Dokumen-dokumen Hakmilik Daftar yang dijadualkan di bawah ini mulai dari pokul pada haribulan 20.....</td> <td style="width: 70%;">Fail mengenai— Jiid Folio Persetahan No. —</td> </tr> <tr> <td>T.M.</td> <td>Pendaftar/Penstadbir Tanah Negeri/Derah</td> </tr> </table> <p>Saya/Kami PERBADANAN KEMAJUAN NEGERI SELANGOR, sebuah Badan Berkanun yang diperbadankan di Malaysia di bawah Enamuk Perbadanan Kemajuan Negeri Selangor, 1964 yang beralamat di Persiaran Barat, Off Jalan Barat, 46505 Petaling Jaya</p> <hr/> <p>*tunpanya *tanah/bahagian yang tak dipercayakan atas tanah— *penerima pajak/penerima pajak kecil dalam *pajakan/pajakan kecil— yang diperlakukan dalam Jadual di bawah ini:</p> <p class="list-item-l1">*(a) Sebagai balasan jumlah wang sebanyak RM^{15,037,287.00} yang dengan ini saya/kami mengaku telah termasuk;</p> <p class="list-item-l1">*(b) Sebagai balasan;</p> <p class="list-item-l1">.....</p> <p class="list-item-l1">.....</p> <p class="list-item-l1">.....</p> <p class="list-item-l1">*(c) Dengan tiada apa-apa balasan.</p> <p>Dengan ini memindahkan kepada penerima pindahan yang tersebut namanya di bawah ini, segala hakmilik atau kepentingan sebagaimana yang ada pada saya/kami.</p> <p>Bertarikh pada haribulan 20</p> <p>Motor Raeri PERBADANAN KEMAJUAN NEGERI SELANGOR diiseterakkan di atas suratcara ini di hadapan :</p> <p style="text-align: right; font-size: small;">Di sini terakam selepas berlakunya dan berku kuasa daripada saje dengnya</p>	Ingatan pendaftaran dibuat dalam Dokumen/Dokumen-dokumen Hakmilik Daftar yang dijadualkan di bawah ini mulai dari pokul pada haribulan 20.....	Fail mengenai— Jiid Folio Persetahan No. —	T.M.	Pendaftar/Penstadbir Tanah Negeri/Derah
Ingatan pendaftaran dibuat dalam Dokumen/Dokumen-dokumen Hakmilik Daftar yang dijadualkan di bawah ini mulai dari pokul pada haribulan 20.....	Fail mengenai— Jiid Folio Persetahan No. —			
T.M.	Pendaftar/Penstadbir Tanah Negeri/Derah			
<small>ALIAS BINTU ARU BAKAR (No. K/P : 4119745) Selainusaha Kerja</small>	<small>Tandatangan (atau lain-lain cara penyempurnaan) oleh atau bagi pihak Pemberi Pindahmilik ZAINUDIN BIN ZAINAL ABIDIN (No. K/P : 4242320) Tinjulan Pengurusan Besar (P)</small>			

<p>Ditulis masukkan nama dan alamat dan berikutnya menyatakan</p> <p>Ditulis masukkan nama orang yang mewakili permakahan</p>	<p>Saya,</p> <p>dengan ini mengaku bahawa *tandatangan/cap ibujari yang di atas itu telah *ditulis/dicapkan di hadapan saya pada..... haribulan 20 dan adalah *tandatangan/cap ibujari yang benar bagi—</p> <p>.....</p> <p>yang telah mengaku kepada saya— (i) bahawa ia/mereka adalah cukup umur; (ii) bahawa ia/mereka adalah/bukan warganegara Malaysia; (iii) bahawa ia/mereka telah menyempurnakan suratara ini dengan suahatinya sendiri; dan (iv) bahawa ia/mereka faham akan kandungan suratcara itu dan natilajnya.</p> <p>Disaksikan dengan tandatangan saya pada.....haribulan..... 20</p> <p style="text-align: right;">.....</p> <p style="text-align: right;">Tandatangan</p> <p>.....</p> <p>*Saya,</p> <p>.....</p> <p>beralamat di.....</p> <p>.....</p> <p>menerima pindahmilik ini.</p> <p>*Ketimi, MAJLIS BANDARAYA PETALING JAYA</p> <p>.....</p> <p>menerima pindahmilik ini mengenai bahagian-bahagian yang tak dipecahkan atas tanah sebagaimana dinyatakan berikut dengan dengan nama kami di bawah ini—</p> <table border="0" style="width: 100%;"> <tr> <td style="width: 35%;">Nama penerima pindahan</td> <td style="width: 35%;">Alamat</td> <td style="width: 30%;">Bahagian-bahagian tanah</td> </tr> <tr> <td colspan="2">Mohor Rasm MAJLIS BANDARAYA PETALING JAVA diniterakikan di atas suratcara ini di hadapan:-)</td> <td style="text-align: center;">  </td> </tr> <tr> <td colspan="3" style="text-align: center;">.....</td> </tr> <tr> <td colspan="3" style="text-align: center;">.....</td> </tr> <tr> <td colspan="3" style="text-align: center;">.....</td> </tr> </table> <p style="text-align: center;"><i>Tandatangan (atau lain-lain cara penyempurnaan) oleh atau bagi pihak penerima pindahan</i></p>	Nama penerima pindahan	Alamat	Bahagian-bahagian tanah	Mohor Rasm MAJLIS BANDARAYA PETALING JAVA diniterakikan di atas suratcara ini di hadapan:-)				
Nama penerima pindahan	Alamat	Bahagian-bahagian tanah														
Mohor Rasm MAJLIS BANDARAYA PETALING JAVA diniterakikan di atas suratcara ini di hadapan:-)																
.....																
.....																
.....																

Borang Permohonan Lesen Menduduki Sementara (TOL)

Borang 14A – Borang Pindah Milik Tanah, Bahagian Atau Pajakan

Pelaburan & Industri

1. Mengkoordinasikan aspek-aspek pelaburan di Petaling Jaya.
 2. Menyediakan risalah untuk meningkatkan pelaburan di Petaling Jaya.
 3. Mengemas kini jumlah pelaburan yang telah dilaburkan di Daerah Petaling Jaya untuk dikemukakan kepada pihak MIDA.

Bahagian Pentadbiran Dan Kewangan

1. Melengkapkan data maklumat hartanah melalui proses notis pindah milik (Borang I).
 2. Memastikan senarai data harta terkini dan lengkap.
 3. Merekodkan fail dan membuka fail harta baru dan fail pentadbiran.
 4. Menghantar Penyata Pemunya dan Borang I kepada pemilik harta.
 5. Bertanggungjawab memasukkan data harta baru dan harta pindaan dalam sistem komputer Majlis.
 6. Mengeluarkan Laporan Pindaan Nilai Tahunan dan lain-lain laporan yang berkaitan.
 7. Menyimpan statistik harta dan menguruskan semua surat-menyerat am jabatan.

Borang Penyata Pemunya.

	 مجلس بردارة پالنجا MAJLIS BANDARAYA PETALING JAYA	No. A 148363
JALAN YONG SHOOK LIN, 46575 PETALING JAYA, SELANGOR DARUL EHSAN TEL: 03-79545984, 79545986, 79545987 FAX: 79545987		
AKTA KERAJAAN TEMPATAN, 1976 BORANG 1 NOTIS JUALAN ATAU PINDAHMILIK (Sekyen 160)		
		SILA AMBIL TINDAKAN SERTA MERTA
Sila kembalikan sebelum _____		
Saya/Kami _____		
berlakum _____		
dengan ini memberi notis sebagaimana dikehendaki di bawah sekyen kecil (1) Sekyen 160 Akta Kerajaan Tempatan, 1976 mengenai yang berikut:		
1.	Hakmilik Pegangan	
	H. S (D) / Q.T. (R) / State Lease _____	
2.	Perihal dan Tempat Letak Pegangan	
	No. Lot _____	Seksyen/Mukim _____
	Alamat Harta _____	
3.	Nama Pemindahmilik (PENJUAL)	
	_____. No. K.P. _____	
	Alamat _____	
4.	Nama Penerima Pindahmilik (PEMBELI)	
	_____. Ne. K.P. _____	
	Alamat _____	
5.	Nombor atau Simbol Suratcara	
	Rujukan _____	Jild Pindahmilik _____
	Folio _____	Tarikh _____
6.	Lain-lain hal	
	Harga beli : _____	Tarikh beli _____
Berlakuk pada _____		berlakuan _____
		20 _____
Perkataan :		
<p>(1) Tujuan boleh didenda sebanyak RM2,000/- (Ringgit). Das (iba) sejauh ia perniaga tidak lelah dari emas bukan stesen kedua-duanya sekali sekinjia tidak memberi Matlis dalam tempoh tiga bulan selepas jualan atas pindahmilik.</p> <p>(2) Sekyan terdapat kesiliran mengisi borang ini, sila telefon 03-79545986.</p> <p>(3) Sila lampirkan salinan geran/hakmilik atau salinan perjanjian jual beli.</p> <p>(4) Sila lampirkan fotostat resit hasil taksiran terakhir yang telah diberikan.</p> <p>(5) Tidakkan perkataan nama tidak akan diambil selagi Borang I tidak diterima oleh pejabat.</p> <p>(6) Sila tutupkan alamat enggang dan poskod namapun.</p>		
Tandatangan		
Untuk Keperluan Pejabat Sahaja		
No. Rujukan		
Tindakan telah diambil		
1. Diterima		
2. Diterimakan		
3. Ke Pembantu Tadbir Kanan		

Borang I.

MAJLIS BANDARAYA PETALING JAYA

NOTIS KENYATAAN PINDAAN SENARAI NILAIAN

(Mengikut Seksyen 144, Akta Kerajaan Tempatan, 1976)

No. Akaun

No. 063948

Kepada:

Bahawa dengan ini diberitahu bahawa Datuk Bandar, Majlis Bandaraya Petaling Jaya akan memindahkan Senarai Taksiran bagi harta yang tersertab di bawah ini pada

jam 12.00 tengahari dan akan dikuatkuasakan pada 1 haribulan

No. Lot:	KOD SEKSYEN	Nilai	Cukai Yang Perlu dibayar
No. Rumah	Kedudukan	Tahunan Baru	Kadar

Sesiapa yang tidak puasfaI seperti alasan-alasan yang terkandung didalam Seksyen 142, Akta Kerajaan Tempatan 1976 bolehlah membuat bantahan berulis kepada Dotuk Bandar, Majlis Bandaraya Petaling Jaya, pada bila-bila masa (**sebelum 10 hari**) daripada tarikh yang ditetapkan diatas. Bantahan-bantahan tersebut akan diperde ngarkan pada suatu tarikh yang akan ditetapkan kelak.

Datuk Bandar,
Majlis Bandaraya Petaling Jaya.

Bertarikh:

Nota: Notis ini dicetak melalui Komputer dan tidak memerlukan sebarang tandatangan.
Sila lihat ketertangan Seksyen 142 dan 144, Akta Kerajaan Tempatan 1976.

Notis Kenyataan Pindaan Senarai Nilaian

8. Bertanggungjawab memastikan semua fail hartanah cukai taksiran disimpan dan direkod dengan selamat dan tepat.
 9. Menguruskan penyediaan belanjawan Jabatan dan mengkoordinasikan penyediaan Sasaran Kerja Tahunan Jabatan.
 10. Notis pindaan Seksyen 144 dan 141 dan mengurus rekod hartanah berkadar.
 11. Urusan fail pentadbiran dan fail pegangan berkadar.
 12. Urusan rekod kedatangan, cuti dan disiplin.
 13. Pengurusan bilik fail / pelan / bilik mesyuarat dan urus setia mesyuarat peringkat Jabatan.
 14. Urus setia Jawatankuasa Bantahan Nilai Harta.
 15. Laporan Pindaan Senarai Nilaian.

16. Urusan carian resmi / kaunter dan merekod senarai pemilik data pindaan dan penilaian semula.
 17. Urus setia Jawatankuasa Bantahan Nilai Harta dan Pindaan / pembatalan harta / akaun harta.
 18. Urusan belanjawan dan baucar bayaran dan Unit Penyimpanan Data / Rekod Harta.
 19. Penerimaan dan memproses bantahan dan keputusan bantahan.
 20. Urusan tukar nama pemilik / Borang I / Penyata Pemunya.
 21. MS ISO 9000-2008 Penentuan Nilai Tahunan-Pemantauan.
 22. Urusan tukar alamat pos.
 23. Untuk membudayakan kualiti, inovasi dan kreativiti, program-program kualiti dikemaskinikan dan dikuatkuasakan:

- A. Memastikan ISO 9000-2008 yang berkuatkuasa bagi perkhidmatan teras utama - proses dan penentuan nilai tahunan dilaksanakan dan mengambil tindakan pembetulan (jika perlu).
- B. Tindakan mengemas kini *Key Performance Indicator* (KPI) Jabatan Penilaian dan Pengurusan Harta.
- C. Mengemas kini Penanda Arasan (PKPA Bil. 1/1999).
- D. Bertanggungjawab mengemas kini Manual Prosedur Kerja (MPK) dan Fail Meja (PKPA Bil. 8/1991).
- E. Mengkoordinasikan Kumpulan Meningkat Mutu Kerja (KMK) (PKPA) Bil. 7/1991) / KIK dan melaksanakan program 5S dan lain-lain perkara berkaitan persekitaran Jabatan Penilaian dan Pengurusan Harta.
- F. Mengemas kini sudut kualiti Jabatan Penilaian dan Pengurusan Harta.
- G. Mengemas kini laporan *Star Rating* dan laporan anugerah-anugerah lain (bila perlu).
- H. Menyediakan laporan tahunan Jabatan Penilaian dan Pengurusan Harta.
- I. Mengemas kini dan menyediakan SKT Jabatan Penilaian dan Pengurusan Harta.
- J. Menguruskan aduan-aduan berkaitan Jabatan Penilaian dan Pengurusan Harta.

24. Menguruskan semua baucar bayaran.



Jabatan Kawalan Bangunan



Struktur organisasi Jabatan Kawalan Bangunan terbahagi kepada 5 bahagian dengan fungsi-fungsi yang ditetapkan iaitu:

Bahagian Kawalan Pembangunan Dan Kelulusan

1. Memproses dan meluluskan permohonan kelulusan pelan bangunan baru dan ubah suai bangunan berpandukan Undang-undang Kecil Bangunan Seragam 1984.
2. Memantau keperluan kemudahaksesan OKU dan keperluan GBI pada pelan-pelan bangunan baru.
3. Memantau dan menyelenggara Sistem Pengurusan Fail Bangunan dan EDMS.
4. Mengemas kini data-data GIS berkaitan Jabatan serta laman web Jabatan.
5. Mengurus program tahunan dan program khas yang dianjurkan oleh Jabatan.

Bahagian Kawalan Pembinaan Dan Penguatkuasaan

1. Membuat pemantauan ke atas tapak-tapak pembinaan berpandukan Sistem CCC.
2. Memproses permohonan pengeluaran SKM/CFO dan SP.
3. Membuat siasatan ke atas aduan-aduan yang diterima.
4. Mengambil tindakan penguatkuasaan ke atas binaan tanpa kebenaran dan binaan melenceng daripada pelan yang diluluskan di bawah peruntukan Seksyen 70, Akta Jalan, Parit Dan Bangunan (Akta 133).
5. Memantau projek-projek terbengkalai.

Bahagian Kawalan Struktur Dan Keselamatan Bangunan

1. Memproses dan meluluskan permohonan kelulusan pelan bangunan/struktur sementara seperti permohonan mendirikan menara dan struktur sistem pemancar telekomunikasi, struktur paparan iklan, pejabat jualan sementara, hotel bajet, binaan tapak bina dan rumah contoh.
2. Membuat siasatan ke atas aduan yang berkaitan dan seterusnya mengambil tindakan penguatkuasaan.
3. Memproses permohonan merobohkan bangunan.
4. Memeriksa keselamatan struktur bangunan lebih 5 tingkat yang melebihi 10 tahun SKM dikeluarkan di bawah peruntukan Seksyen 85A, Akta Jalan, Parit Dan Bangunan (Akta 133).

Bahagian Rekabentuk Dan Pengurusan Program

1. Menyediakan data dan kajian reka bentuk untuk bangunan Majlis agar setiap pembangunan Majlis yang dilaksanakan oleh Majlis sendiri telah mengambil kira semua aspek berkaitan dengan penetapan garis panduan yang digunakan oleh Majlis untuk pembangunan luar.
2. Melaksanakan Anugerah Bangunan Ceria.
3. Mengenal pasti lorong-lorong belakang yang boleh dinaik taraf untuk memberi imej kepada bandar dari aspek komersil dan nilai seni serta mewujudkan identiti kepada sesuatu kawasan.
4. Merancang seminar/bengkel dan lawatan sambil belajar.
5. Membuat lawatan berkala ke tapak supaya binaan tidak melenceng dari garis panduan yang ditetapkan.

Bahagian Kawalan Kualiti dan Strategik

1. Menyediakan dasar, garis panduan dan strategik Jabatan yang terlibat dengan reka bentuk Bandar Petaling Jaya.
2. Menambah baik dan menyediakan ISO dan SOP Jabatan.
3. Memantau serta menambah baik dasar dan garis panduan sedia ada seperti penyediaan manual jabatan dan sebagainya.
4. Mengumpul data dan menganalisis statistik bangunan yang melibatkan SPAH, OKU dan lain yang berkaitan dengan bangunan.
5. Mengkoordinasi serta memantau projek-projek yang melibatkan *universal design*/ reka bentuk sejajar, pengurusan tenaga dan lain-lain yang berkaitan dengan bangunan.


Aktiviti Utama Jabatan

Kelulusan Pelan


Penerimaan Permohonan Kelulusan Pelan Bangunan bagi tahun 2015 adalah sebanyak 1,333 permohonan. Kategori permohonan kelulusan pelan bangunan diterima bagi tahun 2015 adalah seperti jadual di bawah:

Bil.	Kategori Bangunan	Jumlah Permohonan	Peratus
1.	Bangunan Baru	75	6%
2.	Tambahan/Pindaan Bangunan	1,014	76%
3.	Bangunan/Struktur Sementara	244	18%
Jumlah		1,333	100%


Jumlah kutipan hasil tahun 2015 adalah bayaran proses pelan berjumlah RM 3,698,531.59 dan bayaran denda berjumlah RM 2,001,945.00.



Pecahan Permohonan Kelulusan Pelan Bangunan Baru



Pecahan Permohonan Kelulusan Pelan Tambahan/Pindaan Bangunan




Pecahan Permohonan Kelulusan Pelan Bangunan/Struktur Sementara


Proses Pemantauan Pembinaan & Penerimaan Borang F (Perakuan Siap Dan Pematuhan)

Lawatan ke tapak pembinaan dijalankan bagi tujuan pemantauan aktiviti-aktiviti yang dijalankan, selepas pelan-pelan bangunan diluluskan atau selepas *Principal Submitting Person* (PSP) mengemukakan Borang B (Notis Memulakan/Penyambungan Semula Kerja Bangunan) atau Perakuan Berperingkat (Borang G1-G21). Sepanjang tahun 2015, Jabatan Kawalan Bangunan telah menerima sebanyak 117 Borang B dan 194 Perakuan Siap Dan Pematuhan (Borang F) seperti pecahan dalam carta di bawah.

Pecahan Penerimaan Borang B




Tindakan penguatkuasaan akan diambil sekiranya berlaku ketidakakururan seperti kerja melebihi masa yang dibenarkan, binaan melenceng daripada pelan yang diluluskan dan lain aduan yang munasabah. Kompaun kerja lebih masa dikenakan sebanyak RM5,000.00. Sejumlah 17 kompaun kerja lebih masa telah dikeluarkan pada tahun 2015 yang berjumlah RM85,000.00.



Pecahan Penerimaan Perakuan Siap Dan Pematuhan (Borang F)



Lawatan ke tapak bina



Gambar-gambar lawatan ke tapak bina Prasarana di PJS 8

Tindakan Penguatkuasaan


Tindakan penguatkuasaan ke atas binaan tanpa kebenaran, binaan melenceng dari pelan yang diluluskan dan kesalahan di tapak binaan di kawasan Majlis dijalankan di bawah peruntukan Akta Jalan, Parit Dan Bangunan 1974 (AKTA 133).

Tindakan penguatkuasaan diambil berpandukan aduan yang diterima, rondaan dan pemantauan tapak binaan oleh Pemeriksa Bangunan. Jabatan Kawalan Bangunan mencatatkan penerimaan aduan sebanyak 483 aduan pada tahun 2015 berbanding tahun 2014 sebanyak 375 aduan yang diterima. Peningkatan sebanyak 108 (22%).



Pecahan Status Aduan

Tindakan penguatkuasaan ke atas aduan-aduan diambil dengan mengeluarkan notis-notis seperti pecahan carta di bawah:



Pecahan Notis-Notis Tindakan Penguatkuasaan Yang Dikeluarkan

Sebanyak 71 operasi meroboh binaan tanpa kebenaran dan struktur iklan haram telah dilaksanakan sepanjang tahun 2015. Kerja-kerja perobohan dijalankan oleh Majlis atau kontraktor yang dilantik dengan kerjasama jabatan-jabatan lain yang berkaitan seperti Jabatan Penguatkuasa, Jabatan Kejuruteraan, Polis Diraja Malaysia, Jabatan Bomba Dan Penyelamat Malaysia dan Tenaga Nasional.





Perobohan struktur iklan tanpa kebenaran

Pemeriksaan Bangunan Secara Berkala

Pemeriksaan ke atas bangunan-bangunan yang melebihi 5 tingkat selepas 10 tahun Sijil Kelayakan Menduduki dikeluarkan dijalankan di bawah peruntukan Seksyen 85A, Akta Jalan, Parit Dan Bangunan 1974 (AKTA 133).

Pada tahun 2015 sebanyak 9 notis telah dikeluarkan dan 4 lawatan dijalankan ke atas bangunan-bangunan yang melebihi 5 tingkat yang telah cukup tempoh.





Lawatan untuk pemeriksaan bangunan secara berkalaka

Bahagian Reka Bentuk Dan Pengurusan Program

Anugerah Bangunan Ceria

Program ini merupakan acara tahunan yang dianjurkan oleh Jabatan Kawalan Bangunan bermula pada tahun 2007.

Anugerah Bangunan Ceria sekali lagi diadakan pada 8 Disember 2015, anugerah pada tahun ini dibahagikan kepada 2 kategori iaitu Kategori Bangunan Sesebuah RM10,000 dan Kategori Selain Bangunan Sesebuah RM10,000. Hadiah sagu hati RM5,000 juga diberikan kepada 6 kolej yang menyertai Anugerah Bangunan Ceria 2015.

Berikut adalah senarai kolej yang menyertai Anugerah Bangunan Ceria 2015.

Bil.	Kolej	Sumbangan
1.	Kolej Kemahiran Tinggi MARA Petaling Jaya (Anugerah Bangunan Terbaik - Kategori Bangunan Sesebuah)	RM10,000.00
2.	Kolej Antarabangsa LUX (Anugerah Bangunan Terbaik - Kategori Selain Bangunan Sesebuah)	RM10,000.00
3.	The Otomotif College (TOC) – Sagu hati	RM5,000.00
4.	Universiti Teknologi MARA (UiTM) – Sagu hati	RM5,000.00
5.	Malaysia University Of Science And Technology (MUST) – Sagu hati	RM5,000.00
6.	Kolej Kejururawatan Tun Tan Cheng Lock Hospital Assunta – Sagu hati	RM5,000.00
7.	Life College – Sagu hati	RM5,000.00
8.	Etrain College – Sagu hati	RM5,000.00



Pemenang-pemenang Anugerah Bangunan Ceria 2015





Lawatan Ke Plan B Ipoh, No. 75, Jalan Panglima, Ipoh, Perak

Pihak Majlis telah merancang untuk menaik taraf lorong belakang (backlane) kedai dan bangunan Majlis di bawah Program Pelaksanaan Projek Bangunan Ceria, Mesra Pejalan Kaki dan Program Regenerasi di Pusat Bandar Seksyen 52, Petaling Jaya.

Ini bertujuan untuk meningkatkan imej lorong belakang dan bangunan-bangunan Majlis. Pelaksanaan program ini telahpun dijalankan secara berperingkat bermula pada April 2014. Lawatan ini dihadiri oleh Pengarah Kawalan Bangunan dan staf Bahagian Reka Bentuk & Pengurusan Program, wakil daripada setiap bahagian di Jabatan Kawalan Bangunan serta 2 orang kakitangan Jabatan Kejuruteraan. Tujuan lawatan dibuat adalah untuk melihat seni bina, mendapatkan maklumat mengenai artis/pelukis mural, maklumat berkenaan kontraktor yang terlibat serta jenis perniagaan yang dijalankan di sekitarnya dalam usaha menghidupkan dan menceriakan kawasan Plan B @ Ipoh. Lawatan ini telah diadakan pada 27 Ogos 2015.



Program Menaik Taraf Lorong Belakang Seksyen 52, Petaling Jaya

Bermula pada tahun 2013 pihak Jabatan telah merancang untuk menaik taraf lorong belakang kedai di sekitar Petaling Jaya yang bertujuan memberi imej baru kepada lorong belakang kedai. Dengan pelaksanaan program ini, ruang-ruang dalam bandar dapat dimanfaatkan seterusnya boleh meningkatkan ekonomi pemilik-pemilik bangunan terlibat.

Program ini dilaksanakan mengikut beberapa fasa bagi menjayakan projek menaik taraf lorong belakang di sekitar Petaling Jaya. Projek-projek yang terlibat bagi program ini adalah seperti berikut:

1. Mengecat dinding berkonsepkan Venice untuk projek perintis program pengindahan lorong belakang kedai di Seksyen 52 sempena Program PJ International Folklore (Tahun 2014).
2. Projek mengecat lorong belakang Seksyen 52 (Tahun 2015).
3. Projek lukisan Mural/Graffiti (Owl Mural) di tempat letak kereta bertingkat (Kompleks A) (Tahun 2016).
4. Projek lukisan Mural/Graffiti di Lorong Sultan (Tahun 2016).

Mengecat Dinding Berkonsepkan Venice Untuk Projek Perintis Program Pengindahan Lorong Belakang Kedai Di Seksyen 52 Sempena Program PJ International Folklore

Tarikh Mula	2 Mei 2014
Tarikh Siap	3 Mei 2014
Kos Projek	RM19,710.00



Projek Mengecat Lorong Belakang Seksyen 52 Petaling Jaya

Tarikh Mula	24 November 2015
Tarikh Siap	15 Disember 2015
Kos Projek	RM71,300.00




Program Pengindahan Bandar Seksyen 52, Petaling Jaya

Projek Menaik Taraf Lanskap Di Ruang Boulevard

Program ini adalah di bawah peruntukan Tabung Amanah caj pemajuan untuk Program Menaik Taraf Seksyen 52 yang diurussetiakan oleh Jabatan Perancangan Pembangunan.

Tarikh Mula	24 November 2015
Tarikh Siap	15 Disember 2015
Kos Projek	RM60,080.00



Projek Menaik Taraf Jejantas, Seksyen 52 Petaling Jaya



Jejantas di Choy Fook On



Jejantas di Jalan Selangor

Bahagian Kawalan Kualiti Dan Strategik

Lawatan Sambil Belajar Deligasi Pelajar Universiti Malaya

Satu lawatan sambil belajar deligasi pelajar Juruukur Bahan dari Fakulti Alam Bina Universiti Malaya (UM) telah diadakan pada 22 Oktober 2015. Tujuan lawatan ini adalah untuk mengerat lagi silaturahim, penjelasan proses kerja jabatan serta bertukar pendapat.



Bengkel Pengurusan Rekod Bersama Arkib Negara Malaysia

Bengkel ini diadakan sebagai persediaan Audit Pengurusan Rekod yang diadakan pada 29 Oktober 2015. Oleh yang demikian, salah satu inisiatif jabatan telah mengadakan bengkel bagi persiapan audit yang bakal diadakan. Pihak terlibat terdiri daripada Arkib Negara Malaysia dan jabatan-jabatan di Majlis Bandaraya Petaling Jaya. Jabatan Bangunan sebagai urus setia bagi melancarkan bengkel tersebut.



Delegasi Pertubuhan Akitek Malaysia Ke Majlis Bandaraya Petaling Jaya

Kunjungan delegasi dari Persatuan Akitek Malaysia (PAM) ini telah diadakan pada 5 November 2015. Pihak Majlis berbesar hati dan secara terbuka menerima delegasi ini. Perjumpaan ini adalah suatu perjumpaan rasmi yang diadakan bersama Datuk Bandar, Timbalan Datuk Bandar dan Pengarah-Pengarah Majlis Bandaraya Petaling Jaya. Pihak PAM berhasrat untuk membuat kolaborasi bersama-sama Pihak Majlis berkaitan dengan “Petaling Jaya Developing Resilient City And Way Forward”.



Seminar Petaling Jaya Bandaraya Berdaya Huni

Bagi mencapai tujuan dan hasrat pihak Majlis dan PAM memajukan bandar Petaling Jaya sebagai sebuah Bandar Raya Berdaya Huni seminar ini telah diadakan bersama penduduk Petaling Jaya pada 8 Disember 2015 bertempat di Dewan Auditorium MBPJ. Seminar ini dilaksanakan rentetan daripada lawatan delegasi PAM yang telah diadakan pada 5 November 2015.





Jabatan Pembangunan Kemasyarakatan



Bahagian Kebudayaan, Kesenian, Sosial Dan Pelancongan

Fungsi Utama Bahagian Kebudayaan, Kesenian, Sosial Dan Pelancongan

1. Memacu pembangunan modal insan bagi mempertingkatkan potensi diri melaksanakan dasar-dasar Majlis yang memberi tumpuan kepada program-program kebudayaan, kesenian dan pelancongan.
2. Merancang pelbagai aktiviti/program pelancongan di Petaling Jaya bagi membangunkan dan mempromosikan produk-produk pelancongan di Petaling Jaya.
3. Merancang dan melaksanakan program/aktiviti kebudayaan berdasarkan konsep dasar kebudayaan bagi memupuk dan mengembangkan nilai-nilai kebudayaan di kalangan masyarakat Petaling Jaya.
4. Sebagai sekretariat Kota Seni Petaling Jaya di bawah Kerajaan Negeri Selangor melalui Jawatankuasa Tetap **Pembangunan Generasi Muda & Sukan, Kebudayaan dan Pembangunan Usahawan**. Kota Seni diilhamkan sejajar dengan arus pembangunan Negeri Selangor yang rancak ketika ini. Pembangunan fizikal perlu disokong dengan elemen kebudayaan dan kesenian bagi penonjolan imej yang menjadi teras kepada identiti.

Laporan Program Dan Aktiviti Kebudayaan 2015

Bil.	Nama Program	Tarikh / Masa / Tempat	Objektif	Peserta
1.	Busking MBPJ 2015	Setiap Hari Jumaat & Sabtu / Pentas Mini, Menara MBPJ, Dataran Boulevard, Seksyen 52, PJ, Siar Monier, Menara MBPJ	Memberi perkhidmatan secara percuma dengan mengadakan persembahan muzik dan nyanyian kepada komuniti Petaling Jaya. Menampilkan kumpulan Busker daripada Kombo MBPJ dan pihak luar dengan nyanyian lagu yang pelbagai rentak, genre dan pelbagai bahasa.	Kombo MBPJ
2.	Santai Budaya Siri 1 Persembahan Gala Bulanan Kebudayaan	2 Oktober 2015 (Jumaat) / 8.30 malam -11.30 malam / Pentas Mini, Menara MBPJ	Memperkenalkan pelbagai jenis tarian yang terdapat di Malaysia kepada masyarakat umum yang terdiri daripada pelbagai kaum dan bangsa. Memberi pendedahan kepada golongan kanak-kanak dan remaja sebagai penyambung warisan agar tidak luput ditelan arus permodenan. Memartabatkan warisan seni tarian dan mempersembahkan budaya kepada masyarakat dalam dan luar negara. Sebagai platform bagi menonjolkan bakat pelajar sekolah yang berbakat besar dalam seni dan budaya persembahan.	Pemuzik MBPJ Artis Budaya MBPJ SJKC Damansara SMK Taman Medan Indian Culture Troupe SMK Lembah Subang

Bil.	Nama Program	Tarikh / Masa / Tempat	Objektif	Peserta
3.	Santai Budaya Siri 2 Pertandingan "Joget Kreasi Cilik"	13 November 2015 (Jumaat) / 8.30 malam - 11.30 malam / Pentas Mini, Menara MBPJ	<p>Menonjolkan pengisian budaya joget dan tarian untuk masyarakat dan penduduk Petaling Jaya selaras dengan Petaling Jaya ini sebagai Kota Seni.</p> <p>Pencarian belia yang berbakat dalam bidang tarian.</p> <p>Memberi pendedahan kepada golongan kanak-kanak dan remaja sebagai penyambung warisan agar tidak luput ditelan arus permodenan.</p> <p>Memartabatkan warisan seni tarian dan mempersembahkan budaya kepada tontonan umum dan masyarakat tidak kira bangsa.</p>	Wasda Aura Mestika 2 Ekatari Ya Nasr Sakura Jentayu Arcisa Girl Astana Budaya Seroja Kelab Tarian Gemalai Aura Mestika 1
4.	Santai Budaya Siri 3 Persembahan Kebudayaan	4 Disember 2015 (Jumaat) / 8.30 malam - 11.30 malam / Pentas Mini, Menara MBPJ		Astana Budaya Indian Culture Troupe Aswara Group D' Blanco Ejik The Magic Mydiabolo Team
5.	Youth Experimental Music (YEM) 2015	21 Mac 2015 (Sabtu) (<i>Peringkat Saringan</i>) / 9.00 pagi – 12.00 tengah malam 6 Jun 2015 (Sabtu) (<i>Peringkat Akhir</i>) / 8.30 malam - 12.00 tengah malam / Dataran Boulevard, Seksyen 52 PJ	Memberi peluang kepada golongan remaja dan belia untuk berkarya melalui muzik serta mengenal pasti muzik atau peralatan muzik yang unik dan kreatif untuk diketengahkan dalam persembahan.	<i>Young Potato</i> <i>Rhoka</i> <i>B Minor Flat 5</i> <i>Banana Cheese</i> <i>Topeng</i> <i>Rockhaholic</i>
6.	FESTARI PJ 2015	28 Mac 2015 (Sabtu) - Peringkat Sekolah Rendah (2.00 Petang – 6.00 Petang) - Peringkat Sekolah Menengah (8.30 Malam – 12.00 Malam) Dewan Auditorium Dewan Sivik MBPJ	Memberi peluang kepada remaja dan belia untuk menonjolkan bakat dalam seni tarian. Memelihara dan menjaga warisan seni budaya dalam bentuk pendedahan kepada golongan remaja sebagai penyambung warisan agar tidak luput ditelan arus permodenan	Peringkat Sekolah Rendah (17 Buah Sekolah) Peringkat Sekolah Menengah (11 Buah Sekolah)
7.	Idola Kota Seni 2015	3 Oktober 2015 (Sabtu) (<i>Peringkat Suku Akhir</i>) 10 Oktober 2015 (Sabtu) (<i>Peringkat Separuh Akhir</i>) 17 Oktober 2015 (Sabtu) (<i>Peringkat Akhir</i>) / 8.30 malam - 12.00 tengah malam / Pentas Mini, Menara MBPJ	Pencarian anak seni yang berbakat dalam persembahan kreatif, Teater Muzikal dan persembahan vokal yang mantap. Menonjolkan pereka fesyen yang berbakat untuk diketengahkan. Merapatkan hubungan antara masyarakat Petaling Jaya dengan pelbagai pertandingan dan aktiviti melalui program-program yang di anjurkan oleh pihak MBPJ.	Suku Akhir (12 orang) Separuh Akhir (7 orang) Akhir (6 orang)

Bil.	Nama Program	Tarikh / Masa / Tempat	Objektif	Peserta
8.	Festival Band 2015	<p>31 Oktober & 1 November 2015 (Sabtu & Ahad) <i>(Peringkat Uji Bakat, 9.00 pagi - 5.00 petang, Bangunan Kebudayaan Arena, Petaling Jaya)</i></p> <p>7 November 2015 (Sabtu) <i>(Peringkat Saringan Kategori Malaysia Tradisional Kreatif, 8.30 malam - 12.00 tengah malam, Pentas Mini, Menara MBPJ)</i></p> <p>8 November 2015 (Ahad) <i>(Peringkat Saringan Kategori Funk, 8.30 malam - 12.00 tengah malam, Pentas Mini, Menara MBPJ)</i></p> <p>14 November 2015 (Sabtu) <i>(Peringkat Saringan Kategori Jazz, 8.30 malam - 12.00 tengah malam, Pentas Mini, Menara MBPJ)</i></p> <p>15 November 2015 (Ahad) <i>(Peringkat Saringan Kategori Rock, 8.30 malam - 12.00 tengah malam, Pentas Mini, Menara MBPJ)</i></p> <p>29 November 2015 (Ahad) <i>(Peringkat Akhir, 8.30 malam - 12.00 tengah malam, Dataran Boulevard, Seksyen 52 PJ)</i></p>	<p>Memberi peluang kepada golongan remaja dan belia untuk berkarya melalui muzik serta mengenal pasti muzik atau peralatan muzik yang unik dan kreatif untuk diketengahkan.</p> <p>Memberi pendedahan kepada kumpulan muzik <i>independence</i> untuk membuat persembahan yang lebih protokol oleh badan-badan kerajaan.</p>	<p>Kategori Malaysia Tradisional Kreatif <i>Batik</i> <i>Nada Akustika</i> <i>Amir Percussion Group</i> <i>Treble & Clef</i> Kategori Funk <i>Es'obar</i> <i>Oxygen</i> <i>Hard Band</i> <i>Low Flowinder</i> Kategori Jazz <i>Amir Percussion Group</i> <i>The Last G#</i> Kategori Rock <i>SKYMC</i> <i>Floor 88</i> <i>Topeng</i> <i>Ironman</i> <i>Finder Band</i> <i>Apple Green</i> <i>Rimba Bara</i> <i>Project Zero</i> <i>Port Zero</i></p>
9.	PJ Street Art Fest 2015	5 Disember & 6 Disember 2015 (Sabtu & Ahad) / 9.00 pagi - 11.30 malam / Dataran Boulevard, Seksyen 52 PJ, Pentas Mini, Menara MBPJ, Siar Monier, Menara MBPJ	<p>Memberi peluang golongan di kalangan remaja dan belia berkarya melalui lukisan, potret dan lakaran. Salah satu platform untuk berjaya dan maju ke hadapan dalam seni atau bakat melukis.</p> <p>Mengelakkan risiko vandalisme di kalangan remaja dan belia.</p>	Belia dan pelajar

Laporan Program Dan Aktiviti Pelancongan

Bil.	Nama Program	Tarikh / Masa / Tempat	Objektif	Peserta
1.	Program PJRC Powerboat International Championship & EP Boat Sempena Merdeka Race Dan Autoshow Salon 2015	28 Ogos – 30 Ogos 2015 (Jumaat – Ahad) / 7.00 pagi – 6.00 petang / Taman Tasik Bandaran Kelana Jaya	<p>Mempromosi, memperkenalkan dan memartabatkan sukan ini sebaris dengan sukan lain dalam Negara Malaysia serta menjadikan sukan ini sebagai produk baru dan termasuk dalam agenda pelancongan kerajaan Negeri Selangor umumnya dan peringkat MBPJ khususnya.</p> <p>Mempromosi Tasik Bandaran Kelana Jaya sebagai litar lumba untuk mengadakan pertandingan atau demo sukan ini.</p> <p>Meningkatkan kreativiti dan kemahiran peminat sukan ini serta sesuai untuk penglibatan seisi keluarga.</p> <p>Menjalankan kerjasama pintar (smart partnership) di antara Tourism Selangor Sdn. Bhd., Selangor RC dan kelab-kelab bot EP dan pihak MBPJ.</p>	<p>Malaysia:</p> <p>Perlis</p> <p>Perak</p> <p>Sabah</p> <p>Pulau Pinang</p> <p>Negeri Sembilan</p> <p>Pahang</p> <p>Selangor</p> <p>Wilayah Persekutuan</p> <p>Sarawak</p> <p>Melaka</p> <p>Luar Negara:</p> <p>Brunei</p> <p>Singapura</p> <p>Australia</p> <p>Indonesia</p> <p>Thailand</p> <p>Vietnam</p>

Bahagian Sumber Ilmu

Fungsi

1. Menyediakan perkhidmatan perpustakaan kepada semua golongan masyarakat di mana bentuk koleksi perpustakaan akan dipelbagaikan untuk golongan kanak-kanak, remaja, dewasa serta mengambil kira golongan suri rumah dan warga tua.
2. Memberi kesedaran semasa mengenai perkhidmatan perpustakaan yang ditawarkan melalui pelbagai aktiviti termasuk untuk kanak-kanak dan mengadakan program ke arah gerakan membaca.
3. Untuk meningkatkan mutu perkhidmatan perpustakaan dengan memperkenalkan kaedah penggunaan teknologi maklumat sebagai satu alternatif kepada pencapaian maklumat secara konvensional. Perkhidmatan perpustakaan akan diautomasi sepenuhnya dan perkhidmatan multimedia diperkenalkan.
4. Menjadikan Perpustakaan Komuniti sebagai *one-stop-information centre* untuk koleksi Rujukan Penerbitan Kerajaan (PBT) seperti mengadakan koleksi Akta-Akta Malaysia dan mengumpulkan penerbitan-penerbitan *published* dan *unpublished* untuk dokumen MBPJ serta semua nota-nota kursus yang pernah diadakan oleh MBPJ.
5. Berperanan sebagai perpustakaan rujukan di kalangan pelajar-pelajar sekolah, institusi pengajian tinggi swasta dan awam, pelajar-pelajar persendirian dan perkembangan diri sendiri. Melalui kaedah rujukan oleh pegawai profesional yang sedaya upaya memberi perkhidmatan rujukan yang sempurna.
6. Mentadbir Unit Muzium yang berperanan:

- Menjalankan kerja-kerja mengesan, menerima, mengumpul serta membangunkan koleksi Muzium serta bertanggungjawab dalam proses pemuliharaan ke atas bahan-bahan tersebut.
- Menyediakan perkhidmatan rujukan dan maklumat yang tepat, cepat dan berkualiti serta meningkatkan perkhidmatan pendidikan pengguna dalam membantu usaha-usaha pembelajaran, pengajaran dan penyelidikan.
- Mendokumentasi serta menterjemah bahan-bahan yang mempunyai nilai-nilai sejarah, ekonomi dan pembangunan kepada MBPJ dan Petaling Jaya.
- Membangunkan koleksi Muzium dan Galeri Perpustakaan Komuniti Petaling Jaya.
- Menyediakan bahan-bahan untuk tujuan pameran sama ada di dalam atau di luar Muzium.

Laporan Aktiviti Januari – Disember 2015

Bil.	Perkara	Jumlah
1.	Jumlah pengunjung Perpustakaan Komuniti Petaling Jaya Cawangan Kota Damansara Cawangan Taman Medan Muzium Petaling Jaya	97,966 6,684 3,816 - (Muzium ditutup sementara)
2.	Jumlah hasil Perpustakaan Komuniti Petaling Jaya Cawangan Kota Damansara Cawangan Taman Medan Taska MBPJ (PPMK) Muzium Petaling Jaya	RM 87,170.70 RM 1,843.70 RM 1,947.00 RM 141,458.00 RM 69.00 RM 232,488.40
3.	Keahlian bulan semasa (Jan - Dis) Keseluruhan ahli perpustakaan	1,228 57,906
4.	Koleksi buku Perpustakaan Komuniti Petaling Jaya Koleksi buku Perpustakaan Cawangan Kota Damansara Koleksi buku Perpustakaan Cawangan Taman Medan	249,460 18,893 12,246
5.	Keseluruhan koleksi CD/VCD/DVD	75,275
6.	Pinjaman buku/bahan perpustakaan Perpustakaan Komuniti Petaling Jaya Perpustakaan Cawangan Kota Damansara Perpustakaan Cawangan Taman Medan Jumlah	93,586 1,955 1,220 96,761
7.	Jumlah buku yang tidak dipulangkan (Sept - Dis)	796
8.	Jumlah buku yang hilang (Sept - Dis)	23
9.	Jumlah surat peringatan yang dikeluarkan (buku)	168
10.	Jumlah panggilan (reminder)	-
11.	Jumlah pengguna perkhidmatan internet Perpustakaan Komuniti Petaling Jaya Perpustakaan Cawangan Kota Damansara Perpustakaan Cawangan Taman Medan	485 82 218
12.	Jumlah pengguna E-Books dan tajuk-tajuk yang diakses	211

Aktiviti Perpustakaan Yang Telah Dilaksanakan

Tarikh	Aktiviti
09/02/2015	Lawatan Kerja ke Muzium Kastam di Melaka
11/02/2015	Lawatan Kerja Ke Perpustakaan Awam Negeri Sembilan
28/02/2015	Bengkel Intensif Catur (Asas)
14/03/2015	Bengkel Keselamatan Komputer Kaspersky
28 - 29/03/2015	Kejohanan Catur Terbuka MBPJ
18/04/2015	Pertandingan Pidato Bahasa Melayu dan Bahasa Inggeris 2015
22/04/2015	Lawatan dari Tadika Julia Gabriel Centre Cawangan Citta, Ara Damansara
23/04/2015	Program Jom Membaca 10 Minit
09/05/2015	Pertandingan Bercerita Bahasa Melayu & Bahasa Inggeris Sekolah Rendah
28/05/2015	Lawatan Rasmi Datuk Bandar Ke Perpustakaan Komuniti Petaling Jaya
30/05/2015	Bengkel Asas Melukis Kartun Bersama Kartunis Gayour
03 - 04/06/2015	Kem Ibadah Solat Bersama Mantop Training
10/06/2015	Bengkel Mewarna Bersama Uneh Raja Pensil Warna
14/06/2015	Pertandingan Mewarna Sempena Program Mesra Rakyat DUN Bukit Gasing
20/06/2015	Promosi Keahlian Percuma Sempena Ulang Tahun Bandar Raya MBPJ
25 - 27/08/2015	Lawatan Sambil Belajar ke Johor dan Singapura
05/10/2015	Lawatan Kerja Daripada Majlis Perbandaran Sepang
07/11/2015	Perasmian Perpustakaan Cawangan Kota Damansara
24/11/2015	Bengkel Keselamatan ICT Bersama Kaspersky

Aktiviti Unit Muzium Yang Telah Dilaksanakan

Tarikh	Aktiviti
09/02/2015	Lawatan Kerja Ke Muzium Kastam, Melaka Bandaraya Bersejarah
10/02/2015	Lawatan Kerja Ke Muzium Insitu & Istana Sultan Selangor di Jugra, Kuala Langat
25/04/2015	Pertandingan Pesta Pantun Petaling Jaya 2015

Aktiviti Unit Taska Yang Telah Dilaksanakan

Tarikh	Aktiviti
26/03/2015	Lawatan Ke Muzium Polis & Planetarium Negara
11/04/2015	Sukaneka Tahunan Kanak-Kanak PPMK Kali ke-18
03/06/2015	Lawatan Sambil Belajar ke Kilang Coklat Beryl's
10/07/2015	Program Ihya' Ramadhan Kanak-kanak PPMK MBPJ
29 - 30/07/2015	Ujian Bulanan (Bulan Julai) Kanak-kanak PPMK

Tarikh	Aktiviti
31/07/2015	Sambutan Hari Raya Kanak-kanak PPMK
03/09/2015	Pertandingan Nasyid Tadika Sekitar Selangor
10/09/2015	Program Gigi Sihat (Klinik Pergigian Taman Medan)
15/09/2015	Sambutan Hari Kemerdekaan
22/09/2015	Aktiviti Luar : Permainan Rakyat
14/11/2015	Majlis Graduasi Kali Ke-18 Kanak-Kanak PPMK MBPJ
07/12/2015	Lawatan Kanak-kanak PPMK ke Kidzania
08/12/2015	Lawatan Kanak-kanak PPMK ke Farm In The City
09/12/2015	Lawatan Kanak-kanak PPMK ke Aquaria

Gambar aktiviti-aktiviti yang telah dilaksanakan

Perpustakaan



Lawatan Kerja ke Perpustakaan Awam Negeri Sembilan pada 11/02/2015



Bengkel Intensif Catur (Asas) pada 28/02/2015



Bengkel Keselamatan Komputer Kaspersky pada 14/03/2015



Kejohanan Catur Terbuka MBPJ pada 28 - 29/03/2015



Pertandingan Pidato Bahasa Melayu dan Bahasa Inggeris pada 18/04/2015



Lawatan dari Tadika Julia Gabriel Centre pada 22/04/2015



Program Jom Membaca 10 Minit pada 23/04/2015



Pertandingan Bercerita Bahasa Melayu & Bahasa Inggeris pada 09/05/2015



Lawatan Rasmi Datuk Bandar ke Perpustakaan Komuniti PJ pada 28/05/2015



Bengkel Asas Melukis Kartun Bersama Kartunis Gayour pada 30/05/2015



Kem Ibadat Solat Bersama Mantop Training pada 03 - 04/06/2015



Bengkel Mewarna Bersama Uneh Raja Pensil Warna pada 10/06/2015





Program Mesra Rakyat DUN Bukit Gasing pada 14/06/2015



Promosi Keahlian Percuma Sempena Ulang Tahun MBPJ pada 20/06/2015



Lawatan Sambil Belajar ke Johor dan Singapura pada 25 - 27/08/2015



Lawatan Kerja daripada Majlis Perbandaran Sepang pada 05/10/2015



Perasmian Perpustakaan Cawangan Kota Damansara pada 07/11/2015



Bengkel Keselamatan ICT Bersama Kaspersky pada 24/11/2015



Gambar aktiviti-aktiviti yang telah dilaksanakan

Muzium



Lawatan Kerja ke Muzium Kastam, Melaka Bandaraya pada 09/02/2015



Lawatan Kerja ke Muzium Insitu & Istana Sultan Selangor di Jugra, Kuala Langat pada 10/02/2015



Pertandingan Pesta Pantun Petaling Jaya pada 25/04/2015

Gambar aktiviti-aktiviti yang telah dilaksanakan.

Taska



Lawatan ke Muzium Polis & Planetarium Negara pada 26/03/2015



Sukaneka Tahun Kanak-Kanak PPMK kali ke-18 pada 11/04/2015




Lawatan Sambil Belajar ke Kilang Coklat Beryl's pada 03/06/2015



Program Ihya' Ramadhan Kanak-Kanak PPMK MBPJ pada 10/07/2015



Sambutan Hari Raya Kanak-Kanak PPMK pada 31/07/2015



Pertandingan Nasyid Tadika Sekitar Selangor pada 03/09/2015




Program Gigi Sihat Klinik Kesihatan Taman Medan pada 10/09/2015



Sambutan Hari Kemerdekaan Kanak-Kanak PPMK pada 15/09/2015




Majlis Graduasi Kali ke-18 Kanak-Kanak PPMK pada 14/11/2015



Lawatan Kanak-Kanak PPMK ke "Kidzania" pada 07/12/2015



Lawatan Kanak-Kanak PPMK ke "Farm In The City" pada 08/12/2015



Lawatan Kanak-Kanak PPMK ke Aquaria, KLCC pada 09/12/2015



Jabatan Penguatkuasaan



Jabatan Penguatkuasaan dibahagikan kepada lima Bahagian iaitu:

1. Bahagian Penguatkuasaan
2. Bahagian Operasi

3. Bahagian Pengurusan
4. Bahagian Komunikasi dan Logistik
5. Bahagian Lalulintas

Fungsi Jabatan Penguatkuasaan Secara Umum

1. Menguatkuasakan Akta Kerajaan Tempatan 1976 (Akta 171).
2. Menguatkuasakan Akta Jalan, Parit dan Bangunan 1974 (Akta 133).
3. Tindakan kepada halangan tempat letak kereta di bawah Perintah Lalulintas (Peruntukan Mengenai Tempat Letak Kereta) Petaling Jaya 2007.
4. Tindakan penguatkuasaan / pemeriksaan ke atas premis perniagaan di bawah Undang-undang Kecil Pelesenan Tred, Perniagaan dan Perindustrian (MBPJ) 2007.
5. Pengawalan / pencegahan pembinaan rumah setinggan / binaan tanpa kebenaran dan lain-lain struktur binaan di atas tanah kerajaan di bawah Ordinan Darurat Peraturan-Peraturan Perlu Pembersihan Setinggan 1969.
6. Tindakan penguatkuasaan / pemeriksaan ke atas premis pusat hiburan di bawah Enakmen Hiburan dan Tempat-Tempat Hiburan 1995, pindaan 1998 dan pindaan 2001.
7. Kawalan / pengawasan / pengusiran penjaja di bawah Undang-undang Kecil Penjaja (MBPJ) 2007.
8. Tindakan penguatkuasaan ke atas sampah haram di bawah Undang-undang Kecil Pemungutan, Pembuangan dan Pelupusan Sampah-sarap (MBPJ) 2007.
9. Tindakan penguatkuasaan ke atas pengusaha tempat letak kereta tidak berlesen di bawah Undang-undang Kecil Pelesenan Tempat Letak Kereta Persendirian (MBPJ) 2007.
10. Tindakan penguatkuasaan ke atas iklan yang dipamerkan Undang-undang Kecil Iklan (MBPJ) 2007.
11. Tindakan penguatkuasaan ke atas kesalahan merosakkan harta benda Majlis di bawah Undang-undang Kecil Vandalsme (MBPJ) 2007.
12. Tindakan penguatkuasaan ke atas pengusaha restoran yang gagal mematuhi peraturan dan undang-undang yang ditetapkan termasuk tidak menjaga kualiti kesihatan di bawah Undang-undang Kecil Mencegah Kekotoran (MBPJ) 2007.
13. Tindakan penguatkuasaan ke atas pengusaha restoran yang tidak mematuhi kebersihan dan kesihatan di bawah Undang-undang Kecil Pelesenan Establismen Makanan (MBPJ) 2007.
14. Tindakan penguatkuasaan ke atas orang awam yang merosakkan peralatan, perabot taman, landskap dan berkelakuan sumbang di bawah Undang-undang Kecil Taman (MBPJ) 2007.
15. Bantuan eskot operasi dalaman Majlis dan luaran.
16. Kawalan harta benda Majlis sebelum dan semasa sesuatu program diadakan.
17. Kawalan lalulintas bagi program-program rasmi Majlis dan Jabatan.

18. Memproses dan menyediakan kes-kes sebelum dirujuk kepada Bahagian Perundangan untuk dibawa / didaftar ke Mahkamah.

Fungsi Bahagian-Bahagian

Bahagian Penguatkuasaan

Bahagian ini dibahagikan kepada empat unit iaitu Unit Penguatkuasaan Khas, Unit Pengurusan Pendakwaan, Unit Iklan dan Unit Park Warden.

Unit Penguatkuasaan Khas

1. Memantau dan mengambil tindakan kompaun dan sitaan terhadap pusat hiburan, pusat siber dan kafe siber dan pusat kecantikan dan penjagaan kesihatan dan hotel serta rumah urut mengikut undang-undang yang ditetapkan.
2. Menguruskan penguatkuasaan di kawasan pentadbiran Majlis.

Unit Pengurusan Pendakwaan

1. Menguruskan pengeluaran dan penerimaan alat *hand held* kepada anggota.
2. Menyediakan pengeluaran notis bagi kompaun tidak berbayar.
3. Menyediakan borang pengaduan kes untuk tindakan mahkamah.
4. Membuat semakan /carian ROB dan ROC serta penyediaan pemilikan kenderaan untuk kes mahkamah.
5. Memproses bayaran kompaun melalui pos.
6. Membuat carian terhadap “OKK” jika terdapat lebih daripada 10 kompaun.

7. Mengemas kini bayaran kompaun / notis.
8. Mengemaskini undang-undang kecil / akta diguna pakai oleh pihak Majlis.

Unit Iklan

1. Memantau, menyiasat, melakukan penyamaran terhadap kesemua jenis iklan di kawasan pentadbiran Majlis yang dikenal pasti memalsukan permit, salah guna iklan dan pemasangan secara haram.
2. Membuat carian maklumat dan menyiasat aduan berhubung iklan-iklan di kawasan Majlis dalam tempoh 24 jam.
3. Menurunkan iklan-iklan yang melanggar syarat dan haram.
4. Mengambil tindakan kompaun dan mengeluarkan notis terhadap pemilik iklan haram.

Unit Park Warden

1. Menguatkuasakan Undang-Undang Kecil Taman 2005.
2. Menjalankan pemantauan dan mengambil tindakan penguatkuasaan terhadap kesalahan pembuangan sampah.
3. Membuat pemantauan dan rondaan di sekitar Taman Jaya dan Taman Bandaran.

Bahagian Operasi

Unit Operasi

1. Menguatkuasakan undang-undang yang diguna pakai oleh Majlis.
2. Melaksanakan operasi mengikut perancangan seperti meroboh, sitaan, halangan, penjaja tanpa lesen, VCD/DVD dan sebagainya.
3. Membuat rondaan dan melaksanakan tindakan kompaun, sitaan dan eskot di kawasan pentadbiran Majlis.
4. Membuat kawalan keselamatan di majlis-majlis rasmi dan menjaga harta benda Majlis.
5. Mengambil tindakan terhadap aduan-aduan yang diterima oleh pihak Jabatan.
6. Operasi bersepada dengan agensi luar seperti Polis, Jabatan Agama Islam Selangor, Agensi AntiDadah Kebangsaan, Imigresen, Lembaga Pelesenan Kenderaan Perdagangan dan Jabatan Pengangkutan Jalan.

Bahagian Pengurusan

Bahagian Pengurusan meliputi tiga unit untuk melaksanakan bidang kerja yang berkaitan pengurusan kakitangan dan kawalan keselamatan pejabat Majlis. Unit tersebut ialah Unit Pentadbiran, Unit Naziran dan Unit Keselamatan.

Unit Pentadbiran

1. Menguruskan surat-menyurat berhubung hal ehwal pentadbiran.
2. Mengendalikan sistem fail mengikut standard pengekodan yang ditetapkan oleh Majlis.
3. Menguruskan tuntutan lebih masa dan elaun perbatuan.
4. Menyediakan laporan bulanan tindakan penguatkuasaan (PMP) untuk Mesyuarat Jawatankuasa Majlis.
5. Menyediakan anggaran belanjawan dan anggaran hasil tahunan Jabatan.
6. Menguruskan dan mengawal pergerakan wang panjar.
7. Menyediakan laporan pembayaran kepada kontraktor yang dilantik.

8. Menguruskan mesyuarat dalaman dan luar.
9. Menyediakan maklum balas mesyuarat bagi semua mesyuarat yang melibatkan Majlis dan Mesyuarat luaran.
10. Menguruskan hal ehwal bekalan seperti pembelian dan pengagihan bekalan mengikut peruntukan yang diluluskan seperti pakaian seragam anggota, kasut, aksesori dan lain-lain.
11. Menyediakan maklum balas mesyuarat bagi semua mesyuarat yang melibatkan Majlis dan Mesyuarat luaran.
12. Menguruskan lawatan rasmi dan kunjungan hormat daripada agensi luar dan dalam.
13. Merekod keratan akhbar yang berkaitan tugas-tugas penguatkuasaan, pendidikan, komuniti dan lain-lain melibatkan pihak Jabatan dan Majlis.
14. Menyediakan perkhidmatan ambil gambar, suntingan, skrip, rakaman video melibatkan operasi-operasi penguatkuasaan Jabatan untuk tujuan rekod serta rujukan Mahkamah.

15. Menerbitkan buletin dan *flyers* Jabatan secara berjadual.
16. Mengadakan program pendidikan dan mesra bersama Orang Kena Kompaun (OKK), Penduduk Setempat, Pemilik / Pengusaha Premis Perniagaan, NGO dan lain-lain.
17. Menguruskan dan menyediakan kelengkapan peralatan bagi tujuan pameran rasmi Jabatan.
18. Menyediakan laporan / maklumat / teks media berkaitan tindakan penguatkuasaan semasa sidang media cetak dan elektronik.
19. Menguruskan dan menyediakan kelengkapan peralatan bagi melancarkan perjalanan majlis, program dan aktiviti Jabatan seperti pembaca doa, juru acara dan sebagainya.
20. Mengurus dan menyelia hal ehwal berkaitan pengambilan kakitangan baru.
21. Mengurus dan menyelia hal ehwal berkaitan semua kursus Majlis, Jabatan dan agensi luar.

Unit Naziran

1. Menguruskan urusan personel seperti hal ehwal cuti, kursus, tindakan tatatertib, pengambilan, laporan *thumb print* dan memo tunjuk sebab.
2. Menguruskan hal ehwal berkaitan disiplin, perkhidmatan, latihan, pemantauan, pemeriksaan melibatkan warga kerja Jabatan seperti *Key Performance Index* (KPI), buku perkhidmatan, kehadiran latihan, kehadiran perbarisan dan Perhimpunan Bulanan Jabatan dan lain-lain.
3. Menjalankan proses semakan kandungan buku poket, e-kedatangan, kit yang dibekalkan dan lain-lain.

Unit Keselamatan

1. Membuat kawalan keselamatan ke atas semua harta benda Majlis di Ibu Pejabat, Dewan Sivik dan pos-pos pengawal.
2. Membuat siasatan dalaman dan menyediakan laporan sekiranya berlaku sesuatu yang tidak diingini.
3. Mengawal orang awam yang masuk / keluar pejabat serta kawalan trafik di Ibu Pejabat dan Dewan Sivik serta membuat rondaan di waktu malam mengikut jadual bertugas yang disediakan.
4. Menguruskan dan memantau syarikat-syarikat kawalan keselamatan swasta yang dilantik secara kontrak bagi mengawal dan meronda di semua kawasan di bawah pentadbiran Majlis.
5. Membuat pemeriksaan yang lebih kerap ke tempat yang dikenal pasti bermasalah.

Bahagian Komunikasi Dan Logistik

Bahagian Komunikasi dan Logistik dibahagikan kepada dua unit iaitu Unit Gerakan dan Logistik dan Unit Stor.

Unit Gerakan dan Logistik

6. Bertanggungjawab menjadi pusat setempat untuk mendapatkan dan mengumpulkan maklum balas semua aduan yang diterima untuk siasatan atau tindakan dan melaporkan kepada yang berkenaan.
7. Menguruskan aduan yang diterima sama ada melalui e-mel, surat, telefon atau datang sendiri.
8. Menyediakan laporan aduan bagi mesyuarat peringkat Majlis / Jabatan / Bahagian / Seksyen.
9. Menguruskan aduan yang diterima melalui talian ‘hotline’ selepas waktu pejabat dan hari cuti.
10. Memaklumkan kepada jabatan / agensi luar untuk tindakan terhadap aduan yang diterima serta menyediakan maklumat awal siasatan aduan.
11. Menyiasat aduan dan memberi bantuan sekiranya berlaku bencana alam seperti kebakaran, banjir, tanah runtuh, pokok tumbang dan lain lain.
12. Memantau dan menyelaras aduan yang diterima selari dengan ISO 9001:2008 bagi proses sokongan penyelesaian aduan dalam tempoh 48 jam.
13. Membuat pemantauan 96 unit kamera CCTV yang terdapat di dalam kawasan Petaling Jaya.
14. Melaporkan serta meneliti sebarang kejadian serta kesalahan yang berlaku di kawasan yang diawasi CCTV.
15. Mengawasi tempat-tempat yang strategik di dalam sistem CCTV bagi mengesan sebarang kejadian yang melanggar undang-undang.
16. Menyediakan laporan bulanan hasil pemantauan CCTV dari segi jenayah dan lain-lain kesalahan di bawah undang-undang Majlis.
17. Membuat pemantauan CCTV dengan melaporkan sebarang aktiviti atau perkara yang bertentangan dengan undang-undang.
18. Menguruskan hal ehwal pemandu Jabatan seperti menyediakan jadual bertugas harian dan lain-lain.
19. Menguruskan hal ehwal kenderaan Jabatan sebanyak 126 buah kenderaan seperti lori, kereta, motosikal, lori tunda, *pick-up* dan lain-lain.
20. Menguruskan hal ehwal penggunaan kenderaan Jabatan seperti kawalan program rasmi Majlis dan sebagainya.
21. Menguruskan dan mengawal penggunaan alat komunikasi Jabatan.
22. Menguruskan (one-stop centre) *walkie-talkie*, kamera dan *hand held* bagi melancarkan tugas-tugas penguatkuasaan.
23. Memastikan kenderaan diselenggara dengan baik mengikut waktu yang ditetapkan.
24. Menguruskan hal ehwal berkaitan pemandu seperti tuntutan batuan, Touch N Go dan sebagainya.
25. Menjalankan tugas-tugas audit keatas pemandu dan kenderaan secara berjadual dan terancang.
26. Menyediakan laporan rasmi kepada pihak Jabatan melibatkan isu-isu pemandu, kenderaan, peralatan penguatkuasaan dan lain-lain. Membekalkan peralatan dan kenderaan secara rutin harian atau permintaan.

Unit Stor

1. Memastikan setiap urusan permohonan tuntutan dijalankan mengikut prosedur yang ditetapkan.
2. Merekod dan menyimpan maklumat-maklumat tuntutan barang sitaan untuk rujukan pihak Jabatan.
3. Merujuk kepada Unit Siasatan atau mana-mana pegawai bertugas sebelum barang dibenarkan dilepaskan.
4. Menyemak terlebih dahulu rekod barang di Seksyen Stor sebelum permohonan diproses.

5. Memaklumkan kepada Seksyen Stor bahawa kelulusan dan pembayaran telah selesai bagi tujuan pelepasan barang.
6. Menyediakan laporan sitaan barang-barang serta laporan pengeluaran dibuat setiap bulan.
7. Memastikan semua penerimaan dan pengeluaran barang sitaan direkod dan diseliakan.
8. Menguruskan pengeluaran barang sitaan kepada pemiliknya setelah dapat pengesahan.

Bahagian Lalulintas

Bahagian Lalulintas berperanan penting memastikan kelancaran trafik di kawasan pentadbiran Majlis dengan menguatkuasakan peraturan Perintah Lalulintas. Bahagian ini meliputi dua unit iaitu Unit Tunda dan Unit Trafik.

Unit Tunda

Mengambil tindakan tunda kenderaan di kawasan yang telah diwartakan sebagai Zon Tunda.

1. Tindakan penguatkuasaan tunda diambil berdasarkan kepada peruntukan kuasa di bawah Perintah Lalulintas (Peruntukan Mengenai Tempat Letak Kereta) Petaling Jaya (Pindaan 2010).
2. Mengeluarkan tawaran kompaun kepada pesalah lalulintas mengikut kadar yang ditetapkan oleh pihak Majlis.
3. Memproses kutipan bayaran denda yang dikenakan kepada pesalah lalulintas melibatkan pembayaran di lokasi kesalahan atau di mana-mana kaunter pejabat Majlis.
4. Menguruskan pengurusan simpanan kenderaan yang tidak dituntut seperti

kawalan keselamatan kenderaan di depoh, merekod kenderaan tidak dituntut dalam tempoh yang ditetapkan, pelupusan kenderaan dan sebagainya.

5. Mengambil tindakan pindah alih kenderaan bagi kesalahan kenderaan yang ditinggalkan dalam tempoh yang lama atau mana-mana kenderaan yang akan menyebabkan kacau ganggu kepada kawasan sekitar.
6. Memberikan perkhidmatan nasihat kepada orang awam berkaitan undang-undang lalulintas.
7. Mengurus dan mengawal selia hal ehwal tindakan penguatkuasaan tunda berpandukan kepada *Standard Operating Prosedur (SOP)*.
8. Menyediakan dan melapor tindakan yang telah diambil kepada pihak Jabatan dan Majlis.
9. Menguruskan aduan-aduan berkaitan kesalahan lalulintas terutamanya melibatkan jalan-jalan seliaan Majlis dalam tempoh 24 Jam.

10. Menyediakan maklum balas-maklum balas berkaitan isu-isu tunda di kawasan Petaling Jaya.
11. Berurusan dengan Pejabat Cawangan Tunda di PJU 8/2 dan PJU 5.


Unit Trafik

1. Mengambil tindakan penguatkuasaan lalulintas di seluruh kawasan yang pentadbiran Majlis melibatkan jalan-jalan awam.
2. Tindakan penguatkuasaan lalulintas diambil berdasarkan kepada peruntukan kuasa di bawah Perintah Lalulintas (Peruntukan Mengenai Tempat Letak Kereta) Petaling Jaya (Pindaan 2010).
3. Menguatkuasakan undang-undang bagi kesalahan-kesalahan melibatkan Tempat Letak Kereta Majlis.
4. Mengeluarkan tawaran kompaun kepada pesalah lalulintas mengikut kadar yang ditetapkan oleh pihak Majlis.
5. Memberikan perkhidmatan nasihat dan kawalan keselamatan lalulintas melibatkan program-program rasmi Kerajaan Persekutuan, Kerajaan Negeri, Majlis dan mana-mana permohonan yang telah diluluskan.
6. Melaksanakan rondaan berjadual di kawasan-kawasan jalan utama di sekitar Petaling Jaya.
7. Menjalankan kerja-kerja pengiringan kepada tetamu kehormat melibatkan program-program rasmi.
8. Melaporkan kesalahan di parkir melibatkan halangan kekal atau halangan sementara kepada unit yang berkaitan.
9. Melaksanakan operasi bersepadu bersama agensi penguatkuasaan luar seperti Polis Diraja Malaysia, Suruhanjaya Pengangkutan Awam Darat (SPAD), Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ) dan lain-lain.
10. Mengurus dan mengawal selia hal ehwal tindakan penguatkuasaan lalulintas berpandukan kepada *Standard Operating Prosedur (SOP)*.
11. Menyediakan dan melapor tindakan yang telah diambil kepada pihak Jabatan dan Majlis.
12. Menguruskan aduan-aduan berkaitan kesalahan lalulintas terutamanya melibatkan jalan-jalan seliaan Majlis dalam tempoh 24 Jam.

Pencapaian Prestasi Teras Utama Jabatan Penguatkuasaan 2015


Statistik Pengeluaran Kompaun

Graf dan jadual berikut adalah ringkasan tindakan penguatkuasaan mengikut jenis kesalahan tidak termasuk kesalahan lalu lintas bermula dari 1 Januari sehingga Disember 2015.



Bulan	AJPB 1974 (AKTA 133) - Halangan	UKPKDPK (MBPJ) 2007 - Pusat Kecantikan	UKP (MBPJ) 2007-Penjaja	UKPTPP (MBPJ) 2007 - Tred	UKI (MBPJ) 2007 - Iklan
Jan	407	3	190	195	152
Feb	475	1	288	238	122
Mac	410	17	240	469	261
April	396	13	229	368	184
Mei	409	5	324	271	137
Jun	372	15	187	237	142
Julai	293	4	86	127	94
Ogos	293	9	215	151	103
Sept	321	5	258	218	233
Okt	305	11	174	229	188
Nov	376	3	158	214	186
Dis	364	3	86	102	150
JUMLAH	4,421	89	2,435	2,819	1,952


Graf dan jadual berikut adalah ringkasan tindakan penguatkuasaan bagi semua jenis kesalahan lalu lintas di bawah Perintah Pengangkutan Jalan (Peruntukan Tempat Letak Kereta) MBPJ 2007 bermula dari 1 Januari sehingga Disember 2015.



Bulan	PPJ (PTLK) MBPJ 2007 – Dalam Petak	PPJ (PTLK) MBPJ (PINDAAN) 2012 – Kapit Roda	PPJ (PTLK) MBPJ 2007 – Tunda	PPJ (PTLK) MBPJ 2007 – Lalu Lintas
Jan	3,726	249	301	15,214
Feb	5,896	197	368	18,901
Mac	5,831	346	404	21,203
April	3,661	305	437	19,229
Mei	2,880	209	414	17,612
Jun	4,122	332	383	18,176
Julai	2,071	145	268	6,984
Ogos	2,174	322	426	12,766
Sept	2,067	268	503	10,762
Okt	2,596	301	462	14,689
Nov	1,815	244	477	11,202
Dis	6,112	337	312	25,435
JUMLAH	42,951	3,255	4,755	192,173


Tindakan Penguatkuasaan Ke Atas Pusat Hiburan

Pihak Jabatan giat menjalankan operasi tindakan penguatkuasaan ke atas pusat hiburan yang tidak berlesen dan melanggar syarat lesen. Sepanjang tahun bermula dari bulan Januari sehingga Disember 2015 sebanyak 465 operasi serta serbuan telah dilakukan serta 170 kompaun dengan pelbagai kesalahan telah dikeluarkan ke atas pemilik / pengusaha premis. Manakala, 26 premis berjaya ditutup, 29 sitaan telah dilakukan dan seramai 37 orang telah ditahan sepanjang operasi dengan kerjasama daripada pihak Polis Diraja Malaysia (PDRM), Agensi Anti Dadah Kebangsaan (ADDK), Jabatan Imigresen (JIM) dan Jabatan Agama Islam Selangor (JAIS) untuk siasatan lanjut.




Tindakan Penguatkuasaan Ke Atas Pusat Siber Kafe

Pihak Jabatan sentiasa memantau dan menjalankan operasi serbuan ke atas pemilik pusat siber kafe. Sebanyak 258 operasi serta serbuan telah dilakukan dan 170 kompaun pelbagai kesalahan telah dikeluarkan, 7 premis berjaya ditutup, 50 sitaan terhadap pemilik / pengusaha premis Pusat Siber Kafe dan hanya seorang telah di tahan sepanjang operasi dijalankan.



Tindakan Penguatkuasaan Ke Atas Rumah Urut (Pusat Kesihatan)

Sebanyak 449 operasi dan serbuan telah dilakukan dan 91 kompaun dengan pelbagai kesalahan telah dikeluarkan, 16 premis ditutup dan 57 sitaan melibatkan pemilik / pengusaha premis. Seramai 33 orang telah berjaya ditahan oleh pihak Jabatan Agama Islam Selangor (JAIS) dan Jabatan Imigresen (JIM) untuk siasatan.



Pemantauan Ke Atas Taman-Taman Majlis (Operasi Taman)

Pihak Jabatan juga membuat pemantauan di taman-taman Majlis bagi memastikan pengunjung taman mematuhi Undang-undang Kecil Taman (MBPJ) 2007 semasa berada di taman-taman Majlis. Berikut merupakan statistik tindakan penguatkuasaan di taman-taman Majlis:


Bil.	Jenis tindakan		Jumlah
1.	Kompaun	UKT (MBPJ) 2007	390
		AJPB 1974 (AKTA 133) / PPJ (PTLK) 2007	323
2.	Operasi Jala / Joran		169
JUMLAH KESELURUHAN			882

Selain daripada itu, pihak Majlis menyediakan perkhidmatan penyewaan basikal bagi kemudahan pengunjung taman untuk beriadah. Sepanjang tahun 2015, pihak Majlis berjaya membuat kutipan sebanyak RM 16,135.00 iaitu 1,679 sewaan basikal.



Tindakan Penguatkuasaan – Tred, Halangan Dan Penjaja Tanpa Lesen


Berikut merupakan statistik bagi tahun 2015 sehingga bulan Disember untuk tindakan sitaan ke atas halangan di tempat awam, penjaja tanpa lesen dan juga tred:



Operasi Penurunan Iklan Haram

1. Pihak Majlis giat melaksanakan tindakan penguatkuasaan iklan, poster, *bunting* dan *banner* tanpa lesen di seluruh kawasan Petaling Jaya. Bermula daripada Januari sehingga 31 Ogos 2015 sebanyak **821,147 iklan** pelbagai saiz telah diturunkan. Walau bagaimanapun, selepas dari tarikh tersebut pihak Jabatan cuma menjalankan tindakan penguatkuasaan dan tiada lagi penurunan iklan dilakukan.
2. Sehubungan dengan itu dari Januari sehingga Disember 2015, sebanyak **1,952 kompaun** telah dikeluarkan di bawah Undang-undang Kecil Iklan (MBPJ) 2014. Manakala, **4 tangkapan** telah dibuat dan sebanyak **3,881 nombor talian** telah dihantar ke Suruhanjaya Komunikasi Multimedia Malaysia (SKMM) untuk tujuan pemotongan. Maklum balas yang diperolehi, sebanyak **180 nombor talian** telah dipotong oleh pihak SKMM. Tindakan dijalankan secara berterusan bagi mengekang aktiviti tersebut. Tindakan penurunan iklan haram telah dijalankan seperti pecahan berikut:

Statistik Bagi Penurunan Iklan Haram 2015



BIL.	LAPORAN KES KE BAHAGIAN	PENYERAHAN LAPORAN KES MENGIKUT BULAN												JUMLAH	PEMOTONGAN
		JAN	FEB	MAC	APR	MEI	JUN	JUL	Ogos	SEPT	OKT	NOV	DIS		
1.	SKMM	-	2,015	-	1,894	143	-	267	-	-	-	-	-	4,319	2,272
2.	TANGKAPAN	-	-	2	-	2	-	-	-	-	-	-	-	4	-

Operasi Terhadap Pembuangan Sampah

1. Pihak Majlis telah melaksanakan kempen antikutu sampah. Unit ini bertanggungjawab memastikan tindakan diambil terutamanya di kawasan yang telah dizonkan sebagai kawasan bersih.
2. Sepanjang operasi dijalankan bermula dari 1 Julai 2015, sebanyak **8 lokasi** telah dikenal pasti sebagai kawasan kritikal yang memerlukan pemantauan oleh pihak Majlis. Hasil daripada pemantauan yang dilakukan, pihak Majlis berjaya menangkap **14 orang** dan mengisytiharkan **4 lokasi** sebagai kawasan bebas sampah dan menambah lagi **3 lokasi** pemantauan yang baru.
3. Berikut adalah jumlah kompaun dari bulan Januari sehingga Disember 2015:

Bil.	Bulan	Jumlah Kompaun
1.	Januari	4
2.	Februari	-
3.	Mac	1
4.	April	2
5.	Mei	2
6.	Jun	3
7.	Julai	7
8.	Ogos	1
9.	September	1
10.	Oktober	19

Bil.	Bulan	Jumlah Kompaun
11.	November	25
12.	Disember	19
Jumlah		84

Operasi Kereta Buruk

1. Pelaksanaan operasi ini dijalankan oleh Jabatan Penguatkuasaan dan Jabatan Kejuruteraan dan dijadualkan pada setiap hari di lokasi-lokasi *hot-spot* yang telah dikenal pasti merangkumi kawasan-kawasan seperti PJS1-PJS10, SS2, SS3, SS7, SS9A, SS20, S21, SS22, SS24, BU6, BU11, PJU10, PJU1A, PJU7, PJS1, SD 1, SD5, SD 9, SD12, Seksyen 6 Kota Damansara dan Seksyen 11 Kota Damansara.
2. Objektif utama operasi ini ialah bertujuan untuk:
 - A. Membendung tempat pembiakan nyamuk aedes yang menyumbang kepada masalah denggi dan penyakit berjangkit lain.
 - B. Mengatasi masalah halangan-halangan petak di tempat letak kereta.
 - C. Membendung masalah kacau ganggu lain kepada penduduk dan kebersihan bandar.
3. Sepanjang operasi kereta buruk dijalankan pada tahun 2015, sebanyak **1017 aduan** telah diterima, **326 kenderaan** berjaya diambil tindakan pengalihan dan **324 kenderaan** telah dialihkan sendiri oleh pemilik selepas notis amaran dikeluarkan. Manakala, sebanyak **75 kenderaan** berada di dalam kawasan JMB dan baki diambil tindakan pada tahun 2016.





Unit PANTAS

1. Unit PANTAS merupakan akronim kepada ‘Pasukan Tindakan Segera’ yang mana dahulu dikenali sebagai Unit Penyelamat. Unit ini telah ditubuhkan pada tahun 2011 bertujuan untuk menyelaras bantuan-bantuan yang akan diberikan kepada orang awam apabila berlaku bencana alam. Unit ini diketuai oleh seorang Penolong Pengarah Penguatkuasa bersama-sama **19 orang** anggota dari Jabatan Penguatkuasaan dan **4 orang** kakitangan dari Jabatan lain di dalam Majlis.

2. Unit PANTAS berfungsi dan berperanan sebagai responden pertama yang berada di tapak apabila berlakunya bencana alam sebelum pasukan penyelamat yang lain tiba di lokasi kejadian.
3. Unit ini juga menyelaras tugas-tugas bencana alam dengan menyampaikan maklumat bencana alam kepada agensi berkaitan serta membantu mengelola kemudahan kepada mangsa seperti penempatan dan pemindahan sementara mangsa ke Pusat Penempatan.
4. Berikut merupakan statistik kejadian bencana alam di sekitar Petaling Jaya:

BULAN	KEJADIAN BENCANA ALAM				JUMLAH KESELURUHAN
	BANJIR	RIBUT	TANAH RUNTUH	LAIN-LAIN	
JANUARI	-	7	-	-	7
FEBRUARI	-	3	-	-	3
MAC	-	34	-	-	34
APRIL	-	76	-	-	76
MEI	-	5	-	-	5
JUN	-	5	-	-	5
JULAI	-	12	-	-	12
OGOS	-	11	-	-	11
SEPTEMBER	-	4	-	-	4
OKTOBER	-	5	-	-	5
NOVEMBER	4	6	1	2	13
DISEMBER 2		7	3	2	14
JUMLAH KESELURUHAN	6	175	4	4	189

Kes-Kes Pendakwaan

1. Berikut merupakan statistik pendaftaran kes ke mahkamah / Jatuh hukum oleh Jabatan Penguatkuasaan bagi tahun 2015:
2. Laporan Keputusan Mahkamah bagi tahun 2015:

Bil.	Perkara	Jumlah Kes	Keputusan Kes
1.	Hiburan	14	Denda (RM32,400), Dilucutkan Hak (9)
2.	Pusat Kecantikan	8	Denda (RM4,450), Dilucutkan Hak (6), DNAA (1)
3.	Siber	5	Denda (RM2,250), Dilucutkan Hak (4), DNAA (1)
4.	Hotel	10	Denda (RM4,000), Dilucutkan Hak (3), DNAA (1)
5.	Tred	2	Denda (RM550)
6.	Iklan	-	-
7.	Halangan	15	Denda (RM2,350)
8.	Lalu Lintas	1,381	Denda (RM28,310)
9.	Sampah	3	Denda (RM500)
JUMLAH		1,438	DENDA (RM74,810), DILUCUTKAN HAK (22), DNAA (3)

Program PJ Safe (PKKPJ)

1. Pihak Majlis telah melancarkan Program Bandar Selamat - PJ Safe "Safety For All" pada 21 Disember 2013 bagi memastikan keselamatan dan kesejahteraan penduduk Petaling Jaya terjamin. Dalam melaksanakan program ini, pihak Majlis memperuntukkan dana sebanyak **RM 500,000** bagi mengalakkan aktiviti-aktiviti rondaan keselamatan. 4 elemen utama dalam pelaksanaannya iaitu, Neighbourhood, Eyes and Ear, Interaction dan Action. Program ini adalah merupakan inisiatif Majlis menjadikan Petaling Jaya sebagai sebuah bandar raya mampan (*sustainable*), berdaya huni (*/iveable*) dan dicintai (*/lovable*), mesra fizikal, sosial & spiritual, hijau, bersih dan nyaman.
2. Pasukan Keselamatan Kejiranan Petaling Jaya (PKKPJ) ditubuhkan bertujuan untuk mengaktifkan *Community Policing* di kalangan penduduk di samping meningkatkan *Corporate Social Responsibility* dan kerjasama serta hubungan baik di antara penduduk dan Majlis. Pada tahun 2014, Pasukan Keselamatan

Kejiranan Petaling Jaya (PKKPJ) telah diperluas kepada JMB bertaraf rendah dan sederhana sahaja dengan bantuan dana sebanyak **RM 5,000** setahun bagi menjalankan aktiviti-aktiviti rondaan keselamatan yang sebelum ini hanya diberikan kepada Persatuan Penduduk (RA) dan Rukun Tetangga (RT) yang bermula pada tahun 2011.

3. **Pencapaian Jabatan Dalam Kursus / Latihan Dan Lain-Lain Aktiviti**
4. Di samping kerja-kerja hakiki, pihak Jabatan turut giat dalam memastikan anggota di bawah seliaan mencapai KPI kursus yang ditetapkan oleh Majlis iaitu sebanyak **7 hari**. Selain dari melibatkan diri di dalam kursus yang disediakan oleh pihak Majlis, pihak Jabatan turut mengambil inisiatif sendiri dengan mengadakan kursus, bengkel dan seminar yang berkaitan dengan bidang tugas. Malahan pihak Jabatan juga turut menghantar anggota menghadiri kursus-kursus luar yang dianjurkan oleh INTAN, ILKAP, IKIM dan pelbagai badan / syarikat latihan lain lagi. Berikut merupakan statistik KPI kursus anggota bagi tahun 2015:

BIL.	JUMLAH HARI	JUMLAH ANGGOTA
1.	7	347
2.	6	26
3.	5	19
4.	4	10
5.	3	02
6.	2	04
7.	1	00
8.	0	00
JUMLAH KESELURUHAN		408

5. Selain itu sepanjang tahun 2015, pihak Jabatan juga telah memenangi **naib johan** perbarisan kemerdekaan bagi peringkat negeri Selangor dan **johan** perarakaran Maulidur Rasul peringkat daerah Petaling.



Jabatan Landskap



Perkhidmatan Lanskap

Pembangunan pesat di Petaling Jaya akibat pertumbuhan pesat ekonomi semasa banyak mempengaruhi dan merubah persekitaran kehidupan penduduknya. Oleh itu, usaha mewujud dan mengekalkan persekitaran yang hijau yang boleh memberi manfaat kepada kehidupan penghuni Petaling Jaya sentiasa menjadi fokus jabatan bagi mengimbangi pembangunan dengan keperluan penduduk untuk terus menikmati kehidupan yang berkualiti. Aktiviti-aktiviti landskap yang sistematis dan berfungsi menjadi agenda tahunan jabatan termasuklah aktiviti perancangan landskap di kawasan pemajuan baru, penghijauan bandar serta menaik taraf kawasan sedia ada.

Jabatan mendokong hasrat Majlis untuk mewujudkan reruang awam/hijau yang berfungsi bukan hanya sekadar ruang rekreasi pasif tetapi juga untuk memenuhi keperluan infrastruktur hijau sebagai hab bagi menggalakkan komuniti berinteraksi dan menggalakkan perpaduan sesama mereka.

Selain daripada penghijauan bandar, penyediaan dan penyelenggaraan kemudahan riadah yang berdaya saing juga diberi perhatian oleh jabatan bagi memupuk minat dan menggalakkan amalan hidup sihat di kalangan warga Petaling Jaya melalui kegiatan riadah di sekitar kediaman mereka.

Fungsi

Jabatan Lanskap ditadbir melalui empat bahagian dengan fungsi seperti berikut:

Bahagian Pentadbiran

Mengurus aktiviti pentadbiran, merancang, merangka dan menyelaras program pembangunan kemahiran kontraktor dan perkara-perkara yang berkaitan dengan maklumat jabatan dan perkhidmatan / hubungan dengan komuniti.

Bahagian Perancangan dan Kawalan

Merancang, mengawal, memantau dan mengurus pembangunan landskap sejajar dengan kehendak akta / dasar / garis panduan landskap / perintah pemeliharaan pokok serta mengurus data dan maklumat landskap.


Bahagian Kemudahan Awam

Merancang, memantau dan mengurus pelaksanaan aktiviti pengindahan, pembangunan, menaik taraf dan menyelenggara kemudahan kawasan lapang.


Bahagian Penghijauan Bandar

Merancang, memantau dan mengurus pelaksanaan perkhidmatan menyelenggara landskap, penanaman pokok, pengurusan tapak semaihan serta perkhidmatan hiasan dan penyelenggaraan pokok teduhan dalam premis.


Peruntukan Kewangan



Pecahan Peruntukan 2015



Pecahan Terimaan Hasil



Pecahan Peruntukan Penyelenggaraan Landskap

Aktiviti Utama Jabatan


Penyelenggaraan Landskap

Gabungan kerja penyelenggaraan pokok teduhan dan kawasan landskap secara kontrak berpenggal yang diperkenalkan pada 2013 diteruskan setelah melihat keberkesanannya. Ia meliputi penyelenggaraan rutin tanaman landskap di kawasan liputan kerja, penyelenggaraan pejabat / tandas jika berkaitan, pembersihan tasik, mencantas, memangkas, menebang, membongkar akar dan membersih pokok tumbang termasuk melupuskan hasil kerja. Kontraktor juga bertanggungjawab untuk bersedia pada setiap masa sekiranya perkhidmatan mereka diperlukan ketika kejadian bencana alam.

Pada tahun ini, sebanyak 24 zon dipecahkan mengikut kawasan Ahli Majlis dengan melantik kontraktor secara kontak 6 bulan + 6 bulan + 1 tahun mengikut prestasi semasa. Kerja-kerja kontraktor meliputi kawasan taman dan kawasan lapang untuk diselenggara.


Pembahagian Kawasan Penyelenggaraan Lanskap Mengikut

■ Zon Ahli Majlis



Statistik Tindakan Terhadap Aduan Penyelenggaraan

■ Pokok Teduhan



■ Program Penghijauan Bandar

Aktiviti penghijauan bandar dibuat secara berterusan bagi menunjukkan komitmen MBPJ untuk menghijaukan bandarnya dengan menanam / menyulam pokok teduhan sebanyak yang mungkin dan mengindahkan kawasan strategik dengan komposisi tanaman hiasan berbunga atau berdaun berwarna-warni.

Sejumlah RM500,000 disediakan untuk tujuan penanaman / penyulaman pokok teduhan dan pokok-pokok hiasan lain di Petaling Jaya. Sebanyak 6,843 pokok teduhan daripada pelbagai spesis dan 175,972 daripada lain-lain jenis tanaman telah berjaya ditanam.

■ Sebahagian Penanaman Komposisi Tanaman Dilaksana Di Kawasan Tumpuan



Jalan Seksyen 20/7



Jalan Pju 1a/23d



Jalan Taman Ss 20/13



Jalan Taman Ss 7/13

Pengurusan Tapak Semaian/Hiasan




- Menyediakan anak benih pokok yang berkualiti.
- Menyediakan prasarana dan sistem pengurusan tapak semaian yang berkesan.
- Sumbangan anak pokok mengikut keperluan.
- Menyediakan perkhidmatan hiasan keraian.

BIL.	PROGRAM & AKTIVITI	PENCAPAIAN
1.	Bekalan benih dan pembiakan pokok	25,910 pokok
2.	Perkhidmatan hiasan	195 hiasan
3.	Sumbangan anak pokok dan benih	2,000 pokok



Pembibitan Pokok






Perkhidmatan Hiasan Keraian

Perbelanjaan Pembangunan



Program Pengurusan Kawasan Lapang

Pengurusan kawasan lapang terdiri daripada aktiviti berikut:



Penyelenggaraan Kawasan Lapang

MBPJ menyediakan kelengkapan dan perabot taman untuk keperluan riadah penduduk Petaling Jaya. Bagi memastikan kelengkapan tersebut sentiasa berkeadaan baik dan berfungsi serta selamat digunakan, lapan (8) kontraktor dilantik untuk menyelenggara perabot landskap dan peralatan taman pada bila-bila masa diperlukan. Perbelanjaan bagi menyelenggara perabot landskap dengan keseluruhannya berjumlah RM1,650,000.00 termasuk kerja-kerja inden yang dilakukan mengikut aduan yang memerlukan penyelenggaraan yang segera.

Penyelenggaraan Perabot Landskap Secara Kontrak Berpenggal

BIL.	ZON	KONTRAKTOR	HARGA SILING SETAHUN (RM)	TEMPOH KONTRAK
Penyelenggaraan Perabot Taman				
1.	1 & 2	Yakin Engineering	100,000.00	24/3/2015 - 23/3/2016
2.	3 & 4	Niq Amallyn Enterprise	100,000.00	24/3/2015 - 23/3/2016
3.	5 – 7	Firaz Contruction	100,000.00	24/3/2015 - 23/3/2016
4.	8 – 10	Raz Era Bistari Enterprise	100,000.00	24/3/2015 - 23/3/2016
5.	11 – 15	EDX Bina Enterprise	100,000.00	24/3/2015 - 23/3/2016
6.	16 – 19	Wazs Enterprise	100,000.00	24/3/2015 - 23/3/2016
7.	20 – 24	EZ Excelent Engineering	100,000.00	24/3/2015 - 23/3/2016
8.	Taman-taman Awam	S Damar Trading	100,000.00	24/3/2015 - 23/3/2016

Menaik Taraf Kawasan Lapang

Program ini adalah program berterusan bagi memastikan semula kawasan lapang di bawah seliaan MBPJ dilengkapi dengan kemudahan yang terkini dan memenuhi keperluan dan kehendak riadah penduduk Petaling Jaya. Semua kawasan lapang di MBPJ perlu memenuhi kelengkapan riadah yang minimum mengikut keluasan kawasan lapang berkenaan.

Sejumlah RM4,062,000.00 telah dibelanjakan pada tahun 2015 dan melebihi peruntukan asal yang disediakan sebanyak RM2,000,000.00 untuk menambah baik kemudahan dan menaik taraf dua puluh lima (25) kawasan lapang sedia ada.

BIL.	BUTIRAN	KONTRAKTOR	KOS (RM)	TEMPOH KONTRAK
1.	SD9/9	Million Indah Enterprise	28,645.00	12/11/2014 – 4/2/2015
2.	SS20/22	Cheker Enterprise	44,460.00	12/11/2014 – 4/2/2015
3.	PJS3/55	EDX Bina Enterprise	34,450.00	12/11/2014 – 4/2/2015
4.	Jalan 23/37A	Handy Construction	246,262.00	16/4/2015 – 23/7/2015
5.	Cecawi 6/24	RS Venture Sdn. Bhd.	202,200.00	15/1/2015 – 9/4/2015
6.	PJS 4/13	Aztu Enterprise	171,285.00	30/4/2015 – 6/8/2015
7.	PJS 3/52	Eastorce (M) Sdn. Bhd.	139,680.00	24/12/2014 – 18/3/2015
8.	SD 2/1B	Sejak Maju Enterprise	209,230.00	18/11/2015 – 27/1/2016

BIL.	BUTIRAN	KONTRAKTOR	KOS (RM)	TEMPOH KONTRAK
9.	Jalan Nuri 7/20 & Jalan Cecawi	Nash Usha Enterprise	132,882.00	4/8/2015 – 10/11/2015
10.	SS 24/16 & SS 25/26	AI Enterprise	304,020.00	18/11/2015 – 27/1/2016
11.	SS 26/9	Razen Enterprise	207,238.00	4/8/2015 – 10/11/2015
12.	SS 4C/8	Skala Aviatech Sdn. Bhd.	165,230.00	11/6/2015 – 17/9/2015
13.	SS 25/1	Edol Bina Sdn. Bhd.	74,230.00	30/4/2015 – 6/8/2015
14.	SS 2/62	RMG Jaya Enterprise	250,518.00	10/9/2015 – 17/12/2015
15.	SS 20/15	Berjaya Canggih Enterprise	173,488.08	19/5/2015 – 26/8/2015
16.	Jalan 14/38 & PJS 2D/9	Sutratika Enterprise	235,350.00	4/8/2015 – 22/12/2015
17.	PJS 1/21	RMG Jaya Enterprise	223,795.00	24/8/2015 – 30/11/2015
18.	SS 9A/5	IT Bina Enterprise	144,500.00	9/10/2015 – 17/12/2015
19.	PJS 6/5G	Perniagaan Zirkon	158,230.00	9/6/2015 – 15/9/2015
20.	Jalan 12/16	Alha Bina Enterprise	178,530.00	17/8/2015 – 23/11/2015
21.	Jalan 51A/23	SNM Consultant	206,572.00	10/9/2015 – 5/11/2015
22.	Jalan 17/34 & Jalan 5/59	Cheker Enterprise	274,080.50	7/10/2015 – 13/1/2016
23.	Jalan 14/4, 14/39 & 1/18	Syarikat Zakaria	175,560.00	10/9/2015 – 5/11/2015
24.	Jalan 20/3	Far Reed Commercial Sdn.	241,315.00	10/9/2015 – 5/11/2015
25.	PJS 3/44	Zigas Enterprise	89,200.00	9/6/2015 – 15/9/2015
26.	Jalan 5/54	AJ Construction	182,361.00	18/11/2015 – 27/1/2016
27.	Jalan SD 7/4E	Ekawan Enterprise	156,100.00	7/10/2015 – 13/1/2016
28.	Jalan Kenyalang 11/5A dan Jalan Kenyalang 11/6F	Dinor Hazirah Jaya	44,860.00	10/9/2015 – 31/12/2015
29.	Membekal tong sampah seluruh Petaling Jaya	Syarikat Sri Kenanga	100,000.00	4/8/2015 – 31/12/2015

Pembangunan Taman Kanak-Kanak


Sebanyak 6 kontraktor dilantik bagi pembangunan taman kanak-kanak melibatkan kos keseluruhan RM1,000,000.00

BIL.	BUTIRAN	KONTRAKTOR	HARGA	TEMPOH
1.	SS26/9	Wallaq Wira Enterprise	184,016.00	16/4/2015 – 9/7/2015
2.	Nuri 7/20 & 18/11	Oshu Enterprise	173,670.00	16/4/2015 – 9/7/2015
3.	Pelangi Damansara & SS4C/22	EZ Excellente	184,026.60	16/4/2015 – 9/7/2015
4.	PJS3/48 & 14/24	Zyfco Enterprise	184,026.60	16/4/2015 – 9/7/2015
5.	51A/237 & PJS6/3B	Dayaring Sdn. Bhd.	189,252.40	16/4/2015 – 9/7/2015

BIL.	BUTIRAN	KONTRAKTOR	HARGA	TEMPOH
6.	Papan tanda Akta	Yakin Engineering	65,000.00	16/4/2015 – 9/7/2015
7.	Inden		29,853.00	

Program Pembangunan Landskap

BIL.	PROJEK	KOS (RM)
1.	Menaik taraf Taman Jaya	228,238.00
2.	Menaik taraf Taman Aman	230,860.00
3.	Menaik taraf Taman Bandaran	KIV
4.	Menaik taraf landskap Seksyen 52	KIV
5.	Landscape dan pengindahan	304,840.00
7.	Menaik taraf padang-padang sukan	243,252.00
8.	Menaik taraf Laman MBPJ	KIV
9.	Menaik taraf Taman Tasik Komuniti	388,524.00
10.	Linear Park	KIV
11.	Koridor Hijau (PJS 8/14 & Railway Park)	521,132.92
12.	Menaik taraf tapak semai Kelana Jaya	201,660.00
13.	Urban Park	875,284.00



Projek: Menaik Taraf Taman Aman



Projek: Menaik Taraf Taman Jaya



Projek: Landskap Dan Pengindahan (Membina Papan Tanda Disekitar PJ)

Projek: Menaik Taraf Tapak Semaian Kelana Jaya



Projek: Menaik Taraf Padang-Padang Sukan




Projek: Koridor Hijau (Railway Park)

Perancangan Dan Kawalan Pembangunan Lanskap

Penyediaan kawasan hijau yang mencukupi adalah penting bagi menjamin kemampaman bandar raya Petaling Jaya. Ia ditentukan melalui proses permohonan kelulusan lanskap bagi setiap pembangunan baru. Jabatan Lanskap memastikan pihak pemaju memperuntukkan minimum 10% daripada keluasan pemajuan untuk penyediaan kawasan hijau di atas tanah bagi semua pemajuan kecuali kawasan Rancangan Khas Seksyen 13 sebanyak 15% sebelum pemaju dibenarkan mengemukakan Permohonan Perancangan. Syarat ini adalah bertujuan untuk memastikan ruang keperluan riadah mencukupi dan penanaman pokok boleh dibuat dengan ruang yang bersesuaian serta kawasan serap air untuk mengurangkan amaun air larian permukaan yang membantu usaha MBPJ ke arah mewujudkan Petaling Jaya Bandar Raya Berkarbon Rendah.

Kemudahan rekreasi bagi pembangunan kediaman perlu ditempatkan secara berpusat, di kawasan yang rata, berfungsi dan dilengkapkan mengikut hierarki berdasarkan piawaian 2 hektar kawasan lapang bagi setiap 1,000 penduduk seperti digariskan dalam Manual Garis Panduan & Piawaian Perancangan Negeri Selangor dan Pelan Induk Lanskap MBPJ. Kemudahan ini walau bagaimanapun boleh disediakan di taman atas bumbung bagi pembangunan kediaman berbilang tingkat.

Statistik Proses Permohonan Kelulusan Lanskap



Kempen Penanaman Pokok

Majlis telah berjaya menanam lebih 173,393 pokok melebihi sasaran penanaman 100,000 pokok setahun melalui Program Penghijauan Bandar, Kempen Penanaman Pokok Bersama Komuniti dan Program Tanggungjawab Sosial Korporat (CSR) bersama syarikat-syarikat korporat yang dilaksanakan di sekitar Petaling Jaya sepanjang tahun 2015.

	PENCAPAIAN KEMPEN TANAM POKOK 2015												
	Pokok Utama (Bil.)			Jumlah	Pokok Bunga Raya (Bil.)			Jumlah	Pokok Lain-lain (Bil.)			Jumlah	Jumlah Keseluruhan
	PBT	PEMAJU	NGO		PBT	PEMAJU	NGO		PBT	PEMAJU	NGO		
SASARAN	5,000	14,000	1,000	20,000	1,500	8,000	500	10,000	16,000	30,000	10,000	50,000	80,000
PENCAPAIAN	861	6,945	56	7,862	7,850	12,270	0	20,120	27,707	117,704	0	145,411	173,393



Gambar-gambar Kempen Penanaman Pokok bersama Badan Korporat, Awam dan NGO



Jabatan Pelesenan



Jabatan Pelesenan MBPJ (dahulunya dikenali Bahagian Pelesenan MBPJ) telah dinaik taraf ke peringkat Jabatan bermula pada bulan Februari 2015. Jabatan ini dipacu oleh pegawai dan kakitangan yang terdiri daripada:

1. Kumpulan A - 1 orang
2. Kumpulan B - 14 orang
3. Kumpulan C - 26 orang
4. Kumpulan D - 6 orang

Jabatan Pelesenan terdiri daripada 4 bahagian iaitu :

1. Bahagian Pelesenan Tred
2. Bahagian Pelesenan Penjaja
3. Bahagian Pentadbiran & Kewangan
4. Bahagian Inspektorat

Objektif Jabatan

1. Menguruskan pengeluaran lesen secara efisien bagi meningkatkan hasil Majlis.
2. Mengawal selia dan mengatur perniagaan dan industri melalui nilai-nilai bandar raya mampan.

Fungsi Jabatan

1. Menguruskan pengeluaran dan pembaharuan pelbagai lesen dan permit berdasarkan punca kuasa yang ada.

1. Menguruskan pengeluaran dan pembaharuan lesen-lesen gerai, pasar dan pasar malam yang meliputi proses-proses bancian dan temuduga.
2. Memantau dan mengutip tunggakan sewa gerai-gerai dan pasar awam milik Majlis.
3. Mengambil tindakan ke atas kesemua keputusan mesyuarat sama ada melulus, menolak, menangguh dan membatalkan lesen-lesen.
1. Melaksanakan dasar-dasar, pekeliling kerajaan Negeri atau Persekutuan bagi permohonan baru lesen.

Piagam Pelanggan

1. Memastikan lesen perniagaan yang tidak kritikal/berisiko yang telah lengkap dikeluarkan serta-merta.
2. Memastikan lesen perniagaan yang kritikal dan berisiko dikeluarkan selepas kelulusan mesyuarat dan ulasan daripada agensi yang berkaitan diperolehi.
3. Memastikan proses temuduga dijalankan sebelum lesen penjaja dikeluarkan sekiranya terdapat kekosongan unit gerai/petak/pasar.
4. Memastikan maklum balas berkaitan aduan diberi dalam tempoh 24 jam.
5. Memastikan semua lesen yang diluluskan diperiksa untuk pengesahan.

Bahagian Pelesenan Tred

Bahagian Tred terdiri daripada 4 unit iaitu:

1. Unit Lesen Serta-Merta
2. Unit Lesen Kritikal
3. Unit Lesen Berisiko
4. Unit Iklan

Unit Lesen Serta-Merta

Unit Ini diketuai oleh 1 orang Penolong Pegawai Tadbir dan 5 orang Pembantu Tadbir.

Fungsi-fungsi unit ini ialah:

1. Bertanggungjawab memproses permohonan lesen serta-merta, permit sementara dan iklan yang meliputi aktiviti menyemak dokumen, membuka fail, mendaftar maklumat ke dalam sistem pelesenan, penyediaan bil bayaran dan mencetak lesen.
2. Menyediakan laporan/kertas kerja permohonan baru lesen tred serta-

merta bagi kelulusan Pihak Berkuasa Melesen.

3. Menyediakan surat-menyurat berhubung dengan lesen tred serta-merta.
4. Mengemas kini maklumat yang diterima daripada Bahagian Inspektorat setelah pemeriksaan premis di tapak dibuat.
5. Mengumpul ulasan-ulasan daripada Jabatan Teknikal untuk proses permit sementara.
6. Memproses permohonan tambahan iklan, tambahan aktiviti perniagaan dan pindaan butir-butiran pada lesen.
7. Memproses permohonan permit-permit iklan sementara.

Unit Lesen Kritikal

Unit Ini diketuai oleh 1 orang Penolong Pegawai Tadbir dan 3 orang Pembantu Tadbir.

Fungsi Unit Lesen Kritikal meliputi:

1. Bertanggungjawab memproses permohonan lesen sementara, dan iklan sementara yang meliputi aktiviti menyemak dokumen, membuka fail, mendaftar maklumat ke dalam sistem pelesenan, penyediaan bil bayaran dan mencetak lesen.
2. Lesen yang dikategorikan sebagai kritikal ialah lesen-lesen yang memerlukan ulasan teknikal dalaman mahupun luaran sebelum lesen boleh dikeluarkan. Aktiviti lesen pada kategori ini ialah aktiviti yang mungkin memberikan impak kepada masyarakat sekeliling. Antara contoh lesen ialah seperti aktiviti taska, pusat tuisyen, pusat jagaan, kolej, pengilangan, bengkel kereta, cuci kereta dan lain-lain.
3. Menyediakan surat-menyurat berkaitan Unit Lesen Kritikal.
4. Mengumpul ulasan-ulasan teknikal.

Sumber kuasa utama yang digunakan oleh unit ini ialah Undang-Undang Kecil Tred Perniagaan & Perindustrian MBPJ (2007), Undang-Undang Kecil Hotel MBPJ (2007). Undang-Undang Kecil Tempat Letak Kereta Persendirian MBPJ (2007).

Unit Lesen Berisiko

Unit Ini diketuai oleh 1 orang Penolong Pegawai Tadbir Kanan dan 5 orang Pembantu Tadbir.

Fungsi-fungsi:

1. Unit Lesen Berisiko bertanggungjawab memproses permohonan lesen sementara, kad akuan serta iklan yang meliputi aktiviti menyemak dokumen, membuka fail, mendaftar maklumat ke dalam sistem, penyediaan bil bayaran, mencetak lesen serta lain-lain. Lesen yang dikategorikan sebagai berisiko ialah Lesen Establisymen Makanan, Lesen Hiburan, Lesen Pusat Kecantikan Dan Penjagaan Kesihatan, Lesen Pusat Siber.
2. Melaksanakan dasar, pekeliling kerajaan Negeri atau Persekutuan bagi permohonan baru lesen iklan.
3. Menyediakan surat-menyurat berhubung lesen-lesen kritikal.
4. Mengemaskini maklumat-maklumat yang diterima daripada Bahagian Inspektorat dan Jabatan Kesihatan Persekutaran.
5. Memproses permohonan tambahan iklan, tambahan dan pengurangan aktiviti perniagaan dan pindaan butiran pada lesen.

Sumber kuasa utama yang digunakan oleh unit ini ialah : UUK Establisymen Makanan (MBPJ) 2007, UUK Pusat Kecantikan Dan Penjagaan Kesihatan (MBPJ) 2007, UUK Pusat Siber Dan Kafe Siber (MBPJ) 2007, Enakmen Hiburan Dan Tempat Hiburan Negeri Selangor 1995.

Unit Iklan

Unit Ini diketuai oleh 2 orang Penolong Jurutera dan 2 orang pembantu tadbir.

Fungsi-fungsi:

1. Unit iklan bertanggungjawab memproses permohonan lesen iklan, iklan tambahan, permit sepanduk dan kain rentang serta iklan luaran seperti tanda langit., iklan setiang, dua tiang, *pylon*, *wall wrap* dan lain lain lagi.

2. Melaksanakan dasar, pekeliling kerajaan Negeri atau Persekutuan bagi permohonan baru lesen iklan.
3. Menyediakan laporan, kertas kerja, fail permohonan-permohonan lesen atau permit bagi ulasan Jabatan Teknikal menerusi Unit Pusat Setempat Mini di Jabatan Pelesenan.
4. Menyediakan inventori lesen-lesen iklan luaran.

Bahagian Penjaja

Bahagian Penjaja memainkan peranan sebagai urus setia dalam pengurusan penjaja di kawasan Majlis Bandaraya Petaling Jaya. Tugas utama Bahagian ini ialah memproses dan mengeluarkan permit penjaja dan mengeluarkan notis tunggakan sewa

Bahagian ini diketuai oleh seorang Penolong Pegawai Tadbir dan 6 orang pembantu tadbir yang dibahagikan kepada 3 unit iaitu:

1. Unit Gerai
2. Unit Pasar
3. Unit Permit Sementara

Antara lesen dan permit penjaja yang diuruskan ialah:

1. Gerai Kompleks
2. Gerai Tepi Jalan
3. Pasar Awam
4. Pasar Pagi
5. Pasar Malam
6. Pasar Tani/ Minggu
7. Penjaja Bergerak
8. Mesin Air
9. Permit Penjaja Sementara Bermasa
10. Permit Bazar Ramadan
11. Permit Tahun Baru Cina
12. Permit Penjaja Sementara Bermusim

13. Permit Penjaja Sementara Stadium
14. Permit Penjaja Sementara Musim Haji

Jenis Penjaja	Bilangan Penjaja
Gerai Majlis	821
Gerai Swasta	205
Gerai Tepi Jalan	433
Pasar Awam	872
Pasar Pagi	471
Pasar Minggu	182
Pasar Tani	372
Pasar Malam	7,780
Penjaja Bergerak	37
Jumlah	11,173

Bilangan lesen penjaja 2015

Pencapaian Tahunan Bahagian Gerai/Pasar, Unit Penjaja Dari Tahun 2015 Hingga Disember 2015:

Perkara	Bilangan
Sesi temuduga yang telah dijalankan	13
Lokasi gerai yang telah dibuat temuduga	68
Surat tawaran yang telah dikeluarkan	270
Sesi cabutan undi yang telah dijalankan	9

Bilangan temuduga penjaja yang telah dijalankan sepanjang tahun 2015

Jenis-Jenis Permit Penjaja

Unit Ini terdiri daripada 7 orang Penolong Pegawai Kesihatan Persekutuan yang bertanggungjawab memeriksa permohonan-permohonan lesen di tapak. Pemeriksaan dipecahkan kepada 3 kategori utama iaitu:

1. Lesen Kritikal
2. Lesen Berisiko, dan
3. Lesen Serta-Merta

Bahagian Pentadbiran Dan Kewangan

Fungsi Bahagian Pentadbiran dan Kewangan ialah menguruskan hal-hal pentadbiran dan kewangan Jabatan seperti:

1. Pengurusan Mesyuarat
2. Pengurusan Fail
3. Pengurusan Sumber Manusia
4. Pengurusan Logistik
5. Pengurusan Kursus, Retreat & Lawatan
6. Pengurusan Kewangan
7. Pengurusan Kualiti melibatkan ISO, APPC, STAR RATING & KIK
8. Hal ehwal kebajikan kakitangan

Jenis-Jenis Permit Penjaja

Laporan Pengeluaran Lesen

- **Laporan Pengeluaran Lesen-lesen Tred, Iklan, Hiburan Dan Anjing**

Pada tahun 2015 sebanyak 7,861 lesen baru telah diluluskan seperti berikut:

Jenis Lesen	Lesen Yang Diluluskan 2015
Tred (Perniagaan)	4,164
Iklan (Papan Tanda Perniagaan)	2,843
Iklan Luaran	0

Jenis Lesen	Lesen Yang Diluluskan 2015
Hiburan	9
Anjing	845
Jumlah	7,861

Sehingga tahun 2015, jumlah lesen terkumpul yang diluluskan dan masih aktif ialah sebanyak 31,982 unit seperti ringkasan di jadual berikut:

Jenis Lesen	Jumlah Keseluruhan Lesen Pada Tahun 2015
Tred (Perniagaan)	14,325
Iklan (Papan Tanda Perniagaan)	9,043
Iklan Luaran	221
Hiburan	226
Anjing	8,167
Jumlah	31,982

Laporan Kutipan Lesen

Pada tahun 2015, jumlah keseluruhan kutipan lesen adalah sebanyak RM 20.326 juta merangkupi kesemua jenis lesen permit, sewa dan hasil-hasil lain seperti borang dan caj proses seperti berikut:

Perkara	RM
Tred - Pembaharuan Lesen (Kekal)	10,306,924.00
Tred - Permohonan Baru Lesen (Kekal)	4,526,973.00
Tred - Permohonan Baru Lesen (Sementara)	1,424,631.25
Penjaja - Lesen	783,754.00
Penjaja - Sewa	3,052,214.41
Caj Pemprosesan	191,405.00
Jualan Borang, Plet Lesen, Pelekat Premis, Caj Proses Permit, Pendapatan Runcit Dan Yuran Pendaftaran Seminar	413,550.10
Kad Akaun	12,400.00
(-) Lesen Yang Dibatalkan	(385,813.00)
Jumlah	20,326,038.76

Kutipan hasil lesen dan lain-lain hasil bagi tahun 2015

Laporan Pembaharuan Lesen 2015

• Laporan Pengeluaran Lesen Lesen Tred, Iklan, Hiburan Dan Anjing

Kesemua pemegang lesen di kawasan MBPJ perlu memperbaharui lesen pada 31 Disember setiap tahun melainkan aktiviti yang terdapat di bawah Undang-Undang Kecil Pusat Kecantikan dan Penjagaan Kesihatan (MBPJ) 2007. Pihak Jabatan Pelesenan telah menghantar notis pembaharuan lesen pada 1 Oktober 2015. Mulai tahun 2011 Jabatan Pelesenan telah memperkenalkan konsep caj proses lewat memperbaharui lesen. Melalui konsep ini kesemua lesen yang tidak diperbaharui sehingga 31 Disember tahun semasa akan ditangguhkan pada 1 Januari tahun berikutnya. Bagi mengaktifkan semula akaun berkenaan caj sebanyak RM 50 akan

dikenakan. Sekiranya pengaktifan dibuat selepas 1 Mac tahun berikutnya caj sebanyak RM 300 akan dikenakan dan sekiranya pembaharuan masih tidak dibuat sehingga 1 Julai tahun berikutnya lesen akan dibatalkan.

Bagi menggalakkan dan memudahkan orang ramai memperbaharui lesen. Beberapa inisiatif telah dijalankan antaranya ialah:

1. Pembayaran lesen secara online di url <http://eps.mbpj.gov.my>.
2. Membuka kaunter pembaharuan lesen pada sepanjang bulan Disember 2015 termasuk cuti umum.
3. Membuka kaunter-kaunter bergerak di kompleks membeli-belah dan gerai-gerai Majlis.



Kaunter bergerak di pusat membeli-belah

Jenis Lesen	Jumlah Pembaharuan Lesen 2015
Tred (Perniagaan)	9,040
Iklan (Papan Tanda Perniagaan)	8,444
Iklan Luaran	214
Hiburan	67
Anjing	1,548
Jumlah	19,313

Jumlah pembaharuan lesen 2016 yang dibuat pada musim pembaharuan lesen sepanjang 1 Oktober 2015 sehingga 31 Disember 2015.

Lain-Lain Aktiviti

Retreat Jabatan Pelesenan

Setiap tahun Jabatan akan mengadakan retreat bertujuan memberi pendedahan kepada warga kerja jabatan berhubung dasar-dasar baru yang dikeluarkan oleh Majlis, kerajaan Negeri dan Persekutuan. Antara dasar yang perlu diambil perhatian semasa pembaharuan lesen 2015 ialah:

1. Lesen tidak boleh diperbaharui selagi kebenaran merancang tidak diluluskan.
2. Menentukan susun atur kaunter semakan dan bayaran semasa pembaharuan lesen 2015.
3. Lesen berisiko perlu dibuat pemeriksaan bersepada sekiranya terdapat pelanggaran syarat-syarat lesen.

4. Mengenakan cagaran bagi aktiviti pusat kecantikan dan penjagaan kesihatan.
5. Tolak cagaran sekiranya berlaku pelanggaran syarat bagi aktiviti berisiko seperti pusat hiburan, pusat kesihatan dan pusat siber.
6. Memperkenalkan “*Self Checking System*” di mana pemohon boleh menyemak status lesen dengan sendiri.

Selain itu, mendidik warga kerja Jabatan Pelesenan supaya **mahir dalam menguruskan orang awam yang memohon lesen dan menjadi warga kerja yang cemerlang dalam membudayakan penyampaian perkhidmatan yang telus dan cekap.**



Retreat Jabatan Pelesenan yang diadakan di Menara PKNS pada November 2015

Bengkel Penambahbaikan SOP Pengeluaran Lesen Premis Minuman Keras Dan Pembatalan Lesen Perniagaan

Bengkel membincangkan mengenai SOP berkenaan pengeluaran lesen memborong dan menyimpan minuman keras dan mendapat kerjasama Pejabat Tanah dan Daerah Petaling serta PBT-PBT Selangor. *Reengineering* pengeluaran lesen berisiko telah diadakan di Hotel Royal Chulan pada 7 April 2016:

Bengkel ini membincangkan mengenai:

1. SOP berkenaan pengeluaran lesen memborong dan menyimpan minuman keras.
2. Mengambil amalan pengeluaran lesen oleh PBT-PBT lain dan pejabat tanah dan daerah yang lain.
3. Membincangkan mengenai SOP pengeluaran lesen perniagaan.



Bengkel yang diadakan di Hotel Royale Chulan yang disertai oleh wakil Pejabat Tanah Petaling dan wakil PBT-PBT Selangor

Bengkel Perlaksanaan Pemberian Insentif 10% Kepada Kakitangan Majlis Bagi Kutipan Hasil-Hasil Lesen Perniagaan Dan Iklan Di Kawasan Petaling Jaya

Retreat bengkel telah diadakan di Hotel Grand Bluewave Shah Alam pada 2, 3 dan 4 November 2015

Perkara-perkara yang dibincangkan:

1. SOP pemotongan cagaran lesen berisiko seperti hiburan, pusat kecantikan dan penjagaan kesihatan.
2. Kerjasama dengan unit ICT bagi membolehkan pihak jabatan membuat pemotongan cagaran menerusi sistem.
3. Membincangkan mengenai pengeluaran lesen vape (rokok elektronik)
4. *Reengineering* SOP permohonan lesen penjaja, pertukaran hak milik lesen penjaja dan cagaran penjaja.

Bazar Ramadan Bebas Sampah 2015



Pengedaran sampel bekas makanan *biodegradeable* di Bazar Ramadan Kota Damansara


Kesinambungan daripada konsep bazar ramadan mampan tahun 2014, pada tahun 2015 tema bazar ramadan ialah ‘bazar ramadan bebas sampah’. Antara kriteria baru yang diperkenalkan pada bazar ramadan kali ini ialah :

1. Pengasingan kategori jualan kepada:
 - A. Makanan
 - B. Minuman
 - C. Makanan bakar
2. Pengasingan ini dibuat pada skala 1:3 iaitu 1 minuman dan 3 makanan.
3. Pada tahun 2015 juga satu pertandingan dibuat bagi menggalakkan orang awam menggunakan bekas makanan sendiri daripada rumah. Pelanggan yang didapati hadir membawa bekas makanan sendiri di kawasan Seksyen 17 dan Kota Damansara akan diberikan hadiah. Pemilihan pemenang adalah berdasarkan pemantauan petugas yang ditempatkan di lokasi.
4. Bagi kategori peniaga pula, peniaga yang menggunakan bekas *biodegradeable* akan dipilih sebagai pemenang bazar terbaik setelah mengambil kira faktor-faktor lain seperti kebersihan.

Inovasi 2015

Ulasan Teknikal Setempat

Jabatan Pelesenian sentiasa memikirkan cara bagi mempercepatkan proses kelulusan lesen-lesen perniagaan. Bermula tahun 2015 konsep baru telah diperkenalkan iaitu ulasan teknikal setempat yang diadakan pada setiap hari Selasa di Jabatan Pelesenian. Pada setiap hari Selasa, wakil-wakil Jabatan teknikal diminta memberikan ulasan teknikal di Jabatan Pelesenian tanpa memerlukan fail berkenaan bergerak keluar dari Jabatan Pelesenian.



Ulasan teknikal setempat pada setiap hari Selasa

Sistem Semakan Sendiri Status Permohonan Lesen ‘Scs’

Susulan daripada bengkel yang telah diadakan di Hotel Grand Bluewave Shah Alam, Jabatan Pelesenan dengan kerjasama Unit Teknologi Maklumat MBPJ telah menambah fungsi pada sistem PJIS Majlis sedia ada supaya membenarkan pemohon lesen menyemak sendiri status pergerakan permohonan lesen sementara dan kad akuan mereka. Semakan boleh dibuat menerusi url <http://eperkhidmatan.mbpj.gov.my/elesen>


Menerusi sistem ini juga sejarah pergerakan sesuatu permohonan boleh dilihat.

The screenshot displays two main panels. The left panel, titled 'Untuk Pelanggan' (For Customer), shows a dropdown menu for account selection, the number '181511', and two buttons: 'Simpan' (Save) and 'Batal' (Cancel). Below this is a table with columns 'Catatan', 'Catit Oleh', and 'Catatan'. It contains two rows of data. The first row is for application number 08.55, made by NUR HAFIZAH BINTI J, stating: 'PERMOHONAN LESEN TELAH DITERIMA DI KAUNTER PELESENAN TINGKAT 6. LESEN SEMENTARA TELAH DIKELUARKAN.' The second row is for application number 54.28, made by AYU ADIRATNA BINTI, stating: 'PERMOHONAN TELAH DIMAJUKAN KEPADA PEMBANTU TADBIR BAHAGIAN LESEN KRITIKAL UNTUK PERTANYAAN SILA HUBUNGAN 109, 123, 125.' The right panel, titled 'Syarikat ART', provides detailed information for application number 181511. It includes fields for 'Nombor Akaun' (Account Number: L230000181511), 'Alamat' (Address: NO. 29-3, JALAN DAMAR SD 15/1), 'Status Permohonan' (Application Status: Lulus - Passed), 'Tarikh Permohonan' (Application Date: 06/01/2016), and a large 'Catatan' (Notes) section which reiterates the status message from the left panel.

Semakan status permohonan dan ‘tracking’ dalam sistem oleh pengguna pelesenan

Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal Dan Pembersihan Awam

Pengurusan Sisa Di Petaling Jaya



Pengurusan sisa pepejal dan pembersihan awam merupakan fungsi asas pihak berkuasa tempatan. Pada peringkat awal, sisa pepejal di Petaling Jaya diuruskan oleh Unit Kawal Selia, Jabatan Kesihatan Persekitaran sejak 1 Julai 1998 susulan daripada penswastaan pengurusan sisa pepejal secara interim oleh Alam Flora Sdn. Bhd. Bermula pada 1 Ogos 2011, Unit Kawal Selia telah ditukar nama kepada Bahagian Perkhidmatan Bandar, Jabatan Kesihatan Persekitaran sebagai kesinambungan daripada proses pengambilalihan pengurusan sisa pepejal dan pembersihan awam oleh Kerajaan Negeri Selangor. Pada

tahun 2014, Kerajaan Negeri Selangor telah mengarahkan setiap PBT di Selangor untuk menubuhkan Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam (JPSPPA) secara pentadbiran sebelum 1 Oktober 2014 bagi mengendalikan urusan berkenaan sisa pepejal dan pembersihan awam di kawasan masing-masing. Selaras dengan arahan Kerajaan Negeri, Bahagian Perkhidmatan Bandar telah dikeluarkan daripada Jabatan Kesihatan Persekitaran dan dinaik taraf sebagai sebuah jabatan dan pada Februari 2015, Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam MBPJ telah ditubuhkan.

Visi

- Menyumbang ke arah PJ Sustainable 2030.

Misi

- Agenzi pengurusan sisa pepejal dan pembersihan kawasan yang efisyen, berkualiti, mesra dan berintegrasi.

Objektif

- Menyediakan perkhidmatan pengurusan sisa pepejal dan pembersihan kawasan yang efisyen, berkualiti, mesra dan berintegrasi
- Mengawalselia sektor pengurusan sisa pepejal dan pembersihan kawasan secara teratur dan menyeluruh
- Mengeratkan perhubungan dan komunikasi antara semua pihak berkepentingan dalam pengurusan sisa pepejal dan pembersihan kawasan


Fungsi

- Untuk merangkakan dasar, strategi, piawaian dan program pengurusan sisa pepejal dan pembersihan kawasan
- Untuk menyediakan dan mengawalselia servis pengutipan sampah, pembersihan dan penyelenggaraan kawasan
- Untuk menggalakkan penyertaan awam dan membina kapasiti awam berkenaan konsep 3R
- Untuk mengenalpasti dan menggunakan teknologi hijau dan aplikasi bersesuaian dalam meningkatkan kualiti dan servis pengurusan sisa pepejal dan pembersihan kawasan
- Untuk melaksana dan menguatkuasakan undang-undang kecil dan peraturan berkenaan pengurusan sisa pepejal dan pembersihan kawasan

Piagam Pelanggan

- Memastikan kontrak perkhidmatan pengutipan sampah, pembersihan kawasan dan penyelenggaraan pokok sahlaku sentiasa masa
- Memastikan pengutipan sampah dijalankan mengikut spesifikasi, jadual kerja dan servis kualiti yang ditetapkan
- Memastikan pembersihan kawasan termasuk sapuan jalan, pencucian longkang, pemotongan rumput dan penyelenggaraan pokok dijalankan mengikut spesifikasi dan jadual kerja yang ditetapkan
- Memastikan aduan yang diterima diperakui, diambil tindakan dan dimaklumkan dalam tempoh 1 hari bekerja
- Memastikan permohonan untuk kemudahan logistik dan khidmat nasihat berkenaan pembersihan kawasan diberikan maklumbalas dalam tempoh 1 hari bekerja
- Memastikan persediaan pembayaran kepada pembekal servis dengan dokumen lengkap disempurnakan untuk dikemukakan kepada Jabatan Perbendaharaan dalam tempoh 7 hari

Carta Organisasi



Strategi Pengurusan Sisa Pepejal MBPJ

PJ Lestari 2030


Strategi	Instrumen			
	Ke arah Masyarakat yang Sifar Sisa			
3R	Perundangan	Ekonomi	Sosial / Sukarela	Urustadbir
Kurangkan penggunaan sumber			“Be resourceful”	Pelan bersepadu dan strategik
Kurangkan penjanaan sisa	Dasar “Polluter pay”			
Kurangkan sisa di tempat penjanaan	Garispanduan Perancangan dan Rekabentuk	Insentif Bonus pembangunan	Kitar semula komuniti	Pengkomposan / MRF
Pengutipan sisa yang efektif	Tindakan penguatkuasaan ketat ke atas pencemar		“Stakeholders engagement and partnership”	Pengurusan pembekal servis / kontraktor


Pencapaian 2015

Perbelanjaan Pengurusan Sisa Pepejal & Pembersihan Awam 2015

JENIS KERJA	BIL. KONTRAKTOR	KOS SETAHUN (RM)
Kutipan	38	19,318,899.00
Pembersihan Awam	68	16,498,694.04
Gabungan Pembersihan Awam & Lanskap	8	3,772,922.76
Pembersihan Khas - Jalan Protokol	15	3,586,437.36
Pembersihan Khas - Longkang Besar	14	3,229,649.76
JUMLAH	143	46,406,602.92

Jumlah sisa dilupuskan oleh MBPJ dari tahun 2010 hingga 2015 (tan)





Pemantauan Kerja-Kerja Kontraktor

BIL.	SASARAN PROGRAM & AKTIVITI	PENCAPAIAN SASARAN MASA/BIL/PANJANG/LUAS	IMPLIKASI SASARAN
1	Membuat pemantauan ke atas kerja-kerja kontraktor (240 kali)	256 kali	106%
2	Mesyuarat antara MBPJ dan Kontraktor (12 kali)	10 kali	83%
3	Lawatan bersama kontraktor & RA/RT (24 kali)	4 kali	17%
4	Pengeluaran NTC (24 jam/mengikut keperluan). Sasaran mengurangkan 5% NTC bagi tahun 2015 berbanding tahun 2014 (NTC 2014 = 3,795).	1,721 NTC	Kadar pengurangan NTC = 54.65%
5	Menjalankan kerja-kerja 'back-up' (pembersihan/kutipan)	852 kali	Tawaran tender / sebutharga 28 tawaran
6	Kontraktor yang ditamatkan, tidak disambung, tarik diri.	Ditamatkan = 1 Tidak disambung = 8 Tarik diri = 7	

Pengurusan Aduan

BIL.	SASARAN PROGRAM & AKTIVITI	PENCAPAIAN SASARAN MASA/BIL/PANJANG/LUAS	IMPLIKASI SASARAN
1	Mesyuarat aduan (44 kali)	44 kali	100%
2	Aduan diterima dan diambil tindakan. Sasaran mengurangkan 10% aduan bagi tahun 2015 berbanding tahun 2014 (Aduan 2014 = 6,275)	4,822 aduan	Kadar pengurangan aduan = 23.16%

Aktiviti Mengurangkan Pembuangan Sampah Haram

BIL.	SASARAN PROGRAM & AKTIVITI	IMPLIKASI SASARAN
1	Perlantikan panel kontraktor sisa binaan	50%
2	Menghadkan 2tong sampah bagi premis komersil	52%
3	Mengadakan pasukan in-house bagi kutipan sampah domestik dari penjaja tanpa lesen	Perkhidmatan kutipan sampah kepada 61 unit kiosk MARA di PJS2 dengan bayaran RM20 setiap penggerai.
4	Menghadkan 5 bag plastik sampah kebun sahaja.	Makluman melalui flyer perkhidmatan
5	Program pengasingan sampah	4 kawasan (Kg. Sg. Kayu Ara, PJS1, Sek.16, Sel11)
6	Kutipan sampah pukal di rumah flat kos rendah	80%
7	Aplikasi WhatsApp bagi pengurusan sisa pepejal di kawasan.	65 kumpulan WhatsApp (ahli terdiri daripada RA/RT, pegawai Majlis, ahli Majlis).

Projek Yang Dilaksanakan

Pemeriksaan Syarat-Syarat Kebersihan Lesen Perniagaan

Projek ini dilaksanakan selaras dengan dasar MBPJ yang tidak akan memperbaharui lesen perniagaan sekiranya notis kesalahan yang telah dikeluarkan tidak dipatuhi oleh pemilik perniagaan.

Tempoh projek : 15/6/2015 – 26/8/2015

Lokasi pusat pandar : SS 21, SS 2, SS 6, Sek. 52, Sek. 8, Sek. 14, Sek. 1, Sek. 3, Sek. 9, Sek. 9A, Sek. 6, PJU 5, PJS 8, Sunway Damansara, Damansara Perdana.

Premis yang telah diperiksa : 2,187

Notis yang dikeluarkan : 879

JENIS KESALAHAN



Menutup Longkang



Perangkap Minyak Tidak Berfungsi



Aktiviti Di Lorong Belakang

Gabungan Pembersihan Awam Dan Penyelenggaraan Lanskap (GPL)

GPL telah diperkenalkan pada 1/10/2014 sebagai langkah alternatif MBPJ untuk menyelesaikan masalah pertindihan kerja di antara Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal Dan Pembersihan Awam dengan Jabatan Lanskap yang melibatkan kerja-kerja pembersihan awam dan lanskap. Lapan buah syarikat telah dilantik bagi perlaksanaan GPL.



Impak Pelaksanaan

1. Kerja penyelenggaraan lanskap dan pembersihan awam di bawah satu jabatan sahaja.
2. Isu pertindihan sempadan kawasan kerja dapat diselesaikan.
3. Pemantauan dapat dijalankan dengan lebih mudah dan teratur.
4. Penyaluran aduan berpusat.
5. Penalti bagi setiap kegagalan dapat dikenakan ke atas kontraktor lanskap.


Mobile Transfer Station Seksyen 5

Projek ini diperkenalkan bagi mengatasi masalah kekerapan kutipan sampah kebun dan pukal di Seksyen 5 Petaling Jaya serta meningkatkan kadar penghantaran sisa ke tapak pelupusan daripada 2 kali kepada 4 kali sehari. Dengan menggunakan tong RORO berkapasiti 10 tan, projek ini telah berjaya mengurangkan aduan di kawasan berkenaan sebanyak 85%.



Kempen “Spring Cleaning” Petaling Jaya

Kempen ini bertujuan menyediakan tong sampah kepada masyarakat yang ingin melupuskan sampah pukal semasa musim perayaan. Dua unit tong RORO diletakkan di kawasan kempen dan kempen ini telah berjaya mengurangkan pembuangan “bulk waste” secara haram.



Program “Spring Cleaning” Tahun 2015

PERAYAAN	TARIKH	LOKASI
Tahun Baru Cina	24 Januari - 15 Februari	SS9, SS24, SS25, SS22, SS23, BANDAR UTAMA, PJU 7, PJS2
Hari Raya Puasa	6 Jun - 5 Julai	PJS1, S59, Sri Manja, SS8, PJS 3, Kota Damansara
Deepavali	31 Oktober- & November	SS5, Seksyen 8, PJS10, PJS1, Seksyen 1A

Program Jom Sapu Bersih

Bagi menyelesaikan masalah pembuangan sampah kebun dan pukal secara haram di Petaling Jaya, MBPJ buat pertama kali telah melancarkan Program Jom Sapu Bersih yang bertujuan untuk mengurangkan ‘hot spot’ sampah haram dan sekali gus mengurangkan kes deggi di kalangan penduduk Petaling Jaya. Program ini telah dijalankan dalam tempoh 31 hari sepanjang bulan Jun 2015. Seramai 56 kontraktor pembersihan awam telah dilantik dan telah melibatkan kos sebanyak RM 850,000.00.



Pengkomposan Sisa Makanan Kantin Ibu Pejabat MBPJ

Projek perintis pengkomposan sisa makanan ini telah dilaksanakan susulan daripada kajian Perbadanan Pengurusan Sisa Pepejal Negara yang mendapati peratus sisa makanan yang dijana setiap hari adalah melebihi 40%. Bagi kantin MBPJ, anggaran sisa makanan yang dihasilkan setiap hari adalah di antara 25kg-30kg sehari. Ini termasuk makanan yang rosak dan lebihan makanan daripada program MBPJ.

Projek perintis ini telah dijalankan selama 6 bulan bermula bulan Disember 2014 hingga Mei 2015. Melalui projek ini produk akhir yang dihasilkan adalah cecair bio-fertiliser dan bio-gas. Mesin kompos yang digunakan menggunakan kaedah anaerobic yang dapat memproses 30kg sisa makanan dalam tempoh 24 jam.

Jumlah baja kompos yang terhasil
4,140 kg



Persidangan PJ Waste Summit 2015

Petaling Jaya Waste Summit 2015 telah berjaya menghimpunkan pelbagai pihak berkepentingan di dalam pengurusan sisa pepejal di Petaling Jaya. Bertemakan “Profesionalisme Dalam Pengurusan Sisa Pepejal Ke Arah PJ Bersih, Hijau dan Sejahtera”, para peserta telah mengikuti lawatan teknikal ke tapak pelupusan sampah di Jeram, berkongsi maklumat pengurusan sisa pepejal dengan Majlis Perbandaran Seberang Prai, melibatkan diri dalam sesi perbincangan bagi meningkatkan kemahiran dalam perkhidmatan serta penambahbaikan projek sedia ada dan mengenal pasti teknologi dan kaedah lain bagi kesinambungan pengurusan sisa pepejal di masa akan datang.

Tarikh
17-18 November 2015
Lokasi
Dewan Sivik MBPJ
Jumlah peserta
300 orang



Pembentangan

En. Mohd Puad bin Hamid, Pengarah Jabatan Perkhidmatan Perbandaran “Profesionalisme Dalam Pengurusan Sisa Pepejal Dan Pembersihan Awam: Perkongsian Pengalaman Bersama Majlis Perbandaran Seberang Prai”.



En. Lee Lih Shyan, Pengarah Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal Dan Pembersihan Awam “Inisiatif Perintis Ke Arah Pengurusan Sisa Pepejal Dan Pembersihan Awam Yang Berkesan di Petaling Jaya”.



Perbincangan Panel

“Profesionalisme Dalam Pengurusan Sisa Pepejal Dan Pembersihan Awam” Moderator: En. Chang Yi Tan (PE Research Sdn.Bhd.), Panel: YB Rajiv a/l Rishyakaran (ADUN Bukit Gasing), Prof. Madya. Dr. Sumiani binti Yusoff (Pensyarah Fakulti Kejuruteraan UM), En. Ravindran a/l Raman Kutty (Wartawan NST), En. Sio Kee Hong (Taiwan Buddhist Tzu Chi Foundation Malaysia), En. Abdul Rahman Ramli (Bayumas Enterprise).



Bengkel/Kursus

- Gabungan Pembersihan dan Landskap (GPL)
- *Mobile Transfer Station*
- Pengkomposan Sisa dan 3R
- Komunikasi dan Pemantauan
- Operasi Pelesenan dan Dasar 30% ke atas Penjaja
- Kursus Asas Pekerja Pembersihan Awam.



Anugerah Kecemerlangan Pengurusan Sisa Pepejal Dan Pembersihan Awam 2015

Anugerah ini terbahagi kepada 2 kategori iaitu Anugerah Kontraktor Cemerlang 2015 dan Anugerah *Unsung Hero* 2015. Ia diperkenalkan sebagai memberi penghargaan kepada syarikat kontraktor pembersihan MBPJ yang telah berjaya mengekalkan prestasi cemerlang sepanjang tahun 2015 serta penghargaan kepada individu, orang perseorangan yang telah menyumbang kepada kebersihan di Petaling Jaya, pengurusan sisa pepejal, 3R, Low Carbon City secara berterusan dan proaktif.

Anugerah Kontraktor Cemerlang 2015

- A. Bayumas Enterprise, Kontraktor Pembersihan Awam & Sampah Pukal
- B. Tinta Usaha Niaga, Kontraktor Pembersihan Awam Dan Landskap (GPL)
- C. Cukup Yakin Enterprise, Kontraktor Kutipan Sisa Pepejal/Domestik
- D. Roswani Maju Enterprise, Kontraktor Pembersihan Jalan Protokol
- E. Jengking Emas Trading & Construction, Kontraktor Pembersihan Longkang Besar

Anugerah Unsung Hero 2015

- A. Pn. Maggie Gan Guat Hoong, SS 22
- B. En. Wong Sow Yoong, BU 11
- C. En. Ramli bin Hj. Daud, Kg. Sg. Kayu Ara
- D. En. Sanggat Singh a/l Nunsha Singh, Taman Kelana Jaya
- E. En. Chong Tuck Seng, Kota Damansara

Sambutan Earth Hour 2015

Majlis Bandaraya Petaling Jaya telah menganjurkan sambutan Earth Hour buat pertama kali pada 28 Mac 2015 dengan kerjasama WWF Malaysia. Bertemakan Earth Hour City Carnival @ 52, sambutan ini telah diisi dengan pelbagai acara seperti memadamkan lampu bangunan Ibu Pejabat MBPJ dan Menara.



MBPJ dari jam 8.30 malam sehingga 9.30 malam telah menganjurkan “candle light dinner” dan Backlane Walk @ 52 For the Earth. Selain daripada itu, WWF Malaysia turut menyampaikan Anugerah National Earth Hour Capital 2015 kepada MBPJ susulan daripada penyertaan MBPJ dalam pertandingan Earth Hour City Challenge 2015. Program ini telah dihadiri oleh YB Puan Elizabeth Wong Keat Peng, Pengurus Jawatankuasa Tetap Pelancongan, Alam Sekitar, Teknologi Hijau Dan Hal Ehwal Pengguna Negeri Selangor.



Program Tanggungjawab Sosial Korporat



Selaras dengan sasaran Petaling Jaya Bersih, Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal Dan Pembersihan Awam telah menjalankan aktiviti CSR di Kampung Selamat yang terletak di sempadan 3 PBT agar menjadi kampung bersih dan indah sekali gus menjadi contoh di Petaling Jaya. Antara aktiviti yang telah dijalankan adalah gotong-royong, mengecat bangunan dewan, menukar sistem kutipan sampah kepada “door-to-door”, pengindahan kawasan landskap dan menjalankan kempen pengasingan sampah.



Unit Teknologi Maklumat



Fungsi

1. Mewujudkan sistem kerja berkomputer (e-office) di Majlis selaras dengan perkembangan ICT semasa.
2. Merancang, mengurus, melaksana dan memantau projek ICT.
3. Merancang dan mengurus perolehan perkakasan komputer.
4. Mengurus dan menyelenggara prasarana ICT Majlis (perkakasan, perisian, sistem keselamatan dan rangkaian telekomunikasi – PJNET).
5. Pusat Helpdesk (sokongan dan bantuan teknikal).
6. Pengurusan laman web Majlis.
7. Menguruskan dan memantau pangkalan data dan operasi harian sistem.
8. Merancang dan menguruskan inventori ICT (alat tulis komputer) Majlis.
9. Mengurus hal ehwal pentadbiran Unit.
10. Menyelaras Pusat-pusat Komuniti IT.
11. Melaksanakan program pembudayaan IT kepada pegawai dan kakitangan Majlis.
12. Menyimpan dokumentasi sistem dan dasar / polisi yang berkaitan dengan ICT dan Majlis.

Aktiviti Dan Pencapaian 2015

Program Pensijilan ISMS

Unit Teknologi Maklumat telah mula melaksanakan Program Pensijilan bagi Pengurusan Sistem Maklumat Keselamatan atau lebih dikenali sebagai *Information Security Management System* (ISMS) pada bulan Januari 2014.

Objektif pelaksanaan ISMS adalah untuk mengawal keselamatan maklumat dari segi kerahsiaan, integriti dan kebolehsediaan mengenal pasti ancaman risiko dalam persekitaran ICT dan meningkatkan keyakinan pelanggan kepada tahap keselamatan maklumat.

Skop pensijilan ISMS MBPJ memfokuskan kepada keselamatan aset Majlis serta maklumat yang melibatkan

hasil utama Majlis yang memberikan impak tinggi kepada organisasi. Skop yang dipilih iaitu “Sistem Pengurusan Keselamatan Bagi Maklumat Elektronik Cukai Taksiran Majlis Bandaraya Petaling Jaya” telah diluluskan oleh Jawatankuasa Kemasyarakatan, Perkhidmatan, Korporat dan Teknologi Maklumat bertarikh 14 November 2014, Bil. 9/ 2014.

Pelaksanaan ISMS adalah memenuhi keperluan standard ISO/IEC 27001:2013 dan polisi / prosedur yang telah dibangunkan di peringkat MBPJ. MBPJ telah berjaya memperolehi Pensijilan ISMS pada 22 Oktober 2015 yang dikeluarkan oleh badan pensijilan tempatan iaitu SIRIM QAS International.




Lawatan Kerja ISMS

Lawatan kerja ISMS telah diadakan pada 13-15 Disember 2015 ke Jabatan Perkhidmatan Komputer Sabah (JPKN) di mana lawatan pada kali ini lebih fokus kepada sesi perkongsian sejauh mana tahap persediaan Jabatan Perkhidmatan Komputer Sabah (JPKN) menghadapi ‘Surveillance Audit’ bagi mengekalkan prestasi pensijilan ISMS mereka. Pasa sesi lawatan kali ini, pihak JPKN telah memperbaharui versi ISMS terkini kepada versi 2013 dan akan menghadapi audit susulan pada 23 Disember 2015.

Tujuan lawatan utama MBPJ kali ini ialah mempelajari kaedah dan bagaimana aktiviti-aktiviti ‘Surveillance Audit’ yang dilakukan sepanjang tempoh persediaan tersebut. Sesi perkongsian ini telah dihadiri seramai 10 orang peserta dari MBPJ diketuai oleh Pengarah Teknologi Maklumat, En. Samsul Bahari bin Nonchi dan barisan Pegawai Teknologi Maklumat, Unit Perhubungan Awam, Unit Audit Dalam, Jabatan Penilaian dan Pengurusan Harta, Jabatan Perbendaharaan dan Unit Korporat.






Pelan Strategik ICT MBPJ 2012-2015

Pelan Strategik ICT MBPJ 2012-2015 yang merupakan *blueprint* yang dibangunkan selaras dengan Pelan Strategik Teknologi Maklumat Pejabat SUK Selangor 2011-2015 yang juga menyokong Pelan Strategik MBPJ agar perancangan dan pembangunan ICT selari dengan pelan tindakan dan pelaksanaan program dan aktiviti yang dirancang. Pelan Strategik ICT 2012-2015

ini juga merupakan asas rujukan kepada ketua-ketua jabatan, pegawai-pegawai dan kakitangan dalam menyediakan sasaran kerja tahunan dan belanjawan bagi tempoh 4 tahun terakhir untuk mencapai visi, misi dan objektif ICT Majlis. Satu semakan akan dijalankan terhadap strategi, program, aktiviti dan objektif yang telah dirancang setiap tahun.



Pembangunan Sistem ePayslip

Pada tahun 2015, satu seksyen baru ditubuhkan dikenali sebagai Seksyen *Quality Research Development* (QRD). Seksyen ini bertanggungjawab melaksanakan kajian menyeluruh berkaitan penambahbaikan proses sistem ICT dan perekayasaan. Salah satu proses yang telah ditambah baik ialah melaksanakan pembangunan Sistem ePenyata Gaji yang merupakan salah satu projek di bawah program Pelan Strategik ICT 2012-2015. Projek ini dibangunkan secara ‘*inhouse*’ iaitu menggunakan kepakaran

dalamani bagi membantu mempercepatkan dan melicinkan lagi proses kerja Jabatan Perbendaharaan (BEP) dan membolehkan pengguna mengakses maklumat slip gaji melalui internet.

Sistem ePayslip MBPJ dibangunkan untuk membolehkan Penyata Gaji Bulanan atau slip gaji disampaikan terus kepada kakitangan Majlis melalui laman web iaitu di alamat <http://epayslip.mbpj.gov.my/epayslip/index.html>

The image displays four screenshots of the ePayslip MBPJ mobile application interface, arranged in a 2x2 grid.

- Top Left Screenshot:** Shows the login screen with the title "ePayslip" and "MAJLIS BANDARAYA PETALING JAYA". It includes fields for "ID Pengguna" and "Kad Pengenalan", "Kata Laluan" and "Password", and a "Log Masuk" button.
- Top Right Screenshot:** Shows the main dashboard with the title "ePayslip" and "MAJLIS BANDARAYA PETALING JAYA". It features three main buttons: "Profil Saya", "Lihat Slip Gaji", and "Tukar Katalaluan". Below these buttons is a table showing monthly holidays from January to September 2015.
- Bottom Left Screenshot:** Shows a detailed view of a payslip document with various columns for date, name, address, and financial details.
- Bottom Right Screenshot:** Shows a promotional poster for "ePAYSLIP MBPJ INOVASI ICT". It includes sections for "Cara Akses Sistem" (Access System) and "Manual Pengguna & Tatacara" (User Manual & Procedures), along with QR codes for download.



Unit Perhubungan Awam



UNIT PERHUBUNGAN AWAM TERDIRI DARIPADA



Fungsi

1. Merancang, mengawal, menyelaras dan menilai semula usaha dan kegiatan penerangan mengenai dasar, tindakan dan aktiviti ke arah masyarakat berinformasi serta mendaya usahakan strategi dan program-program yang boleh memberi sokongan masyarakat dan agensi berkaitan terhadap wawasan dan usaha Majlis serta menyelaras perkara-perkara berkaitan dengan kempen bantuan media.
2. Menjalin dan memupuk perhubungan baik antara Majlis dan pertubuhan / institusi lain serta Persatuan Penduduk, Rukun Tetangga dan lain-lain.
3. Melaksanakan komunikasi bersemuka media cetak dan komunikasi visual untuk memberi penerangan kepada masyarakat mengenai dasar dan program Majlis serta meningkatkan imej Majlis.
4. Mengurus dan menyelaras kunjungan lawatan ke Majlis sama ada dari dalam atau luar negara.
5. Menyelaras pelaksanaan acara rasmi khususnya dari segi protokol dan publisiti program.
6. Mengurus tinjauan pendapat awam sebagai maklum balas kepada perkhidmatan Majlis.
7. Menguruskan bahan penerbitan seperti akhbar Berita Petaling Jaya, risalah, flyers, poster dan lain-lain.
8. Mendokumentasikan aktiviti Majlis melalui dokumentari, fotografi dan videografi.
9. Menerima aduan, menyiasat aduan dan memasukkan data aduan daripada orang awam / agensi kerajaan / persatuan penduduk dan badan bukan kerajaan ke dalam Sistem Aduan Majlis.

- untuk dipanjangkan ke jabatan yang telah dipertanggungjawabkan.
10. Menjadi urus setia kepada program Hari Bertemu Pelanggan.
 11. Menjadi urus setia Mesyuarat Pemantauan Aduan Awam setiap minggu.
 12. Menjadi urusetia aduan melalui e-mel Majlis dan memanjangkan aduan ke jabatan / bahagian tertentu.
 13. Menyelaras kes-kes aduan kecemasan seperti kerosakan lampu isyarat, pokok tumbang (ribut) dan jalan berlubang di kawasan Majlis untuk dimaklumkan kepada jabatan / agensi lain.

Seksyen Protokol Dan Pengurusan Acara

Kunjungan Lawatan Dalam Negara / Luar Negara Tahun 2015

Sebanyak 13 lawatan dalam negara dan satu lawatan dari luar negara iaitu dari bandar raya Asan, Korea telah diterima MBPJ pada tahun 2015.

Bil.	Pelawat	Tarikh
Lawatan Dalam Negara		
1.	Lawatan Dewan Bandaraya Kuching Utara, Sarawak	21/1/2015
2.	Lawatan dari Majlis Perbandaran Kemaman, Terengganu	25/2/2015
3.	Lawatan dari Majlis Perbandaran Johor Bahru, Johor	2/3/2015
4.	Lawatan dari Majlis Perbandaran Kajang, Selangor	11/3/2015
5.	Lawatan dari Majlis Daerah Kuala Krai, Kelantan	23/4/2015
6.	Lawatan dari Majlis Perbandaran Kulai, Johor	28/4/2015
7.	Lawatan dari Dewan Bandaraya Kuching Utara, Sarawak	13/5/2015
8.	Lawatan Sambil Belajar Dari Majlis Perbandaran Padawan, Kuching Sarawak	9/9/2015
9.	Lawatan Majlis Bandaraya Pulau Pinang	1/10/2015
10.	Lawatan Lembaga Urus Air (LUAS)	7/10/2015
11.	Lawatan dari Majlis Perbandaran Kajang, Selangor	3/11/2015
12.	Lawatan dari Majlis Perbandaran Kangar, Perlis	4/11/2015
13.	Lawatan dari Pertubuhan Arkitek Malaysia (PAM)	5/11/2015
Lawatan Luar Negara		
1.	Lawatan Dari Asan City, Korea	15/9/2015

Program 2015

Bil.	Tajuk	Tarikh
1	Konsert Selangor Philharmonic Orchestra "A Journey of a Poet"	17/1/2015
2	Operasi Penurunan Iklan Haram	24/1/2015
3	Taklimat Penjaja Seksyen 17	26/1/2015
4	Taklimat Lebuhraya KIDEX	27/1/2015
5	Mesyuarat Penuh Bil. 1/2015	28/1/2015
6	Operasi Bersepadu SS3	5/2/2015
7	Program Kempen Terjah Dan Musnah Aedes Daerah Petaling 2015	7/2/2015
8	<i>Spring Cleaning SS25</i>	8/2/2015
9	Majlis Perhimpunan Kualiti	11/2/2015
10	Program Kemasyarakatan dan Kerohanian Sempena Kebesaran Bulan Islam - Maulidur Rasul 1436H	14/2/2015
11	Perasmian Program SEDAR (<i>Search and Destroy Aedes Ranger</i>)	14/2/2015
12	Mesyuarat Penuh Bil. 2/2015 / Majlis Perlantikan Ahli Majlis	17/2/2015
13	Sidang Media Sambutan Tahun Baru Cina dan Cap Goh Meh	17/2/2015
14	Operasi Kenderaan Buruk di Kawasan Pentadbiran MBPJ	28/2/2015
15	Bengkel Intensif Catur	28/2/2015
16	Program Generasi Muda	28/2/2015
17	Program Mahligai Bahagia Masyarakat Sejahtera	1/3/2015
18	Taklimat GST Kepada JMB/MC di Petaling Jaya	1/3/2015
19	Majlis Sambutan Tahun Baru Cina	5/3/2015
20	Majlis Makan Malam <i>Talent Show</i> dan Penyampaian Hadiah Kelab Sukan dan Kebudayaan MBPJ 2014	6/3/2015
21	Majlis Sambutan Hari Wanita : Ketelusan Mencari Redha Ilahi	8/3/2015
22	Program Kesedaran Demam Denggi	8/3/2015
23	Sidang Media Seminar dan Bengkel Pengangkutan Bandar Ke Arah Bandar Raya Mampan	9/3/2015
24	Majlis Sumbangan Kepada OKU	10/3/2015
25	Bengkel Keselamatan Komputer Kaspersky	14/3/2015
26	Kempen Tanam Pokok	14/3/2015
27	Taklimat GST Kepada Kakitangan oleh Jabatan Kastam	18/3/2015
28	Sidang Media Pemberitahuan Pertukaran Laluan PJ City Bus	19/3/2015
29	Majlis Perpisahan YBhg. Datin Paduka Alinah binti Ahmad, Mantan Datuk Bandar Petaling Jaya	20/3/2015
30	<i>PJ Youth Music</i>	21/3/2015
31	Kejohanan <i>Tenpin Bowling</i> MBPJ Bersama Media	22/3/2015
32	Seminar & Bengkel <i>Integrated Urban Transportation Towards A Sustainable City</i>	24/3/2015
33	Mesyuarat Penuh Bil. 3/2015	27/3/2015
34	Majlis Festari PJ 2015	28/3/2015

Bil.	Tajuk	Tarikh
35	Program <i>Earth Hour City Carnival @ PJ</i>	28/3/2015
36	Pertandingan Catur Perpustakaan Komuniti Petaling Jaya	28 & 29/3/2015
37	Penjualan Borang Bazar Ramadan 2015	30/3/2015
38	Majlis Pelancaran <i>Carbon Management Plan (CMP)</i> dan Bengkel CMP oleh Carbon Trust UK	31/3/2015
39	Majlis Penghargaan Sekalung Budi YBhg. Tuan Puasa Md. Taib, Pemangku Datuk Bandar Petaling Jaya	31/3/2015
40	Majlis Perakuan Menerima Jawatan Datuk Bandar Petaling Jaya	1/4/2015
41	<i>Action Song</i>	1/4/2015
42	Ceramah Integriti	3/4/2015
43	Kejohanan <i>PJRC Boat Funrace 2015</i>	5/4/2015
44	Majlis Pelancaran <i>Mobile Transfer Station</i>	6/4/2015
45	Bengkel Permohonan Lesen Premis Minuman Keras	7/4/2015
46	Karnival Sihat Selangor	11-12/4/2015
47	Majlis Perasmian Bengkel Pengurusan Risiko Rasuah	15/4/2015
48	Majlis Perasmian Lukisan Seni Dinding SS 2	15/4/2015
49	Operasi Bersepadu PATI	16/4/2015
50	Perasmian Lukisan Dinding SS2	18/4/2015
51	Pertandingan Pidato	18/4/2015
52	Seminar Bangunan Berstrata	19/4/2015
53	Program Generasi Muda	19/4/2015
54	Operasi Iklan Haram PJU 5	21/4/2015
55	Majlis Perhimpunan Bulanan Bil. 2/2015	22/4/2015
56	Mesyuarat Penuh Bil. 4/2015	24/4/2015
57	Dunia Kartun Selangor 2015	25/4/2015
58	Program Azam Kerjaya	25/4/2015
59	Sambutan Hari Vaisakhi Peringkat Negeri Selangor	25/4/2015
60	Pesta Pantun Petaling Jaya	25/4/2015
61	Program <i>PJ Environmental Expo 2015</i>	28/4/2015
62	Majlis Angkat Sumpah Menerima Jawatan Timbalan Datuk Bandar Petaling Jaya	8/5/2015
63	Pertandingan Bercerita	9/5/2015
64	Penyerahan Tong Sampah Zon 3	9/5/2015
65	Perasmian Penutup Retreat Unit Audit Dalam dan Integriti	14/5/2015
66	Pelancaran Kempen Tikus (MR Rat)	16/5/2015
67	Kaunseling Remaja - "Remaja dan Cinta"	16/5/2015
68	Operasi Roboh Binaan Tanpa Kebenaran di Bandar Utama	16/5/2015
69	Bengkel Kajian Impak <i>Local Agenda 21</i>	16/5/2015
70	Program Kemasyarakatan "Mahligai Bahagia Masyarakat Sejahtera"	17/5/2015

Bil.	Tajuk	Tarikh
71	Sidang Media Projek Menaik Taraf Bulatan Othman Kepada Persimpangan Berlampu Isyarat	19/5/2015
72	Sidang Media Kejohanan Tenis Remaja Terbuka MBPJ/MILO 2015	20/5/2015
73	Majlis Perhimpunan Kualiti Bil. 3/2015 dan Sambutan Hari Pekerja	20/5/2015
74	Majlis Anugerah Cemerlang 2015 dan Meraikan Pesara MBPJ 2014	22/5/2015
75	Senamrobik & Karnival Bola Sepak Remaja Piala Datuk Bandar MBPJ 2015	23/5/2015
76	Penyampaian Hadiah Karnival Bola Sepak Remaja Piala Datuk Bandar MBPJ 2015	24/5/2015
77	Program Karnival Mesra Industri	24/5/2015
78	Mesyuarat Penuh Bil. 5/2015	27/5/2015
79	Sidang Media Program Pembangunan Sukan OKU	28/5/2015
80	Larian Ceria Adikara Bukit Gasing	30/5/2015
81	Program Asas Melukis Kartun Bersama Kartunis Gayour	30/5/2015
82	Gotong-royong Perdana Desa Mentari	30/5/2015
83	Perasmian FLORIA Putrajaya 2015	30/5/2015
84	Penjenamaan Semula Uptown D'Kota Kota Damansara	30/5/2015
85	Penutup dan Penyampaian Hadiah Kejohanan Tenis Remaja Terbuka MBPJ-MILO Dengan Kerjasama Maju Tennis Malaysia Jelajah Remaja 2015	31/5/2015
86	Program Kemasyarakatan HEWA	31/5/2015
87	Sidang Media Operasi Waran Tahanan Dan Kempen Bayaran Cukai Taksiran MBPJ	3/6/2015
88	Bengkel <i>Universal Design and Accessibility In The Built Environment Towads People Centred Petaling Jaya</i>	3/6/2015
89	Sambutan Hari Ibu	4/6/2015
90	Bengkel OSC 3.0	4/6/2015
91	Sidang Media Operasi Pemeriksaan Premis Bagi Tujuan Penyediaan Tong Sampah Dan Pematuhan Syarat Kebersihan	4/6/2015
92	Sambutan Hari Alam Sekitar Sedunia 2015	5/6/2015
93	<i>PJ Youth Experimental Music Final Competition 2015 MBPJ</i>	6/6/2015
94	Kursus Pengendalian Makanan Bazar Ramadan 2015	8/6/2015
95	Lawatan Projek NKRA	9/6/2015
96	Pertandingan Menembak Piala Datuk Bandar Petaling Jaya	13/6/2015
97	Program Gotong-Royong Perdana Kempen PJ Bersih	13/6/2015
98	Program Mesra Rakyat DUN Bukit Gasing	14/6/2015
99	Bengkel Kajian Penyediaan Kawasan Lapang 2015	15/6/2015
100	Kempen Spotless Damansara Uptown Event	16/6/2015
101	Operasi PremisTanpa Lesen	16/6/2015
102	Majlis Penyampaian Kurma	17/6/2015
103	Majlis Bacaan Yasin, Tahliil dan Doa Selamat	19/6/2015
104	Program Keselamatan Makan di Bazar Ramadan	20/6/2015

Bil.	Tajuk	Tarikh
105	Lawatan Datuk Bandar ke Bazar Ramadan Sekyen 4, Kota Damansara dan Berbuka Puasa Bersama Media	26/6/2015
106	Majlis Iftar & Penyampaian Sumbangan Anak-anak Yatim, MBPJ	27/6/2015
107	Mesyuarat Penuh Bil. 6/2015	29/6/2015
108	Majlis Pelupusan Barang Kes Dan Barang Rampasan 2014/2015	29/6/2015
109	Agihan Bubur Lambuk di Masjid Tun Abdul Aziz	2/7/2015
110	Majlis Berbuka Puasa DYMM Sultan Selangor Bersama Rakyat, Penyampaian Sumbangan Hari Raya dan Perasmian Masjid Islamiah, Kg. Lindungan Berserta Sambutan Nuzul Al-Quran Peringkat Negeri Selangor	4/7/2015
111	Lawatan Datuk Bandar Ke Bazar Ramadan	6/7/2015
112	Lawatan REHDA	6/7/2015
113	Sidang Media Pengurusan Aduan MBPJ	13/7/2015
114	Majlis Penyampaian Kain Batik, Pelikat, Kuih Raya, Bubur Lambuk Dan Penyampaian Sumbangan Hari Raya Kepada Ibu Tunggal	14/7/2015
115	Mesyuarat Penuh Bil. 7/2015	29/7/2015
116	Lawatan Teknikal Berkenaan Pengurusan Sisa Hijau Dari Majlis Bandaraya Pulau Pinang	30/7/2015
117	Majlis Rumah Terbuka MBPJ	31/7/2015
118	Sidang Media PJ Half Marathon 2015	4/8/2015
119	Perjumpaan Datuk Bandar Dengan Persatuan Penduduk Seksyen 5	5/8/2015
120	Operasi Iklan Haram	13/8/2015
121	Majlis Rumah Terbuka Puspanita MBPJ	14/8/2015
122	Sidang Media Seminar & Bengkel <i>Creating Street For People</i>	17/8/2015
123	Operasi Bersepadu Pembersihan Sempena Ops Waran Tahanan & Kempen Bayaran Cukai Taksiran MBPJ	20/8/2015
124	Ceramah Motivasi "Cinta Dan Kasih Sayang Ke Arah Kecemerlangan Prestasi Kerja Yang Positif"	21/8/2015
125	Operasi Waran Tahanan (Sitaan) & Kempen Bayaran Cukai Taksiran MBPJ	22/8/2015
126	Majlis Penutup Kejohanan Goalball Terbuka Kebangsaan Piala Datuk Bandar MBPJ	23/8/2015
127	Majlis Penutup Kejohanan Futsal Terbuka Petaling Jaya	23/8/2015
128	Operasi Premis Tanpa Lesen	25/8/2015
129	Majlis Penutup Seminar Dan Bengkel <i>Creating Street For People Petaling Jaya</i>	27/8/2015
130	Sidang Media Perkhidmatan Bas Komuniti Percuma PJS	27/8/2015
131	Taklimat Kejohanan <i>PJRC Powerboat International Championship, EP Boat</i>	27/8/2015
132	Majlis Sambutan Hari Kebangsaan Peringkat Majlis Bandaraya Petaling Jaya Dan Kibar Jalur Gemilang Serta Majlis Penyampaian Sumbangan PKKPJ	28/8/2015
133	Majlis Kejohanan <i>PJRC Powerboat International Championship & EP Boat</i> Sempena Merdeka Race Dan Autoshow Salon 2015	30/8/2015
134	Program Belia Merdeka @ Zon 18	30/8/2015
135	Penyerahan Bendera Kontinjen SUKSES Selangor	1/9/2015


Bil.	Tajuk	Tarikh
136	Hari Keluarga MBPJ	5/9/2015
137	Program PJ Half Marathon 2015	6/9/2015
138	Ceramah Motivasi La Tahzan... Diari Seorang Mujahidah Di Gaza Dan Syria Bersama Heliza Helmi	11/9/2015
139	Sidang Media KempenTembak Gagak 2015	11/9/2015
140	Pembentangan Bajet Bersama NGO	14/9/2015
141	Majlis Pesta Renang MBPJ Ke-10	19-20/9/2015
142	Operasi Waran Tahanan dan Kempen Bayaran Cukai Taksiran	19/9/2015
143	Majlis Pelancaran Kempen Tembak Gagak	20/9/2015
144	Majlis Kejohanan Badminton Sukan Selangor Ke-11	20/9/2015
145	Majlis Semarak Malaysiaku Sempena Sambutan Hari Malaysia 2015	20/9/2015
146	Operasi Paparan Iklan Haram	22/9/2015
147	Sidang Media Kejohanan Skuasy Terbuka Petaling Jaya	22/9/2015
148	Operasi Penurunan Paparan Iklan Luaran Haram	22/9/2015
149	Kejohanan Bola Jaring Piala Datuk Bandar MBPJ 2015	27/9/2015
150	Hari Terbuka Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam Sempena Sambutan 1 Tahun Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam	1/10/2015
151	Santai Budaya Petaling Jaya	2/10/2015
152	Program CSR Sehari Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam Bersama Penduduk Kg. Selamat PJU5	3/10/2015
153	Idola Kota Seni 2015	3/10/2015
154	Sidang Media Kempen Jom Bayar Lesen	6/10/2015
155	Mesyuarat Khas Bajet 2016	6/10/2015
156	Sidang Media Projek Naik Taraf Stadium Hoki Petaling Jaya	8/10/2015
157	Lawatan Exco Le Tour Selangor	10/10/2015
158	Idola Kota Seni 2015	10/10/2015
159	Program Mesra Rakyat Desa Mentari	11/10/2015
160	Penyerahan Tiket Bola Piala Sultan Selangor	13/10/2015
161	Sidang Media Operasi Kereta Buruk	15/10/2015
162	Perjumpaan Datuk Bandar Dengan Penduduk PJS 1/21, Petaling Jaya	16/10/2015
163	Idola Kota Seni 2015 Peringkat Akhir	17/10/2015
164	Karnival Kerjaya Azam Kerja 2015	17/10/2015
165	Sukan Paralimpik	17/10/2015
166	Mesra Rakyat DUN Bukit Lanjan	18/10/2015
167	Majlis Penutup Karnival Sukan Paralimpik MBPJ - MPM Edisi 5/2015	18/10/2015
168	Sidang Media Tapak Bazar Deepavali MBPJ 2015	19/10/2015
169	Operasi Salah Guna Bangunan	20/10/2015
170	Perhimpunan Bulanan Bil. 4/2015 dan Pelancaran Integriti Majlis Bandaraya Petaling Jaya	21/10/2015

Bil.	Tajuk	Tarikh
171	Dialog Stakeholder	21/10/2015
172	Operasi Waran Tahanan	24/10/2015
173	Pertandingan Akhir Kejohanan Squash Terbuka Petaling Jaya	24/10/2015
174	Pertandingan Akhir Kejohanan Sepak Takraw Terbuka Petaling Jaya	25/10/2015
175	<i>Conference And Workshop : Petaling Jaya Towards Safe & Inclusive City</i>	26/10/2015
176	Operasi Bersepadu Penutupan Premis Makanan	27/10/2015
177	Majlis Hi-Tea SUKANUN 2015	28/10/2015
178	Audit Pengurusan Rekod Terbaik PBT	29/10/2015
179	Seminar Dan Bengkel Audit Akses Dalam Persekutuan Alam Bina Di Petaling Jaya	29/10/2015
180	Penyampaian Hadiah Anugerah Inovasi Sektor Awam Negeri Selangor (AISAS) 2015	29/10/2015
181	Kejohanan <i>Inline Hoki Remaja MBPJ 2015</i>	31/10/2015
182	Sidang Media Jalan Alternatif Damansara Damai	6/11/2015
183	Mesra Rakyat Kota Damansara	7/11/2015
184	Pelancaran Kelab Keahlian PJ Green Squad & Perkhemahan Jambori Alam Sekitar	7/11/2015
185	Majlis Menandatangani Memorandum Persefahaman Majlis Bandaraya Petaling Jaya dan Asan City, Korea	11/11/2015
186	Perasmian Kejohanan Bola Jaring Remaja MBPJ	13/11/2015
187	Program Santai Budaya	13/11/2015
188	Penutup Kejohanan Bola Jaring Remaja MBPJ	14/11/2015
189	Majlis Konvokesyen Pusat Perkembangan Minda Kanak-kanak MBPJ	14/11/2015
190	Program <i>PJ Waste Summit 2015</i>	17/11/2015
191	Program Meraikan Persatuan Warga Emas MBPJ 2015	18/11/2015
192	Sidang Media Kejohanan Tenis	19/11/2015
193	Bengkel Keselamatan ICT	24/11/2015
194	<i>PJ Fair 2015</i>	28-29/11/2015
195	Jualan Lelongan Pelupusan Kenderaan MBPJ	2/12/2015
196	Penyampaian Hadiah Pengurusan Rekod Terbaik Peringkat Dewan / Majlis Bandaraya 2015	2/12/2015
197	Program Santai Budaya	4/12/2015
198	<i>PJ Street Art Fest</i>	5 – 6/12/ 2015
199	Gotong-royong Zon 24 Bersama IJM dan Nippon Paint Malaysia	5/12/2015
200	Penutup Kejohanan <i>Wiser Sport Terbuka Malaysia Ke-2 2015</i>	6/12/2015
201	Penyerahan Gelanggang Street Soccer PJS 3/52	6/12/2015
202	Seminar Petaling Jaya Bandaraya Berdaya Huni	8/12/2015
203	Anugerah Bangunan Ceria 2015	6/12/2015
204	Jamuan Sempena Hari Deepavali Peringkat MBPJ	10/12/2015
205	Program Jom Shopping Peralatan Sekolah Sesi 2016	17/12/2015
206	Penyerahan Tong Sampah Percuma Kg. Selamat	19/12/2015

Bil.	Tajuk	Tarikh
207	Majlis Anugerah Khas Komuniti Aktif 2015	20/12/2015
208	Program Back To School PJU	20/12/2015
209	Perhimpunan Bulanan Bil. 5/2015	21/12/2015
210	Penutup Kempen Tembak Gagak dan Sesi Penyampaian Hadiah	22/12/2015

Seksyen Media Dan Perhubungan Komuniti

Perhubungan Media 2015




Pada tahun 2015, untuk mengeratkan hubungan MBPJ dengan pihak media massa, sebanyak dua program khas bersama media iaitu Pertandingan *Ten Pin Bowling* Bersama Media yang diadakan pada 22 Mac 2015 dan Majlis Berbuka Puasa Bersama Pihak Media yang berlangsung pada 26 Jun 2015.

Indeks Keratan Akhbar 2015


Media	Bulanan												Jumlah
	Jan	Feb	Mac	Apr	Mei	Jun	Julai	Ogos	Sept	Okt	Nov	Dis	
Indeks Keratan Akhbar													
Sinar Harian	10	10	7	16	2	8	1	5	1	4	11	25	77
Berita Harian	5	5	3	1	-	-	1	1	2	2	2	3	25
Harian Metro	10	10	8	7	7	7	4	3	7	12	6	6	87
Malay Mail	11	12	7	7	2	5	2	3	2	3	2		56

Media	Bulanan												Jumlah
	Jan	Feb	Mac	Apr	Mei	Jun	Julai	Ogos	Sept	Okt	Nov	Dis	
New Straits Times	9	10	9	4	2	1	1	1				1	38
The Star	31	38	43	42	24	36	29	13	33	42	31	39	408
The Sun	4	7	8	9	-	8	2	1	-	3	3	2	47
Utusan Malaysia	3	13	9	14	6	4	4	8	5	9	7	5	87
Kosmo	3	1	3	-	1	-	-	1	2	-	2	-	13
Selangor Kini	-	6	5	3	6	6	8	6	4	9	1	6	60
Sin Chew Daily	14	11	19	19	14	14	13	13	10	22	7	7	163
Oriental Daily News	8	8	14	15	5	10	5	9	2	20	9	6	111
China Press	6	6	12	11	8	8	8	11	1	13	6	111	101
Nanyang Siang Pau	18	9	15	17	14	15	9	8	4	8	6	3	126
Guang Ming Daily	11	4	8	6	4	9	3	4	1	9	2	4	65
Tamil Nesan	1	-	1	1	2	-	1	1	-	3	-	1	11
Malaysian Nanban	3	1	8	8	2	3	2	3	-	5	1	1	37
Makkai Osai	1	1	3	2	1	-	-	1	-	6	-	2	17
Borneo Post	-	-	1	1	-	-	-	-	-	-	-	-	2
Daily Express	-	-	-	1	-	-	-	1	-	-	1	-	3
The Edge	-	4	4	1	1	-	-	-	1	-	-	2	13
New Sarawak Tribune	-	-	-	-	-	-	-	-	1	-	-	-	1
Malaysia Reserve	1	-	1	1	-	-	-	-	-	-	-	-	3
Kwong Wah Yit Poh	-	-	1	1	-	-	-	-	-	-	1	1	4
New Sabah Times Bahasa (KK)	-	-	-	-	1	-	-	-	-	-	-	-	1
Fokus Malaysia	1	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	1
Jumlah Besar	150	156	189	187	102	134	93	93	76	170	98	102	1550


Pecahan Jumlah Liputan Akhbar Januari - Disember 2015



Hebahan Informasi Melalui Media Sosial



Hebahan Informasi / Program Melalui Bahan-Bahan Bercetak



Seksyen Fotografi Dan Audio Visual

Penerbitan Video MBPJ 2015

Bil.	Bulan	Jumlah
1.	Januari	4
2.	Februari	3
3.	Mac	6
4.	April	4
5.	Mei	4
6.	Jun	4
7.	Julai	4
8.	Ogos	3
9.	September	5
10.	Oktober	4
11.	November	4
12.	Disember	3
Jumlah		48

Seksyen Penerbitan


Laporan Kerja-Kerja Mereka Bentuk Bahan Penerbitan 2015

Bil.	Perkara	Bulan												Jumlah
		Jan	Feb	Mac	Apr	Mei	Jun	Jul	Ogos	Sept	Okt	Nov	Dis	
1.	Akhbar MBPJ	1	1	1	1	1	1	-	1	1	1	-	1	10
2.	Sepanduk/Latar Hias (Banner/backdrop)	8	17	21	38	28	21	7	18	23	29	33	21	264
3.	Billboard	1	1	-	3	1	-	-	-	-	-	-	-	6
4.	Gegantung (bunting)	2	9	8	11	13	2	1	7	10	14	13	8	98
5.	Press Ads (Iklan Akhbar)	1	-	1	-	-	-	-	-	-	-	2	-	4
6.	Poster/brosur	3	3	12	4	4	7	3	8	7	8	17	3	79
7.	Kad atur cara	1	2	8	11	6	7	-	2	7	5	8	9	66
8.	Sijil penyertaan/penghargaan	-	3	6	12	10	12	3	3	6	6	9	3	73
9.	Lain-lain	6	12	16	16	8	9	5	14	12	13	16	7	134
Jumlah Keseluruhan														734

Unit Aduan Awam


Statistik Aduan Keseluruhan 2015

STATISTIK ADUAN KESELURUHAN 2015



Statistik Aduan Keseluruhan 2015

STATISTIK ADUAN KESELURUHAN 2015



Jenis aduan pelbagai meliputi aduan yang berkaitan dengan perhubungan awam, pesuruhjaya bangunan dan teknologi maklumat.



Unit Perundangan/ Unit Sibil



Unit ini mengendalikan segala kes-kes yang difaiklan oleh / terhadap Majlis iaitu:

1. Kes-kes Litigasi
2. Kes dari Lembaga Rayuan Negeri Selangor

Litigasi

Unit ini mengendalikan segala tuntutan yang diterima dari pihak luar dan tuntutan dari Majlis sendiri terhadap pihak luar. Ia dikategorikan di bawah kes-kes litigasi. Kes-kes litigasi termasuklah kes tuntutan ganti rugi, tunggakan cukai taksiran, pecah syarat kontrak, tunggakan sewa dan lain-lain. Kes-kes litigasi majoritinya diwakili oleh peguam yang dilantik oleh Majlis. Peguam-peguam yang mengendalikan kes-kes tersebut juga perlu menjaga imej dan kepentingan Majlis.

Kes-kes ini akan melalui peringkat mahkamah iaitu Mahkamah Sesyen, Tinggi, Rayuan dan Persekutuan. Ini bergantung kepada betapa seriusnya sesuatu kes tersebut. Setakat 2015, unit ini menerima sejumlah 568 kes tuntutan dan MBPJ telah berjaya hampir 90% dalam penyelesaiannya.

Lembaga Rayuan

Kes-kes Lembaga Rayuan adalah merupakan kes-kes yang difaiklan terhadap Majlis oleh pihak yang tidak berpuas hati terhadap penolakan kebenaran merancang oleh pihak Majlis. Kes-kes di peringkat Lembaga Rayuan akan dikendalikan oleh Pegawai Undang-undang / Penolong Pegawai Undang-undang sendiri. Unit ini akan membuat persediaan dokumen-dokumen yang diperolehi dari Jabatan-jabatan berkaitan di Majlis dan akan membentangkannya pada hari sebutan ataupun bicara kes.

Suatu Perintah akan dikeluarkan bagi kes-kes yang selesai di peringkat Lembaga Rayuan. Statistik bagi kes Lembaga Rayuan sehingga tahun 2015 adalah sebanyak 77 kes. Statistik status kes adalah seperti berikut:

Bil.	Status	Jumlah Kes
1.	Selesai	76
2.	Belum Selesai	1

Unit Pendakwaan

Unit Pendakwaan adalah unit yang akan menguruskan segala kes-kes pendakwaan di bawah Akta, Enakmen, Perintah, Kaedah dan Undang-undang Kecil yang diguna pakai oleh Majlis. Ini adalah bagi kes-kes pengaduan yang diterima dari Jabatan-jabatan lain di Majlis seperti kes-kes lalu lintas, binaan haram, makanan yang tercemar dan lain-lain. Bagi kes-kes yang melibatkan kesalahan lalu lintas dan di peringkat sebutan, ia adalah didaftar dan dikendalikan oleh Jabatan Penguatkuasaan Majlis sendiri.

Pegawai Pendakwa (Pengarah Undang-undang / Pegawai Undang-undang / Penolong Pegawai Undang-undang) akan meneliti pengaduan-pengaduan yang diterima dan akan memfailkan ke mahkamah setelah mendapat keizinan dari Timbalan Pendakwaraya Negeri Selangor. Pegawai Pendakwa ini akan mewakili Majlis dalam kes-kes Mahkamah.

Kes-kes yang telah didaftarkan ke mahkamah akan melalui proses sebutan dan perbicaraan (jika Orang Kena Saman tidak mengaku bersalah) sehingga kes-kes tersebut selesai.

Kes-kes pendakwaan yang dikendalikan oleh Unit Perundangan bagi tahun 2015 sahaja adalah sebanyak 26 kes

Bil.	Kes dan Jenis Kesalahan	Jumlah	Status Kes
1.	Seksyen 74 Akta Kerajaan Tempatan 1976	12 kes	Keputusan Mahkamah: 9 kes – Denda 3 kes – DNAA
2.	Seksyen 3 Akta Makanan 1983	1 kes	Keputusan Mahkamah: 1 kes – Denda
3.	Seksyen 13B (2) Akta Makanan 1983	1 kes	Keputusan Mahkamah: 1 kes – Denda
4.	Seksyen 14 (1) Akta Makanan 1983	5 kes	Keputusan Mahkamah: Fail dipulangkan untuk siasatan lanjut kerana contoh makanan yang diambil telah tamat tempoh. Penyelesaian di peringkat Jabatan.
5.	Seksyen 70 (13) (b) Akta Jalan, Parit & Bangunan 1974	7 kes	Keputusan Mahkamah: 6 kes – Denda 1 kes – C & D

Unit Kontrak

Fungsi utama unit adalah membantu Majlis dalam penyediaan Perjanjian yang melibatkan Majlis dengan pihak lain. Perjanjian ini terbahagi kepada dua iaitu Perjanjian Penswastaan Perkhidmatan dan Perjanjian Penswastaan Pembangunan.

Unit ini akan menyemak segala dokumentasi dan akan menyediakan Perjanjian mengikut keperluan Majlis dan sentiasa akan memastikan kesemua kepentingan Majlis dilindungi.

Perjanjian Penswastaan Perkhidmatan

Penswastaan Perkhidmatan yang dimaksudkan termasuklah penyewaan, pembekalan alat tulis Majlis, kawalan keselamatan, penyelenggaraan dewan, pembersihan kawasan, pembelian harta, kutipan tempat letak kereta dan lain-lain yang berkaitan dengan Majlis.

Bahagian ini juga akan membuat semakan terhadap Perjanjian yang telah disediakan oleh Jabatan-jabatan berkaitan dengan menggunakan Borang JKR. Semakan yang dibuat adalah untuk memastikan kepentingan Majlis terpelihara serta memenuhi dasar dan polisi kewangan Majlis.

Bagi tahun 2015, Bahagian ini menerima 222 dokumentasi dari Jabatan-jabatan lain di Majlis untuk proses penyediaan Perjanjian:

Bil.	Jabatan	Jumlah Terimaan
1.	Khidmat Pengurusan	16
2.	Penguatkuasaan	11
3.	Pembangunan Kemasyarakatan	13
4.	Kesihatan Persekutaran	135
5.	Kejuruteraan	3
6.	Penilaian	6
7.	Perancangan Pembangunan	1
8.	Pengurusan Sisa Pepejal & Pembersihan Awam	37

Bahagian ini juga menerima sejumlah 285 dokumentasi Perjanjian untuk semakan dari Jabatan-jabatan lain di Majlis iaitu:

Bil.	Jabatan	Jumlah Terimaan
1.	Penilaian & Pengurusan Harta	123
2.	Kejuruteraan	134
3.	Teknologi Maklumat	2
4.	Landskap	19
5.	Lain-lain	7

Perjanjian Penswastaan Pembangunan

Bahagian ini menguruskan segala Perjanjian bagi projek-projek penswastaan usaha sama antara Majlis dengan pihak pemaju. Bahagian ini berperanan untuk menyediakan Perjanjian Pembangunan (Development Agreement), menyemak Perjanjian Jual Beli, menguruskan permohonan "consent" oleh tuan tanah dan seterusnya menguruskan proses pindah milik hartanah bagi projek-projek yang telah dikeluarkan hak milik individu.

Perjanjian yang memerlukan tandatangan Majlis, mestilah lengkap dari segi dokumentasi dan setelah sempurna sesalinan perlu disimpan untuk rujukan Majlis.

Setakat 2015, 8 pemaju telah pun menandatangani perjanjian penswastaan bersama Majlis. Jumlah permohonan "consent" yang diterima bagi tahun 2015 sejumlah 354 set Perjanjian dan permohonan pindah milik (Borang 14A) sebanyak 57.

Unit Nasihat

Unit ini merupakan satu unit yang amat penting kerana fungsi utamanya adalah memberikan khidmat nasihat dan pandangan dari segi perundangan supaya imej dan kepentingan Majlis sentiasa dalam keadaan yang baik dan terjaga.

Bagi menjamin segala nasihat dan pandangan adalah amat bernalas, Unit ini akan memastikan bahawa nasihat dan pandangan yang diberikan adalah mengikut peruntukan undang-undang dan mengikut

keperluan dan kehendak Majlis. Unit ini perlu meneliti persoalan-persoalan yang dihadapi oleh Majlis dengan mengkaji dan menyemak isu-isu yang berkaitan terlebih dahulu.

Nasihat dan pandangan yang diberikan mestilah merangkumi semua aspek perundangan dan termasuklah yang mempunyai hubungan dengan Kerajaan Negeri dan Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan.

Unit Pentadbiran

Fungsi utama unit ini adalah menguruskan hal ehwal pentadbiran yang melibatkan aktiviti-aktiviti seperti surat-menyurat am, belanjawan jabatan dan bahan rujukan perundangan, Unit ini juga menjaga segala keperluan yang melibatkan Pegawai / kakitangan jabatan seperti urusan cuti, urusan menghadiri kursus / bengkel, urusan kerja lebih masa dan sebagainya.

Unit Gubalan

Unit ini berperanan untuk menggubal dan meminda undang-undang kecil Majlis selaras dengan keperluan semasa.

Semua undang-undang kecil yang hendak digubal atau dipinda perlu diluluskan di peringkat Majlis terlebih dahulu sebelum ia diluluskan oleh pihak Kerajaan Negeri.

Sehingga tahun 2015 sebanyak 35 undang-undang kecil yang berkuatkuasa dan diguna pakai oleh Majlis di samping beberapa undang-undang kecil sedang digubal dan dipinda seragam di Negeri Selangor iaitu seperti berikut:

Bil	Nama (Sedang Digubal dan Dipinda Seragam)
1	Undang-undang Kecil Krematorium (MBPJ)
2	Undang-undang Kecil Tempat Letak Kereta Persendirian (MBPJ)
3	Undang-undang Kecil Pusat Siber dan Kafe Siber (MBPJ)
4	Undang-undang Kecil Perpustakaan Awam (MBPJ)
5	Undang-undang Kecil Penjaja (MBPJ)

Bil	Nama (Sedang Digubal dan Dipinda Seragam)
6	Undang-undang Kecil Establismen Makanan (MBPJ)
7	Undang-undang Kecil Pelesenan Tred, Perniagaan dan Peindustrian (MBPJ)
8	Kaedah Pegawai (Kelakuan Tataterib) (MBPJ)
9	Enakmen Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam (MBPJ)

Bil	Nama (Undang-undang Kecil Gubal Baru)
1	Undang-undang Kecil Pelesenan Anjing (MBPJ) 2014
2	Undang-undang Kecil Rumah Pembiakan Anjing (MBPJ) 2014
3	Undang-undang Kecil Iklan (MBPJ) 2014
4	Undang-undang Kecil Iklan Pilihanraya (MBPJ) 2014
5	Undang-undang Kecil Pasar (MBPJ) 2014

Senarai Undang-undang Kecil Yang Terpakai Di Majlis Bandaraya Petaling Jaya (MBPJ) 2015

Bil.	Tarikh dan No. Warta	Kandungan
1.	3/3/1960 No. 131	<i>Petaling Jaya (Christian) Rules, 1960</i>
2.	20/4/1971 Enakmen No. 3 - 1971	Enakmen Mengawal Lembu-Kerbau 1971 <i>Control Of Cattle Enactment 1971</i>
	6/7/1972 SI. P.U. 9	Enakmen Mengawal Lembu-Kerbau (Enakmen Sel. No. 3 Tahun 1971) <i>Control Of Cattle Enactment (Selangor Enactment No. 3 Of 1971)</i>
3.	29/11/1973 SI.PU.16	Kaedah-Kaedah (Tanah Perkuburan Hindu) Petaling Jaya, 1973 <i>Petaling Jaya (Hindu Cemetery) Rules, 1973</i>
4.	21/5/1992 Sel.PU. 38	Undang-Undang Kecil Peruntukan Mengenai Lesen Bersesama (Majlis Perbandaran Petaling Jaya) 1992 <i>Provision Of Joint License (Municipal Council Of Petaling Jaya) By-Laws 1992</i> <i>Road Traffic (Provision Of Parking Places) Petaling Jaya Order 1992</i>
5.	14/9/1995 Sel.PU. 23	Kaedah-Kaedah Pekerja (Kelakuan Dan Tataterib) Majlis Perbandaran Petaling Jaya 1995 <i>Petaling Jaya Municipal Council Employees (Conduct And Discipline) Rules 1995</i>
6.	11/11/1999 Sel.PU. 48	Undang-Undang Kecil Mencegah Kekotoran (Majlis Perbandaran Petaling Jaya)1999 <i>Anti-Litter (Petaling Jaya Municipal Council) By-Laws 1999</i>

Bil.	Tarikh dan No. Warta	Kandungan
7.	23/12/1999 Sel.P.U. 55	Undang-Undang Kecil Perpustakaan Awam (Majlis Perbandaran Petaling Jaya) 1999 <i>Public Library (Petaling Jaya Municipal Council) By-Laws 1999</i>
8.	30/12/2005 Sel.P.U. 51	Undang-Undang Kecil Tanah Perkuburan Islam (Majlis Perbandaran Petaling Jaya)2005 <i>Muslim Cemetery (Petaling Jaya Municipal Council) By-Laws 2005</i>
9.	30/12/2005 Sel.P.U. 52	Undang-Undang Kecil Tandas Awam (Majlis Perbandaran Petaling Jaya) 2005 <i>Public Lavatories (Petaling Jaya Municipal Council) By-Laws 2005</i>
10.	30/12/ 2005 Sel.P.U. 53	Undang-Undang Kecil Vandalsme (Majlis Perbandaran Petaling Jaya)2005 <i>Vandalism (Petaling Jaya Municipal Council) By-Laws 2005</i>
11.	30/12/2005 Sel.P.U. 54	Undang-Undang Kecil (Mengkompaun Kesalahan-Kesalahan) (Majlis Perbandaran Petaling Jaya) Kerajaan Tempatan 2005 <i>Local Government (Compounding Of Offences) (Petaling Jaya Municipal Council) By-Laws 2005</i>
	15/08/2013 Sel. P.U. 114	Undang-Undang Kecil (Mengkompaun Kesalahan-Kesalahan) (Majlis Bandaraya Petaling Jaya) Kerajaan Tempatan (Pindaan) 2013 <i>Local Government (Compounding Of Offences) (Petaling Jaya City Council) (Amendment) By-Laws 2013</i>
12.	30/12/2005 Sel.P.U. 55	Undang-Undang Kecil Taman (Majlis Perbandaran Petaling Jaya) 2005 <i>Parks (Petaling Jaya Municipal Council) By-Laws 2005</i>
13.	30/12/2005 Sel. P.U. 50	Undang-Undang Kecil Pelesenan Tempat Letak Kereta Persendiriran (Majlis Perbandaran Petaling Jaya) 2005 <i>Licensing Of Private Car Parks (Petaling Jaya Municipal Council) By-Laws 2005</i>
14.	5/7/2007 Sel. P.U. 25	Undang-Undang Kecil (Pengkompaunan Kesalahan) (Majlis Bandaraya Petaling Jaya), Jalan, Parit Dan Bangunan 2007 <i>Street, Drainage And Building (Compounding Of Offences) (Petaling Jaya City Council) By-Laws 2007</i>
	15/08/2013 Sel. P.U. 126	Undang-Undang Kecil (Pengkompaunan Kesalahan) (Majlis Bandaraya Petaling Jaya), Jalan, Parit Dan Bangunan (Pindaan) 2013 <i>Street, Drainage And Building (Compounding Of Offences) (Petaling Jaya City Council) (Amendment) By-Laws 2013</i>
15.	19/7/2007 Sel.P.U. 56	Perintah Tetap (Mesyuarat) (Majlis Bandaraya Petaling Jaya) 2007 <i>Standing Orders (Meeting) (Petaling Jaya City Council) 2007</i>

Bil.	Tarikh dan No. Warta	Kandungan
16.	19/7/2007 Sel.PU. 57	Perintah Pengangkutan Jalan (Peruntukan Tempat Letak Kereta) Majlis Bandaraya Petaling Jaya 2007 <i>Road Transport (Provision Of Parking Places) Petaling Jaya City Council Order 2007</i>
	29/04/2010 Sel.PU. 9	Perintah Pengangkutan Jalan (Peruntukan Tempat Letak Kereta) Majlis Bandaraya Petaling Jaya (Pindaan) 2010 <i>Road Transport (Provision Of Parking Places) Petaling Jaya City Council (Amendment) Order 2010</i>
	08/10/2012 Sel. P.U. 100	Perintah Pengangkutan Jalan (Peruntukan Tempat Letak Kereta) Majlis Bandaraya Petaling Jaya (Pindaan) 2012 <i>Road Transport (Provision Of Parking Places) Petaling Jaya City Council (Amendment) Order 2012</i>
	21/03/2013 Sel. P.U. 27	Perintah Pengangkutan Jalan (Peruntukan Tempat Letak Kereta) Majlis Bandaraya Petaling Jaya (Pindaan) 2013 <i>Road Transport (Provision Of Parking Places) Petaling Jaya City Council (Amendment) Order 2013</i>
	05/06/2014 Sel.PU. 9	Perintah Pengangkutan Jalan (Peruntukan Tempat Letak Kereta) Majlis Bandaraya Petaling Jaya (Pindaan) 2014 <i>Road Transport (Provision Of Parking Places) Petaling Jaya City Council (Amendment) Order 2014</i>
	19/06/2014 Sel.PU. 13	Perintah Pengangkutan Jalan (Peruntukan Tempat Letak Kereta) Majlis Bandaraya Petaling Jaya (Pindaan) No. 2 2014 <i>Road Transport (Provision Of Parking Places) Petaling Jaya City Council (Amendment) Order No. 2 2014</i>
17.	19/7/2007 Sel.PU. 58	Undang-Undang Kecil Pusat Siber Dan Kafe Siber (Majlis Bandaraya Petaling Jaya) 2007 <i>Cyber Centre And Cyber Café (Petaling Jaya City Council) By-Laws 2007</i>
18.	19/7/2007 Sel.PU. 59	Undang-Undang Kecil Krematorium (Majlis Bandaraya Petaling Jaya) 2007 <i>Crematorium (Petaling Jaya City Council) By-Laws 2007</i>
19.	19/7/2007 Sel.PU. 62	Undang-Undang Kecil Pasar (Majlis Bandaraya Petaling Jaya) 2007 <i>Markets (Petaling Jaya City Council) By-Laws 2007</i>
20.	19/7/2007 Sel.PU. 63	Undang-Undang Kecil Pelesenan Anjing Dan Rumah Pembiakan Anjing (Majlis Bandaraya Petaling Jaya) 2007 <i>Licensing Of Dogs And Kennel Establishments (Petaling Jaya City Council) By-Laws 2007</i>
21.	19/7/2007 Sel.PU. 65	Undang-Undang Kecil Iklan (Majlis Bandaraya Petaling Jaya) 2007 <i>Advertisement (Petaling Jaya City Council) By-Laws 2007</i>
22.	19/7/2007 Sel.PU. 66	Undang-Undang Kecil Pilihanraya (Majlis Bandaraya Petaling Jaya) 2007 <i>Election Advertisement (Petaling Jaya City Council) By-Laws 2007</i>
23.	19/7/2007 Sel.PU. 67	Undang-Undang Kecil Penjaja (Majlis Bandaraya Petaling Jaya) 2007 <i>Hawkers (Petaling Jaya City Council) By-Laws 2007</i>
24.	19/7/2007 Sel.PU. 68	Undang-Undang Kecil Pelesenan Establismen Makanan (Majlis Bandaraya Petaling Jaya) 2007 <i>Licensing Of Food Establishments (Petaling Jaya City Council) By-Laws 2007</i>

Bil.	Tarikh dan No. Warta	Kandungan
25.	19/7/2007 Sel.P.U. 69	Undang-Undang Kecil Pemungutan, Pembuangan Dan Pelupusan Sampah-Sarap (Majlis Bandaraya Petaling Jaya) 2007 <i>Refuse Collection, Removal And Disposal (Petaling Jaya City Council) By-Laws 2007</i>
26.	19/7/2007 Sel.P.U. 70	Undang-Undang Kecil Kerja Tanah (Majlis Bandaraya Petaling Jaya) 2007 <i>Earthworks (Petaling Jaya City Council) By-Laws 2007</i>
27.	19/7/2007 Sel.P.U. 71	Undang-Undang Kecil Pelesenan Tred, Perniagaan Dan Perindustrian (Majlis Bandaraya Petaling Jaya) 2007 <i>Licensing Of Trades, Businesses And Industries (Petaling Jaya City Council) By-Laws 2007</i>
28.	19/7/2007 Sel.P.U. 72	Undang-Undang Kecil Pengendali Makanan (Majlis Bandaraya Petaling Jaya) 2007 <i>Food Handlers (Petaling Jaya City Council) By-Laws 2007</i>
29.	01/08/2013 Sel.P.U. 69	Undang-Undang Kecil Pusat Kecantikan Dan Penjagaan Kesihatan (Majlis Bandaraya Petaling Jaya) 2013 <i>Beauty And Health Care Centre (Petaling Jaya City Council) By-Laws 2013</i>
30.	01/08/2013 Sel.P.U. 70	Undang-Undang Kecil Kolam Renang (Majlis Bandaraya Petaling Jaya) 2013 <i>Swimming Pool (Petaling Jaya City Council) By-Laws 2013</i>
31.	01/08/2013 Sel.P.U. 71	Undang-Undang Kecil Hotel (Majlis Bandaraya Petaling Jaya) 2013 <i>Hotels (Petaling Jaya City Council) By-Laws 2013</i>
32.	01/08/2013 Sel.P.U. 72	Undang-Undang Kecil Pusat Sukan Persendirian (Majlis Bandaraya Petaling Jaya) 2013 <i>Private Sports Centre (Petaling Jaya City Council) By-Laws 2013</i>
33.	19/12/2013 Sel. P.U. 153	Undang-Undang Kecil Penternakan Burung Walit Dan Perusahaan Sarang Burung Walit (Majlis Bandaraya Petaling Jaya) 2013 <i>Rearing Of Swiftlet And Manufacturing Of Swiftlet's Nest (Petaling Jaya City Council) By-Laws 2013</i>
34.	18/1/1996 Enakmen No.7 tahun 1995	Enakmen Hiburan Dan Tempat-Tempat Hiburan 1995 <i>Entertainment And Places Of Entertainment Enactment 1995</i>
	12/9/1996 Sel. P.U. 37	Peraturan-Peraturan Hiburan Dan Tempat-Tempat Hiburan (Selangor) 1996
	28/5/1998 Enakmen No.1 tahun 1998	Enakmen Hiburan Dan Tempat-Tempat Hiburan (Pindaan) 1998 <i>Entertainment And Places Of Entertainment (Amendment) Enactment 1998</i>
	30/8/2001 Enakmen No.6 tahun 2001	Enakmen Hiburan Dan Tempat-Tempat Hiburan (Pindaan) 2001 <i>Entertainment And Places Of Entertainment (Amendment) Enactment 2001</i>
	12/9/1996 Sel. P.U. 37	Peraturan-Peraturan Hiburan Dan Tempat-Tempat Hiburan (Selangor) 1996
35.	29/08/1996 Sel. P.U. 34	Undang-Undang Kecil Kerja Di Jalan 1996 <i>Street Works By-Laws 1996</i>
	14/08/2014 Sel. P.U. 30	Undang-Undang Kecil Kerja Di Jalan (Pindaan) 2014 <i>Street Works By-Laws (Amendment) 2014</i>

Unit Audit Dalam Dan Integriti

Latar Belakang

Unit Audit Dalam (UAD) Majlis Bandaraya Petaling Jaya (MBPJ) telah ditubuhkan pada tahun 1991 selaras dengan Pekeliling Perbendaharaan Malaysia Bilangan 2 Tahun 1979 dan dikemaskinikan melalui Pekeliling Perbendaharaan Bilangan 9 Tahun 2004.

UAD bertanggungjawab terus kepada Datuk Bandar. Kedudukan ini menjadikan peranan UAD adalah penting untuk membantu pihak pengurusan dalam menilai segala program, aktiviti Majlis dilaksanakan mengikut dasar, peraturan dan prosedur yang telah ditetapkan dan diurus secara cekap dan teratur.

Tugas dan tanggungjawab UAD semakin mencabar apabila MBPJ meluluskan penubuhan Jawatankuasa Audit Dan Pengurusan Korporat pada 31 Julai 2008 dan UAD merupakan Urusetia kepada mesyuarat ini. Jawatankuasa ini akan menilai dan membincangkan laporan audit, tindakan

susulan dan usaha penambahbaikan oleh Jabatan/Bahagian yang diaudit.

Pada tahun 2015 juga, Majlis telah bersetuju untuk menubuhkan Unit Integriti selaras dengan Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 6 Tahun 2013 bertujuan untuk memastikan penjawat awam mengamalkan budaya kerja unggul dengan ciri-ciri moral dan etika yang kukuh seterusnya meningkatkan patriotism. Secara tidak langsung dapat membendung salahlaku jenayah serta pelanggaran tatakelakuan dan etika. Unit Integriti juga bertanggungjawab sebagai Urusetia kepada Mesyuarat Jawatankuasa Integriti dan Tadbir Urus (JITU).

Unit Integriti telah diletakkan bersama UAD dan seterusnya dikenali sebagai Unit Audit Dalam dan Integriti (UADI). UADI bertanggungjawab terus kepada Datuk Bandar.

Fungsi Utama

Unit Audit Dalam

1. Membantu pihak pengurusan untuk mempertingkatkan akauntabiliti dan tadbir urus pengurusan kewangan selaras dengan dasar, undang-undang dan peraturan yang diterima pakai oleh Majlis.
2. Menentukan kebolehpercayaan dan keberkesanan sistem kewangan serta wujudnya kawalan dalaman Majlis.
3. Menentukan keberkesanan pelaksanaan ICT di samping meningkatkan kecekapan penggunaan ICT di Majlis.
4. Menyediakan laporan audit yang bebas, adil, tepat dan berkualiti kepada Datuk Bandar dan mengambil tindakan susulan.
5. Memberikan cadangan pembetulan dan penambahbaikan terhadap pengurusan kewangan dan program serta aktiviti Majlis.

Unit Integriti

1. Memastikan pembudayaan, penginstitusian dan pelaksanaan integriti dalam organisasi.
2. Memastikan tadbir urus yang terbaik dilaksanakan.
3. Menerima dan mengambil tindakan ke atas semua aduan/maklumat mengenai salah laku jenayah serta pelanggaran tatakelakuan dan etika organisasi.
4. Mengesan dan mengesahkan aduan salah laku jenayah serta pelanggaran tatakelakuan dan etika organisasi serta memastikan tindakan susulan yang sewajarnya diambil.
5. Memastikan pematuhan terhadap undang-undang dan peraturan yang berkuatkuasa.
6. Memastikan kes salah laku dibawa ke Lembaga Tatatertib.

VISI

UNIT AUDIT DALAM

UNIT INTEGRITI

“Meningkatkan kesedaran mengenai kepentingan integriti dan akauntabiliti di dalam pengurusan MBPJ.”

“ Membentuk pentadbiran MBPJ mengamalkan prinsip bersih dan membudayakan nilai integriti.”

MISI

UNIT AUDIT DALAM

UNIT INTEGRITI

“Melaksanakan pengauditan setiap pengurusan program dan aktiviti MBPJ serta mengeluarkan laporan audit secara bebas dan adil.”

“Memperkasa sistem penyampaian perkhidmatan yang berintegriti dan menerapkan nilai-nilai murni di kalangan warga kerja MBPJ.”

MOTO



Moto

“Integriti dan Akauntabiliti Asas Urus Tadbir Yang Baik.”

Perjawatan

Kedudukan perjawatan UADI bagi tahun 2015 seperti di Jadual 1.

Bil.	Jawatan/Gred	2014	2015
1.	Ketua Audit Dalam Dan Integriti (W48)	1	1
2.	Juruaudit (W44)	1	-
3.	Juruaudit (W41)	1	1
4.	Penolong Juruaudit (W27)	3	3
5.	Penolong Jurutera (J29)	1	1
6.	Pembantu Tadbir (N22)	1	1
7.	Pembantu Juruaudit (W17)	1	1
8.	Pembantu Tadbir P/O (N17)	4	4
9.	Pembantu Operasi (N11)	1	1
10.	Pemandu (R3)	1	1
Jumlah		15	14

Jadual 1 : Kedudukan Perjawatan UADI

Aktiviti Pengauditan Dan Pengurusan Aduan Integriti


Aktiviti Pengauditan

Sepanjang tahun 2015, UADI telah melaksanakan aktiviti pengauditan mengikut Rancangan Audit seperti yang ditetapkan. Antara aktiviti pengauditan yang telah dilaksanakan adalah seperti di Jadual 2.


Bil.	Aktiviti Pengauditan	Bilangan Yang Dirancang	Bilangan Yang Diaudit
1.	Pengauditan Pengurusan Kewangan	6	5
2.	Pengauditan Prestasi	3	-
3.	Pengauditan Projek	1	3
4.	Penampilan Audit	3	1
5.	Pemeriksaan Mengejut	2	2
6.	Audit Kualiti Dalaman	3	3
7.	Pengauditan / Kajian Khas	Berdasarkan Kepada Arahan Yang Diterima	8
8.	Pengauditan Susulan	Berdasarkan Audit Yang Telah Dilaksanakan	3
Jumlah		18	25

Jadual 2 : Aktiviti Pengauditan

Bilangan Rancangan Audit Dan Pencapaian Audit Bagi Tahun 2015



Pecahan Pelaksanaan Jenis Pengauditan



Antara senarai tajuk pengauditan yang dijalankan pada tahun 2015 adalah seperti di Jadual 3.

Bil.	Tajuk Aktiviti Pengauditan	Jenis Aktiviti
1.	Pengauditan Pengurusan Kewangan Berasaskan Indeks Akauntabiliti Jabatan/ Bahagian Majlis	Audit Pengurusan Kewangan
2.	Pengauditan Pemantauan Projek Menaik Taraf Bulatan Othman Kepada Persimpangan Lampu Isyarat	Audit Projek
3.	Pengauditan Projek Pembinaan Jalan Harapan	
4.	Pengauditan Projek Kerja-Kerja Penyelenggaraan Lampu Jalan Dan Lampu Taman Di Zon A – D	
5.	Pengauditan Pengurusan dan Penyelenggaraan Kuarters	Penampilan Audit

Bil.	Tajuk Aktiviti Pengauditan	Jenis Aktiviti
6.	Pemeriksaan Ke Atas Akaun Wang Panjar Runcit, Kutipan Tunai, Bilik Kebal dan Mesin Franking Majlis Bulan Mei Dan November 2015	Pemeriksaan Mengejut
7.	Audit ISO	Audit Kualiti Dalamans
8.	Audit 5S	
9.	Audit ISMS	
10.	Pemeriksaan Kedudukan Akaun All Star Junior Squash Championship, Akaun Kejohanan Squash Terbuka PJ dan Akaun Squash MBPJ	Audit Susulan
11.	Pemeriksaan di Bahagian Bekalan dan Perolehan	
12.	Pemeriksaan Pengurusan Akaun Amanah	
13.	Siasatan di Bawah Arahan Perbendaharaan 59 (AP59)	Pengauditan/Kajian Khas

Jadual 3 : Aktiviti Pengauditan

Aktiviti/Program Integriti dan Pengurusan Aduan Integriti


Seiring dengan penubuhan Unit Integriti, beberapa aktiviti/program kesedaran integriti telah dijalankan seperti ceramah, pameran, penerbitan risalah serta pelancaran Saluran Integriti dan Ikrar Integriti semasa Hari Integriti MBPJ yang diadakan pada Oktober 2015.

Selain itu, Unit Integriti juga bertanggungjawab menerima aduan berkaitan salah laku serta pelanggaran tatakelakuan kakitangan Majlis dan seterusnya membuat proses pengesahan dan pengesahan terhadap aduan tersebut.

Antara aktiviti/program kesedaran integriti serta pengurusan aduan integriti sepanjang tahun 2015 adalah seperti di Jadual 4.

Bil.	Aktiviti dan Program Unit Integriti
1.	Transformasi Minda Dan Kecemerlangan Diri Kakitangan Lantikan Baru Siri 1-4/2016
2.	Ceramah Bertajuk "Integriti = Bahagia"
3.	Ceramah Bertajuk "Message From Prison"
4.	Hari Integriti Pelancaran Saluran Integriti Tandatangan Ikrar Integriti oleh Ketua Jabatan Ceramah Daripada Institut Integriti Malaysia Pameran Integriti
5.	Pengurusan Aduan Integriti (15 aduan diterima)
6.	Edaran risalah berkaitan penubuhan Unit Integriti dan kesedaran integriti
7.	Kempen Jom Hebah Integriti Bertajuk "Memanfaatkan Kenderaan Majlis"

Jadual 4 : Aktiviti/Program Integriti





Mesyuarat Dan Jawatankuasa

UADI merupakan urus setia kepada Mesyuarat Jawatankuasa Audit dan Pengurusan Korporat (JKAPK) serta Mesyuarat Jawatankuasa Integriti dan Tadbir Urus (JITU).

Selain itu, UADI turut perlu menghadiri beberapa Mesyuarat Jawatankuasa Majlis seperti di Jadual 5.

Bil.	Nama Mesyuarat	Bilangan Mesyuarat	Catatan
1.	Jawatankuasa Audit Dan Pengurusan Korporat (JKAPK)	10	Sekurang-kurangnya 4 kali setahun
2.	Jawatankuasa Integriti dan Tadbir Urus (JITU)	3	Sekurang-kurangnya 3 kali setahun
3.	Jawatankuasa Kewangan	12	Setiap bulan
4.	Jawatankuasa Pengurusan Kewangan Dan Akaun (JKPA)	4	Setiap 3 bulan
5.	Pengurusan Aset Majlis (JKPAK)	4	Setiap 3 bulan
6.	Mesyuarat Bahagian UAD	2	-

Jadual 5 : Bilangan Mesyuarat Jawatankuasa

Antara perkara yang dibincangkan sepanjang tahun 2015 di dalam Mesyuarat Jawatankuasa Audit Dan Pengurusan Korporat (JKAPK) dan Jawatankuasa Integriti dan Tadbir Urus (JITU) seperti di Jadual 6 dan Jadual 7.

Jawatankuasa Audit Dan Pengurusan Korporat (JKAPK)		
Bil.	Tarikh	Perkara Dibincang
1.	Mac	Pemakluman Pekeliling Manual Tatacara Jawatankuasa Audit Dan Pengurusan Korporat Pihak Berkuasa Tempatan Selangor. Pembentangan Rancangan Audit 2015. Pembentangan Laporan Pemeriksaan Mengejut. Pembentangan Laporan Pengauditan Pengurusan Kontraktor Pembersihan Awam & Sisa Pepejal Di Jabatan Perkhidmatan Kesihatan dan Persekitaran. Pembentangan Laporan Pengauditan Pengurusan Kewangan Di Bahagian & Unit MBPJ.
2.	April	Perbincangan Mengenai Status Projek Jalan Harapan. Perbincangan Mengenai Penyelenggaraan Lampu Jalan Dan Taman Di Petaling Jaya Bagi Tahun 2015.
3.	Mei	Pembentangan Status Projek Menaik Taraf Bulatan Othman Kepada Persimpangan Berlampu Isyarat Jalan Templer & Peralihan Utiliti, Petaling Jaya Untuk MBPJ.
4.	Jun	Pembentangan Laporan Bengkel Keberkesanan Audit Dalam, Jawatankuasa Audit & Pengurusan Korporat & Laporan Audit.
5.	Julai	Pembentangan Laporan Pemeriksaan Mengejut. Pembentangan Laporan Sistem Pemantauan Projek Online (SPPRO)
6.	Ogos	Pembentangan Pengauditan Projek Pembinaan Jalan Harapan. Pembentangan Pengauditan Projek Kerja-Kerja Penyelenggaraan Lampu Jalan Dan Lampu Taman Di Zon A - D.
7.	September	Pembentangan Penyata Kewangan Akaun Amanah Majlis. Pembentangan Status Vot Perbelanjaan Pembangunan.
8.	Oktober	Pembentangan Laporan Pengauditan: Pemantauan Projek Menaik Taraf Bulatan Othman Kepada Persimpangan Lampu Isyarat Jalan Templer & Peralihan Utiliti Untuk Majlis Bandaraya Petaling Jaya. Projek Pembinaan Jalan Harapan (17/47) Dan Lain-lain Kerja Berkaitan Dari Bulatan Jalan Universiti Dengan Jalan Semangat Hingga Ke Jalan Damansara, Petaling Jaya Untuk Majlis Bandaraya Petaling Jaya. Pengurusan Projek Kerja-kerja Penyelenggaraan Lampu Jalan Dan Lampu Taman Di Zon A, B, C Dan D Bagi Tempoh Kontrak 6 Bulan + 6 Bulan + 1 Tahun Untuk Majlis Bandaraya Petaling Jaya.
9.	November	Pembentangan Status Projek Sistem Jalan Sehala Di Jalan Utara, Jalan Timur, Jalan Barat, Jalan Sultan & Jalan Yong Shook Lin, Petaling Jaya Oleh Jabatan Kejuruteraan.
10.	Disember	Pembentangan Laporan Pemeriksaan Mengejut.

Jadual 6 : Jadual Mesyuarat JKAPK

Jawatankuasa Integriti dan Tadbir Urus (JITU)		
Bil.	Tarikh	Perkara Dibincang
1.	Mei	Pengurangan Kompaun Penjaja Oleh Pegawai Yang Tidak Mempunyai Kuasa. Pembelian 4 Lori Kompaktor Yang Tidak Digunakan. Aset Yang Disyorkan LUPUS Secara Kaedah Buang Oleh Lembaga Pelupusan Masih Belum Diambil Tindakan.
2.	Oktober	Penampaikan Prosedur Pengurusan Aduan Integriti. Penyalahgunaan Kenderaan Majlis Oleh Kakitangan Untuk Tujuan Peribadi. Pembelian Tanpa Permohonan Daripada Jabatan/Unit. Pelanggaran Dan Pematuhan Etika Dan Waktu Bekerja Di Kalangan Kakitangan.
3.	Januari 2016	Tindakan Penguatkuasaan Bersepadu. Pengesahan Terimaan Bekalan Tanpa Pemeriksaan.

Jadual 7 : Jadual Mesyuarat JITU

Latihan

Dalam tahun 2015, hampir kesemua pegawai dan kakitangan UADI telah menghadiri kursus dan latihan dan memenuhi syarat mengikuti kursus 7 hari setahun sebagaimana Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 7 Tahun 2010. Antara program latihan yang dihadiri seperti di Jadual 8.

Bil.	Tajuk Seminar/Kursus/Bengkel	Tarikh	Bilangan Peserta & Gred
1.	Simposium ASOSAI Kali Ke-6 "Leveraging Technology To Enhance Audit Quality and Effectiveness"	12/02/2015	3 orang – W48, W44 & W41
2.	Kursus Pengurusan Konflik Dan Krisis	4/03/2015 – 6/03/2015	1 orang – N22
3.	Seminar Pengurusan Tenaga Lestari Bangunan Majlis	5/03/2015	2 orang – J29 & W27
4.	Bengkel Pekeliling Perbendaharaan (1PP)	16/03/2015 – 18/03/2015	3 orang – J29, W17& N17
5.	Bengkel Keberkesanan Dan Penambahbaikan Unit Audit Dalam Dan Integriti Bersama JKAPK Dan Datuk Bandar	13/05/2015 – 14/05/2015	14 orang – W48, W44, W41, J29, W27, N22, W17, N17 dan N11
6.	Program Taklimat Fungsi Unit Integriti Kepada Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri dan PBT Negeri Perak Dan Selangor	14/06/2015 – 16/06/2015	W41 & W27
7.	Kursus Pegawai Dan Penolong Pegawai Rekod Jabatan	23/06/2015 – 25/06/2015	3 orang - W27 & N17
8.	Seminar Integriti Ramadan Anjuran Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor	30/06/2015	1 orang - N11
9.	Seminar Kewangan Dan Pengauditan Sektor Awam 2015	26/07/2015 – 29/07/2015	1 orang – W41
10.	Bengkel Persediaan Menghadapi Audit Pensijilan Persekutuan Berkualiti (QE/5S)	3/08/2015 – 4/08/2015	3 orang - W44, W27 & N17
11.	Kursus Gaji, Elaun Dan Kemudahan Penjawat Awam	26/08/2015 – 28/08/2015	2 orang – W27 & N22
12.	Kursus Penyediaan Laporan, Kertas Cadangan Dan Teks Ucapan	2/09/2015 – 4/09/2015	1 orang – W27

Bil.	Tajuk Seminar/Kursus/Bengkel	Tarikh	Bilangan Peserta & Gred
13.	2015 National Conference On Governance, Risk And Control – Gearing For Innovation	7/09/2015 – 8/09/2015	2 orang – W48 & W41
14.	Kursus Perolehan Kerja Majlis Bandaraya Petaling Jaya	7/09/2015 – 8/09/2015	3 orang - W27, N17
15.	Kursus Penulisan Surat, Memo Dan Pengurusan Mesyuarat	28/09/2015 – 30/09/2015	2 orang – N17
16.	Ceramah Integriti Message From Prison	9/10/2015	12 orang - W41, W27, J29, N22, N17, W17 & N11
17.	Bengkel Persediaan Penilaian Penghargaan Pengurusan Rekod Terbaik Pihak Berkuasa Tempatan Tahun 2015 Oleh Arkib Negara	13/10/2015	3 orang – W27 & N17
18.	Bengkel Stop Tarzaning Keibubapaan Untuk Kakitangan MBPJ	15/10/2015	2 orang – N17 & N11
19.	Lawatan Ke Jabatan Audit Dan Kualiti Asurans, Perbadanan Putrajaya	19/10/2015	7 orang – W48, W41, W27, J29 & N22
20.	MIA Conference 2015 – Today's Synergy, Tomorrow's Reality	26/10/2015 – 27/10/2015	2 orang – W48 & W41
21.	Bengkel Pengurusan Perolehan Bersama Ketua Jabatan, Pegawai A Dan B, MBPJ	5/11/2015 –	12 orang – W48, W41, J29, W27, N22, N17, W17
22.	Kursus Asas Pengesahan & Pengesanan Peserta Maklumat Bagi Pegawai-Pegawai Unit Integriti Jabatan/ Agensi Di Bawah Pentadbiran Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor	25/11/2015 – 27/11/2015	2 orang – W41, W27,
23.	Retreat UAD – Merangka Rancangan Audit Tahunan 2016 Serta Hala Tuju Dalam Menjalankan Pengauditan, Pengesahan Dan Pengesanan serta Cara Penyelesaian Yang Mampu Memberi Impak Positif Kepada Majlis.	29/12/2015 – 30/12/2015	14 orang – W48, W41, J29, W27, N22, N17, W17 & N11

Jadual 8 : Senarai Latihan Yang Dihadiri



Unit Pusat Setempat (OSC)



Mesyuarat Jemaah Menteri pada 21 Mac 2007 telah bersetuju supaya penubuhan Pusat Setempat (OSC) di Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) adalah merupakan salah satu daripada inisiatif yang telah diputuskan di dalam Persidangan Mempertingkatkan Sistem Penyampaian Perkhidmatan Kerajaan yang dilancarkan oleh Y.A.B Perdana Menteri pada 13 April 2007. Unit OSC Majlis Bandaraya Petaling Jaya (MBPJ) telah ditubuhkan pada 12 Jun 2007.

Dengan penubuhan Unit OSC, norma masa memproses permohonan dapat dipendekkan. Selain itu, kes-kes pertindihan ulasan teknikal semasa memproses permohonan kebenaran merancang, permohonan pelan bangunan, permohonan pelan kejuruteraan, permohonan pelan landskap serta permohonan untuk mendapatkan kelulusan pembangunan tanah dapat dielakkan.

Visi

“MBPJ Peneraju Gerbang Pembangunan”

Moto

“Mesra, Efisien Dan Berintegriti”

Matlamat

Matlamat Unit OSC ini adalah untuk mengurangkan karenah birokrasi di dalam prosedur dan proses cadangan pemajuan sekali gus meningkatkan sistem penyampaian perkhidmatan Majlis Bandaraya Petaling Jaya.


Objektif

1. Menyelaras dan memudah cara proses kelulusan permohonan pembangunan tanah, permohonan kebenaran merancang, pelan landskap, pelan bangunan, pelan kerja tanah, pelan jalan dan parit dan pelan-pelan lain berkaitan cadangan pemajuan.
2. Memantau norma masa bagi memastikan permohonan cadangan pemajuan diberi keputusan dalam tempoh 3 bulan.
3. Menyeragamkan prosedur dan proses cadangan pemajuan dengan mengambil kira peruntukan-peruntukan di bawah Kanun Tanah Negara 1965 (KTN 56), Akta Perancang Bandar dan Desa 1976 (Akta 172) dan Akta Jalan, Parit dan Bangunan 1974 (Akta 133).


Permohonan Yang Diterima Dari Januari 2015 Sehingga Disember 2015

Unit OSC telah menerima sebanyak 539 permohonan merangkumi permohonan kebenaran merancang, pelan landskap, pelan-pelan kejuruteraan, pelan bangunan dan permohonan Sijil Layak Menduduki (CCC). Faktor penurunan jumlah permohonan yang diterima pada tahun 2015 berbanding dengan permohonan dua (2) tahun sebelum ini iaitu bagi tahun 2013 dan 2014, adalah disebabkan negara berdepan dengan cabaran ekonomi yang kurang memberangsangkan.

Rajah 1 : Jumlah Permohonan Diterima Melalui Unit OSC Mengikut Tahun Sehingga 31 Disember 2015



Rajah 1 : Jumlah Permohonan Diterima Melalui Unit OSC Mengikut Tahun Sehingga 31 Disember 2015



Rajah 2 : Jumlah Permohonan Mengikut Kategori dari Tahun 2013 Sehingga Tahun 2015

Lain-lain Permohonan

Selain daripada permohonan seperti di Rajah 2, Unit OSC juga menerima lain-lain permohonan secara manual untuk edaran kepada agensi teknikal luaran dan dalaman seperti jadual di bawah:

Bil.	Jenis Permohonan	Jumlah
1.	Permohonan Perubahan Material	42
2.	Pindaan Pelan Bangunan (Pelan Bomba)	142
	JUMLAH	184

Rajah 3 : Jumlah Permohonan Yang Telah Diberi Keputusan Mengikut Tempoh Piagam Sehingga 31 Disember 2015




Rajah 3 : Jumlah Permohonan Yang Telah Diberi Keputusan Mengikut Tempoh Piagam Sehingga 31 Disember 2015

Anggaran Kasar Nilai Pembangunan (Gross Development Value – GDV) dan Anggaran Kasar Nilai Kos Pembangunan (Gross Development Cost – GDC) Bagi Projek Yang Telah Diluluskan di Petaling Jaya

Anggaran kasar nilai pembangunan (GDV) sehingga 31 Disember 2015 bagi projek-projek pembangunan yang telah diluluskan di Petaling Jaya ditunjukkan pada Rajah 4. Bagi anggaran kasar nilai kos pembangunan (GDC) sehingga 31 Disember 2015 pula adalah seperti di Rajah 5.


Rajah 4 : Anggaran Jumlah Kasar Nilai Pembangunan (GDV) Bagi Permohonan Yang Telah Diluluskan Dari Tahun 2013 Hingga Tahun 2015



Rajah 4 : Anggaran Jumlah Kasar Nilai Pembangunan (GDV) Bagi

Permohonan Yang Telah Diluluskan Dari Tahun 2013 Hingga Tahun 2015

Rajah 5 : Anggaran Jumlah Kasar Nilai Kos Pembangunan (GDC)
Bagi Permohonan Yang Telah Diluluskan Dari Tahun 2013 Hingga
Tahun 2015



Rajah 5 : Anggaran Jumlah Kasar Nilai Kos Pembangunan (GDC) Bagi Permohonan Yang Telah Diluluskan Dari Tahun 2013 Hingga Tahun 2015

Model Baru OSC 3.0

Latar Belakang Model Baru OSC 3.0

MBPJ pada 11 Mac 2015, telah menerima Pekeliling Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor (Seksyen Pihak Berkuasa Tempatan) PBT:SPBT Bil. 1/2015 - Pelaksanaan Urusan Pengeluaran Permit Pembinaan Melalui Model Baru OSC yang mengandungi tatacara melaksanakan Model Baru OSC 3.0.

Mesyuarat Jawatankuasa Pusat Setempat (OSC) Bil. 5 Tahun 2015, Majlis Bandaraya Petaling Jaya pada 18 Mac 2015, secara dasarnya telah bersetuju menerima pakai Pekeliling Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor (Seksyen Pihak

Berkuasa Tempatan) PBT:SPBT Bil. 1/2015

- Pelaksanaan Urusan Pengeluaran Permit Pembinaan Melalui Model Baru OSC 3.0 yang mengandungi tatacara melaksanakan Model Baru OSC 3.0. Pelaksanaan Model Baru 3.0 adalah perlu diperhalusi dan keperluan dokumen-dokumen berkaitan hendaklah diselaraskan bersama jabatan teknikal dalaman.


Setelah tatacara Model Barul OSC 3.0 diselaraskan dengan jabatan teknikal dalaman dan luaran, Mesyuarat Jawatankuasa Pusat Setempat (OSC) Bil. 15/2015 bertarikh 30 Julai 2015 telah bersetuju melaksanakan Model Baru OSC 3.0 berkuat kuasa mulai 15 Ogos 2015.

PERINGKAT-PERINGKAT PEMBINAAN

Merangkumi dari peringkat Mula hingga Akhir pembinaan




PENGUMPULAN MAKLUMAT TEKNIKAL



PERTIMBANGAN KEPADA PELAN-PELAN CADANGAN PEMAJUAN

- Permohonan serentak bagi KM, Infrastruktur dan Bangunan tidak diterima untuk permohonan yang terlibat dengan perihal tanah.
- Urusan tanah diselesaikan terlebih dahulu iaitu dengan menjelaskan bayaran premium di PTD sebelum pengemukaan Pelan Infrastruktur dan Pelan Bangunan.

PROSES 2



NOTIFIKASI (PERMULAAN KERJA BINAAN)

- Salinan resit bayaran Caj Pemaju - 75% telah dibayar daripada keseluruhan jumlah bayaran yang dikenakan semasa Keberanan Merancang (sekiranya berkaitan).
- Salinan resit bayaran Caruman Parit, JPS.
- Laporan kerja-kerja meroboh (sekiranya berkaitan)
- Jadual Pelaksanaan Projek.
- Lain-lain dokumen mengikut Senarai Semak


PROSES 3



PROSES 4

NOTIFIKASI PEMERIKSAAN INTERIM

- Pemeriksaan interim dilakukan oleh agensi tanpa memerlukan kehadiran pemohon.
- Sekiranya Agensi Teknikal/PBT dapat terdapat ketidakpatuhan, kemukakan laporan kepada Jawatankuasa OSC untuk pertimbangan.
- PSP perlu membuat pembetulan di tapak dalam tempoh 21 hari atau tempoh lain yang ditetapkan oleh Jawatankuasa OSC dan dipantau oleh Agensi Teknikal/PBT.
- Kerja-kerja ditapak diteruskan melainkan
- Arahan Berhenti Kerja dikeluarkan.



- Bagi sebarang ketidakpatuhan, agensi akan keluarkan notis ketidakpatuhan kepada pemohon.

PEMERIKSAAN AKHIR DAN PENGETAHUAN SURAT PEN GESAHAH CCC


- Perlu mendapatkan surat pengesahan Jabatan Penilaian dan Pengurusan Harta bagi tujuan pengiraan cukai pintu sebelum deposit CCC.

PROSES 5



- *Agensi mengemukakan surat pengesahan CCC kepada PSP dan salinannya kepada unit OSC

PROSES 5



Rajah 6 : Proses OSC 3.0

Jumlah permohonan yang diterima mengikut Model Baru OSC 3.0 mulai 15 Ogos 2015 sehingga 31 Disember 2015

Unit OSC telah menerima permohonan pelan-pelan pembangunan mengikut Model Baru OSC 3.0 seperti berikut:

Bil.	Jenis Permohonan	Jumlah
1.	Pelan Kebenaran Merancang	13
2.	Pelan Kejuruteraan	38
3.	Pelan Bangunan	37
4.	Pelan Landskap	10
JUMLAH KESELURUHAN		98

Program Publisiti Model Baru OSC 3.0

Unit OSC telah menjalankan sebanyak empat (4) program bagi pelaksanaan Model Baru OSC 3.0 iaitu :

1. Bengkel Berkaitan Model Baru OSC 3.0 Bersama Agensi Teknikal Dalaman MBPJ;
2. Bengkel Penyelaras Model Baru OSC 3.0 Bersama Jabatan Teknikal Luaran;
3. Bengkel Berkaitan Penyelesaian Isu Gerai / Medan Selera Majlis Bersama Agensi Teknikal Dalaman MBPJ; dan
4. iv. Bengkel Berkaitan Penyelaras Isu Teknikal OSC.

Bengkel Berkaitan Model Baru OSC 3.0 Bersama Agensi Teknikal Dalaman MBPJ

Bengkel Berkaitan Model Baru OSC 3.0 Bersama Agensi Teknikal Dalaman MBPJ telah diadakan pada 4 Jun 2015 bertempat di Hotel Eastin, Petaling Jaya, Selangor. Bengkel ini dipengerusikan oleh Timbalan Datuk Bandar, Tuan Johary bin Anuar dan seramai 32 orang peserta yang terdiri daripada Jabatan Perancangan Pembangunan, Jabatan Kawalan Bangunan, Jabatan Kejuruteraan, Jabatan Landskap,

Jabatan Perkhidmatan Kesihatan dan Persekutuan, Jabatan Penilaian dan Pengurusan Harta, Unit Pesuruhjaya Bangunan dan Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam telah menghadiri bengkel ini.

Bengkel ini diadakan bertujuan untuk membincangkan secara terperinci berkenaan Model Baru OSC 3.0 yang melibatkan Agensi Teknikal Dalaman. Objektif bengkel ini adalah:

1. Bertukar-tukar idea dan pandangan di dalam usaha meningkatkan mutu perkhidmatan dalam memproses pelan pembangunan yang dikemukakan kepada Majlis agar lebih efisien dan sempurna;
2. Menyelaraskan setiap prosedur dan proses OSC 3.0 agar mematuhi pekeliling yang dikeluarkan Kerajaan Negeri Selangor yang disesuaikan dengan keperluan Majlis; dan
3. Membuat rumusan dan penyelesaian terhadap isu-isu berkaitan pelan pembangunan yang dikemukakan kepada Majlis bagi memastikan proses OSC 3.0 berjalan lancar.



Bengkel Penyelarasan Model Baru OSC 3.0 Bersama Jabatan Teknikal Luaran

Bengkel Penyelarasan Model Baru OSC 3.0 Bersama Jabatan Teknikal Luaran telah diadakan pada 26 Jun 2015 bertempat di Bilik Bunga Mawar, Ibu pejabat MBPJ. Bengkel ini dipengerusikan oleh Timbalan Datuk Bandar, Tuan Johary bin Anuar dan seramai 12 orang peserta dari agensi teknikal luaran terdiri daripada wakil dari Jabatan Perancang Bandar dan Desa, Negeri Selangor (JPBD), Jabatan Alam Sekitar Negeri Selangor dan Wilayah Persekutuan (JAS), Jabatan Mineral dan Geosains (JMG), Lembaga Urus Air Selangor (LUAS), Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM), Pejabat Daerah / Tanah Petaling (PTD), Jabatan Kerja Raya (JKR), Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS), Tenaga Nasional Berhad (TNB), Indah Water Konsortium Sdn. Bhd., Syarikat Bekalan Air Selangor Sdn. Bhd. (SYABAS), Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM) dan Lembaga Perumahan dan Hartanah Selangor (LPHS) menghadiri

bengkel tersebut. Bengkel ini diadakan bertujuan untuk membincangkan secara terperinci berkenaan Model Baru OSC 3.0 yang melibatkan Agensi Teknikal Luaran. Objektif bengkel ini adalah:

1. Bertukar-tukar idea dan pandangan dalam usaha meningkatkan mutu perkhidmatan dalam memproses pelan pembangunan yang dikemukakan kepada Majlis agar lebih efisien dan sempurna;
2. Menyelaraskan setiap prosedur dan proses OSC 3.0 agar mematuhi pekeliling yang dikeluarkan Kerajaan Negeri Selangor yang disesuaikan dengan keperluan Majlis; dan
3. Membuat rumusan dan penyelesaian terhadap isu-isu berkaitan pelan pembangunan yang dikemukakan kepada Majlis bagi memastikan proses OSC 3.0 berjalan lancar.



Bengkel Berkaitan Penyelesaian Isu Gerai / Medan Selera Majlis Bersama Agensi Teknikal Dalaman MBPJ

Bengkel Berkaitan Penyelesaian Isu Gerai / Medan Selera Majlis Bersama Agensi Teknikal Dalaman MBPJ telah diadakan pada 14 September 2015 bertempat di Hotel Armada, Petaling Jaya, Selangor. Bengkel ini dipengerusikan oleh Pengarah Jabatan Khidmat Pengurusan, Tn. Hj. Ahmat Mohaayen bin Hj. Said dan seramai 27 orang peserta yang terdiri daripada kakitangan Jabatan Perancangan Pembangunan, Jabatan Kawalan Bangunan, Jabatan Kejuruteraan, Jabatan Landskap, Jabatan Perkhidmatan Kesihatan dan Persekitaran, Jabatan Penilaian dan Pengurusan Harta, Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam, Unit Pesuruhjaya Bangunan dan Unit Perundangan telah menghadiri bengkel ini.

Bengkel ini diadakan bertujuan untuk membincangkan dan menyelesaikan isu gerai/medan selera MBPJ bersama Jabatan Teknikal Dalaman bagi memastikan tindakan-tindakan berkaitan dilaksanakan selaras OSC 3.0 mulai peringkat perancangan, kelulusan pelan-pelan, pembinaan hak milik dan hal ehwal pengurusan dan penyelenggaraan. Objektif bengkel ini diadakan adalah:

1. Menentukan Jabatan yang bertanggungjawab sebagai *care taker* bagi pembangunan gerai/medan selera Majlis;
2. Membincangkan dan menambah baik proses tatacara pembangunan gerai bermula daripada peringkat kelulusan pelan-pelan pembangunan, kaedah

pengambilan dan penyediaan dokumen perjanjian, proses pembinaan dan penilaian di tapak, hal ehwal pengurusan dan penyelenggaraan gerai-gerai yang diserahkan oleh pemaju kepada pihak Majlis untuk diselaraskan dengan pelaksanaan OSC 3.0;

3. Mengkaji semula tugas-tugas *task force* yang ditubuhkan bagi mengkaji semula status semua gerai yang telah dibina dan dalam proses penyerahan mengikut syarat kebenaran merancang dan mengenal pasti langkah-langkah penambahaikan; dan
4. Penyediaan inventori gerai/medan selera bagi memastikan maklumat dan status terkini.



Bengkel Berkaitan Penyelarasan Isu-isu Teknikal OSC

Bengkel Berkaitan Penyelarasan Isu-isu Teknikal OSC telah diadakan pada 3 November 2015 bertempat di Hotel Grand Bluwave, Shah Alam, Selangor. Bengkel ini dipengerusikan oleh Timbalan Datuk Bandar, Tuan Johary bin Anuar dan seramai 34 orang peserta yang terdiri daripada kakitangan Jabatan Perancangan Pembangunan, Jabatan Kawalan Bangunan, Jabatan Kejuruteraan, Jabatan Lanskap, Jabatan Perkhidmatan Kesihatan dan Persekitaran, Jabatan Penilaian dan Pengurusan Harta, Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam, Unit Pesuruhjaya

Bangunan dan Unit Perundungan telah menghadiri bengkel ini.

Bengkel ini diadakan bertujuan untuk membincangkan dan menyelesaikan isu-isu teknikal OSC bagi tujuan semakan dan penyelarasan proses kerja serta penambahbaikan rekod. Objektif utama bengkel ini diadakan adalah bagi menambah baik *Standard Operating Procedure* (SOP) dan memastikan rekod-rekod fail permohonan serta laporan Portal OSC yang selaras. Oleh itu, objektif bengkel ini diadakan adalah:

1. Membincangkan semula jenis-jenis permohonan serentak yang boleh diterima di Unit OSC yang disesuaikan dengan tempoh proses mengikut piagam yang ditetapkan iaitu 90 hari;

2. Menyemak semula jenis-jenis permohonan yang diterima di Unit OSC tetapi diluluskan di peringkat jabatan dan tindakan menyediakan kertas kerja pemakluman oleh jabatan dalam Mesyuarat Jawatankuasa Pusat Setempat (OSC) untuk diminitkan bagi tujuan pengemaskinian rekod fail permohonan; dan
3. Memastikan pengemaskinian rekod-rekod permohonan dalam Portal OSC dapat dilaksanakan untuk semua permohonan yang diterima melalui Unit OSC dan selaras dengan rekod fail-fail permohonan.



Program Mesyuarat Jawatankuasa Pusat Setempat (OSC) Bil. 24 Tahun 2015

Taklimat Pembangunan Oleh *Iskandar Regional Development Authority (IRDA)* Dan Lawatan Teknikal Ke Nusajaya

Mesyuarat Jawatankuasa Pusat Setempat (OSC) Bil. 24 Tahun 2015, Taklimat Pembangunan Oleh *Iskandar Regional Development Authority (IRDA)* dan Lawatan Teknikal Ke Nusajaya telah diadakan pada 6 hingga 8 Disember 2015, bertempat di Hotel Le Grandeur Palm Resort, Senai, Johor. Seramai 62 orang peserta yang terdiri daripada Ahli Jawatankuasa Mesyuarat Pusat Setempat (OSC) dan turut serta Ahli Majlis Jawatankuasa Perancangan Bandar.

Program ini bertujuan untuk memperluas pengetahuan Ahli Mesyuarat Jawatankuasa OSC khususnya dalam membuat keputusan dan kawalan pembangunan yang lebih efisien dan berdaya saing. Untuk makluman,

Wilayah Pembangunan Iskandar merupakan pemangkin kepada pembangunan ekonomi wilayah selatan yang menyumbang 60% daripada KDNK Negeri Johor. Sebagai sebuah wilayah baru di selatan tanah air, Wilayah Pembangunan Iskandar kini menjadi pusat kepada pelaburan dalam pelbagai bidang seperti pendidikan, pelancongan, penjagaan kesihatan, pembuatan, prasarana dan pembangunan harta tanah. Kejayaan ini telah menarik perhatian Majlis untuk berkongsi pengalaman dan kejayaan dalam melaksanakan pembangunan yang seimbang bagi memastikan bahawa manfaat ekonomi dan sosial yang sama rata. Objektif program ini diadakan adalah:

1. Bertukar-tukar idea, pandangan dan pengalaman di dalam usaha meningkatkan pengetahuan dan kepakaran ahli mesyuarat semasa memproses dan membuat keputusan pelan-pelan pembangunan yang dikemukakan kepada Majlis; dan

2. Menjalankan mesyuarat dan membincangkan isu-isu berkaitan pelan pembangunan yang dikemukakan kepada Majlis untuk diberi keputusan.



Aktiviti 5S

Amalan 5S merupakan sistem pengurusan persekitaran berkualiti yang dipelopori oleh negara Jepun dengan penumpuan kepada lima (5) langkah tindakan pelaksanaan yang bermula dengan huruf awalan "S" yang bermatlamatkan pengurusan amalan kebersihan yang bersistematis. Seiri, Seiton, Seiso, Seiketsu dan Shitsuke adalah perkataan Jepun yang diringkaskan menjadi 5S di mana di dalam bahasa Malaysia, ia memberi maksud Sisih, Susun, Sapu, Seragam dan Sentiasa Amal. Unit OSC telah melaksanakan aktiviti ini bermula dari tahun 2013 sehingga sekarang.

Unit OSC telah melaksanakan beberapa penambahbaikan seperti memperkemas dan menambah baik ruang Sudut 5S, mengurus dan mengemas kini fail-fail permohonan supaya lebih teratur dan sistematik. Semasa Audit 5S pada 6 Oktober 2015, Unit OSC telah memperoleh stiker Cemerlang Amalan 5S bagi ruangan seperti berikut:



Sudut Maklumat di kaunter
Unit OSC



Sudut 5S



Fail-fail yang ditempatkan di Bilik Fail



Ruang Pantri



